



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

---

**Shah Alam, 12 Julai 2012 ( Khamis )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Liu Tian Khiew

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali

YB Tuan Ng Suee Lim

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

YB Tuan Lee Kim Sin

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

YB Tuan Lau Weng San

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

YB Tuan Haji Saari bin Sungib

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

YB Tuan Philip Tan Choon Swee

YB Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam

YB Puan Lee Ying Ha

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

YB Puan Gan Pei Nei

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK

YB Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK.

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK.

YB Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA.

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA.

YB Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

YB Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA.

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS.

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS.

YB Tuan Yap Ee Wah

YB Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK.

YB Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN.

YB Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK.

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

## **TIDAK HADIR**

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Yap Lum Chin

YB Tuan Amirudin bin Shari

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin

YB Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK.

YB Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

YB Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK.

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS.

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**Bentara**

Encik Redzuan bin Adam  
Encik Ibrahim bin Mat Mom  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua belas bagi hari keempat 12 Julai 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pagi ini. Dipersilakan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat kedua. Pertanyaan-pertanyaan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya bernombor 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : TAPAK INDUSTRI**

29. Berapa tapak industri telah sedia diwujudkan untuk membina kilang-kilang yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan baru 2010 hingga 2012 yang membina kilang di kawasan Industri yang sedia ada ?
- b) Berapakah peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam industri perkilangan sejak 2010 ?
- c) Apakah usaha kerajaan negeri menarik pelabur untuk melabur di negeri Selangor ?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Yang Berhormat dan selamat sejahtera kepada Puan Speaker dan semua. Batang Kali tanya berapakah nilai pelaburan baru 2010 hingga 2012 yang membina kilang di kawasan industri yang sedia

ada. Jawapannya ialah bagi tempoh 2010 hingga April 2012 sebanyak 431 projek baru telah diluluskan di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM11,937,920,193.00. Daripada jumlah ini sebanyak RM8,050,610,096.00 adalah daripada pelaburan tempatan. Dan sebanyak RM3,887,310,397.00 daripada pelaburan asing. Dan sumber ini daripada pihak MIDA.

Batang Kali juga tanya berapakah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dalam industri perkilangan sejak 2010. Jawapannya ialah dari tempoh 2010 hingga April 2012 sebanyak 57,451 potensi peluang pekerjaan yang telah diwujudkan. Daripada 678 projek yang diluluskan. Sebanyak 33272 adalah daripada pelaburan baru dan sebanyak 24,179 adalah daripada projek pembesaran dan pengembangan pelaburan.

Batang Kali juga berminat tentang usaha kerajaan negeri untuk menarik pelabur untuk melabur di negeri Selangor. Di antara usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk menarik pelaburan di negeri Selangor adalah termasuk memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing. Kedua, mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Ketiga, penubuhan Jawatankuasa Pemudah di negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di negeri Selangor. Keempat, penubuhan *Industrial Park Management Committee (IPMC)* di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Kelima, menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti *Selangor Science Park II*. Keenam, mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan Sijil Layak Menduduki, permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan bagi pihak industri atau pelabur menerusi *One Stop Centre* yang ditubuhkan di setiap PBT. Ketujuh, konsep mesra pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkadar bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri atau pelabur di Selangor. Kelapan, mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak industri. Kesembilan, pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan. Kesepuluh, penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan keluar negara. Kesebelas, bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan. Kedua belas, meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu atau permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi. Ketiga belas, penubuhan unit pelaburan di peringkat PBT bagi memudah cara dan membantu para pelabur dalam proses pelaburan di negeri Selangor. Sekian.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:**     Hulu Bernam

**YB DATO HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR:** Puan Speaker soalan No. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: PAJAKAN TANAH**

30. Kerajaan negeri berkuasa menentukan nilai dan tempoh pajakan tanah di seluruh Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar untuk menentukan nilai dan tempoh pajakan tanah di Selangor?
- b) Nyatakan statistik pembaharuan pajakan tanah mengikut daerah di Selangor?
- c) Apakah kerana negeri bercadang memberi tempoh pajakan sehingga 999 tahun?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Yang Berhormat Timbalan Speaker. Hulu Bernam bertanyakan tentang pajakan tanah kerajaan negeri berkuasa menentukan nilai dan tempoh pajakan tanah di seluruh Selangor. Apakah dasar untuk menentukan nilai dan tempoh pajakan tanah di Selangor. Apabila kita buat kajian tentang pengurusan tanah-tanah milikan kerajaan negeri kita dapati ada tanah-tanah yang didiami untuk sebagai digunakan oleh peneroka yang dipanggil untuk menduduki tanah tersebut. Kedua kita juga dapati mereka telah dibenarkan untuk menjalankan penanaman dan juga apa yang kita panggil perniagaan di tanah-tanah kerajaan yang mana kita juga bagi sewa sementara yang kita bagi antara tahun ke tahun. Kemudian kita juga ada dapati pendudukan di rizab-rizab sungai, di rizab-rizab jalan yang mana kerajaan juga dalam dengan sebab ada kala kita tidak boleh logikkan dia juga dibagi tol. Jadi oleh sebab itu, kita dapati apabila usaha kerajaan ingin mengambil alih tanah-tanah tersebut atas dasar pembangunan tertentu seperti melebarkan jalan, seperti membetulkan sungai, seperti juga membetulkan keadaan kawasan-kawasan yang diduduki oleh peneroka kita dapati masalah pelaksanaan itu sukar tetapi pampasan ada kalanya yang sangat besar diminta oleh mereka-mereka ini kerana pada pandangan mereka tol itu pun pemilikan bukan tol itu sementara bukan. Pada pandangan mereka oleh sebab mereka membayar tol ada kalanya tidak sampai RM100.00 setahun mereka merasakan ini adalah hak mereka. Oleh sebab itu kerajaan negeri membuat beberapa keputusan. Keputusan yang pertama kita terima hakikat ada



mereka yang sudah duduk di kawasan rumah itu berpuluh tahun jadi kita ada skim yang dipanggil skim pemilikan tanah rumah. Itu kita dah ada skim jadi kita tak payah bagi dia tol lagi. Sebab kalau kita bagi dia tol dia akan dalam keadaan sementara. Itu sebab kita buat. Kedua, kita juga dapati mereka yang buat *business* mengambil tanah kerajaan secara tol sementara. Tetapi apa yang di tanam oleh mereka ialah bukan sementara. Biasanya sementara adalah setahun atau dua tahun. Tapi kalau tanam pokok sawit, dia bukan setahun dua tahun dia sekurang-kurangnya 15 hingga 20 tahun. Ataupun membuat reban ayam yang sangat besar bererti dia bukan membuat *business* untuk satu hari tapi untuk berpuluh tahun jadi pendapatan melaluinya ataupun pendapatan untuk kerajaan tidak setimpal dengan sewa yang diberikan. Alasan yang sangat baik diberikan oleh mereka ialah kalau mereka tidak menggunakan tanah tersebut tanah itu menjadi belukar dan lalang. Jadi jawapan kita ini menunjukkan pengurusan hartanah milikan kerajaan negeri tidak cekap. Jadi saya telah berbincang dengan pegawai-pegawai kita telah menubuhkan pasukan petugas untuk menolong kita membersihkan tanah-tanah milikan kerajaan supaya dia diurus dengan baik ada kalanya lawatan saya ke daerah-daerah ada kalanya kerajaan sendiri tak tahu tanah itu tanah kerajaan. Jadi, kita sekarang nak membetulkan keadaan tersebut dan saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai rendah kerajaan, S.O. (*Settlement Officer*) semuanya itu yang telah beri kita maklumat terkini tentang pemilikan. Jadi oleh sebab itu, kerajaan membuat beberapa keputusan untuk mengkaji cara pemberian tol ini. Jadi oleh sebab itu kita minta daerah-daerah tidak mengeluarkan apa yang dipanggil membuat keputusan tentang pemberian tol ini tetapi dibincangkan di Majlis Tindakan Ekonomi Selangor supaya kita dapat bincangkan dan kita nak tahu apa kegunaan tanah ini dalam masa lima tahun akan datang. Supaya kita dapat menentukan penggunaan-penggunaan tanah ini dengan cara yang terbaik. Dan kalau kita tahu umpamanya tanah-tanah ini akan jadi rizab jalan kita mesti membagi notis kepada mereka untuk mengatakan mereka tidak boleh, mereka mesti bersedia untuk meninggalkan tanah-tanah tersebut dalam masa dua tahun akan datang supaya kita dapat melaksanakan program itu.

Kedua, jika kita dapati kita kena ubah status penggunaan tanah dan kita juga bagi notis kepada mereka. Jadi jawapan kita ialah kita tidak nak satu keadaan di mana mereka-mereka ini akan mengatakan kepada mereka kepada kita dia sudah bayar TOL tapi kita pula kita nak ambil tanah daripada mereka, walaupun mereka tahu TOL bukan pemilikan tanah. Akhirnya kita nak tentukan penggunaan tanah ini dan kedua, jika tanah ini tidak diperlukan oleh kerajaan negeri dan menggalakkan mereka menjalankan *business* kita juallah tanah kepada mereka dengan harga pasaran supaya pendapatan itu dapat didapati oleh negeri. Jadi dengan adil orang yang membuat *business* dia dapat keuntungan, dia juga membayar dengan harga hartanah yang sesuai. Jadi usaha untuk pajakan tanah ini kita *review* atau pun kita kaji semula supaya mendapat hasil yang munasabah kepada kerajaan negeri dan walau bagaimana pun pajakan

tanah ditentukan berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara dan penilaian tanah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Pajak tanah mengikut daerah sekarang kita terdapat 507 permohonan. Daripada Hulu Selangor 50, Hulu Langat 224, Kuala Selangor 89, Gombak 121 yang tak ada permohonan ialah daripada Sabak Bernam dan kerajaan tidak bercadang untuk ada satu cadangan ialah untuk memberi tempoh pajak sehingga 999 tahun. Ini serupa macam *free hold* tak de, tak ada bercadang. Sebenarnya, kalau kita nak ubah apa-apa daripada yang 99 tahun tu kita kena bawa perkara ini kepada Majlis Tanah Negara. Pada kebiasaannya Majlis Tanah Negara tidak berapa setuju saya dah menghadiri beberapa apa yang dikatakan mesyuarat tersebut, mereka tidak bersetuju untuk menukarkan konsep daripada pajak 99 tahun kepada hak milik kekal atau pun melebihi sampai 999 tahun. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Puan Timbalan Speaker, soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terdapat segolongan masyarakat di tempat sayalah generasi kedua FELDA yang tidak berjaya, yang tinggal di kampung yang sudah pun berumah dengan emak bapak dan sebagainya. Jadi mereka pernah mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk mendapatkan satu kawasan untuk mereka mendirikan perumahan dan sebagainya jadi kita dapati tiada sokongan daripada kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Jadi saya nak tanya, kenapa pihak kerajaan melengahkan untuk kelulusan tersebut kerana mereka juga daripada rakyat negeri Selangor yang perlukan rumah kediaman dan sebagainya kemudahan seperti orang yang lain. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Sebenarnya Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, satu *task force* yang telah kita tubuhkan untuk mengkaji tentang beberapa isu untuk masyarakat FELDA terutama dalam usaha mempertingkatkan pembangunan Generasi Kedua FELDA. Jadi di antara yang dicadangkan ialah untuk menyediakan perkampungan untuk mereka, jadi itu ada telah dibuat kajian. Ada beberapa isu yang kita mesti selesaikan. FELDA juga tanah-tanah FELDA adalah di bawah kelolaan Kementerian Tanah dan tanah-tanah itu kuasanya tidak ada di kerajaan negeri tetapi untuk itu kita cadangkan kita adakan perbincangan dengan pihak FELDA dan juga Kementerian Tanah supaya kita dapat rancang penyusunan semula.

Kedua, kita juga dapati ada tanah yang dikatakan milikan FELDA tetapi rupanya bukan, belum didaftarkan tetapi sekarang sudah jadi milikan negeri tapi kita belum dapat kepastian. Jadi kita ada perbincangan dengan kerajaan persekutuan untuk menentukan ini adalah milikan kerajaan negeri dan kerajaan negeri sudah tentulah bukanlah nak bagi 1,000 ekar yang perkara ini tetapi 20 ekar atau 50 ekar untuk dibangunkan sebagai

satu kawasan apa yang dipanggil pembangunan. Isu-isu ini perlu kita selaraskan sebelum kita buat pembangunan tersebut. Jadi itu sebab saya mintak Jawatankuasa Pemandu untuk melakukannya. Dia dah bawa kepada kita dua, tiga cadangan. Salah satu daripada perkara mengapa negeri agak bertanya-tanya tentang perkara ini ialah skim pembangunan kampung. Ada dulu dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional, skim pembangunan kampung. Lepas kampung itu dibangunkan di situ skim yang dipanggil untuk dibangunkan. Sebahagian besar daripada pembangunan itu termasuk dalam projek terbengkalai. Jadi oleh sebab itu kita bertanya betul adakah betul-betul kita boleh uruskan. Ada yang mencadangkan PKNS melakukannya tetapi kita kata ini bukan berasaskan kepada hanya pemaju sahaja, keupayaan dan kebolehan mereka-mereka ini untuk membiayai pembinaan. Boleh jadi harga tanah boleh dibeli dengan harga yang rendah tetapi pembangunan hartanah mestilah dibayar berasaskan dengan harga yang dibangunkan. Jadi itulah beberapa perkara yang kita ambil tetapi tak lama lagi saya rasa ada skim tersebut. Skim ini termasuk juga pembinaan infrastruktur ada kalanya pembangunan kampung itu tidak termasuk jalan yang nak dibuat, untuk tangki air yang nak dilakukan semua itu tidak dimasukkan, akhirnya projek itu biasanya yang kita kaji ialah antara projek terbengkalai.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Telok Datuk

**YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE :** Soalan No.32 Puan Timbalan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : SKIM KESIHATAN**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Memandangkan kerajaan negeri telah melaksanakan program MammoSEL untuk golongan wanita, adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan skim kesihatan untuk golongan yang lain termasuk golongan lelaki dan warga emas? Jika tidak, mengapa?

**YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Puan Timbalan Speaker dan terima kasih kepada Telok Datuk Saya akan jawab bersekali soalan daripada Batu Caves iaitu Soalan No. 92. Bagi menjawab pertanyaan Teluk Datuk mengapa program MammoSEL tertumpu pada golongan wanita sahaja dan apakah ianya dicadangkan untuk dibuka untuk golongan-golongan lain terutama lelaki dan juga warga-warga emas. Jadi untuk itu saya ingin mengatakan bahawa program MammoSEL atau Skim Kesihatan ini adalah satu kempen untuk memastikan 1 juta wanita Selangor ini sihat yang mana ia dilancarkan bagi tujuan memeriksa kanser payu dara secara percuma. Jadi kos setiap pemeriksaan memogram sebanyak RM90.00 telah ditanggung

sepenuhnya oleh kerajaan negeri. Ini adalah rentetan bila mana kita merasakan rasa hormat kepada wanita dan juga keprihatinan bahawa isu-isu peningkatan kes-kes kanser payu dara yang merupakan pembunuh No. 1 kepada wanita ini dapat kita lihat daripada tahun ke tahun. Oleh itu skim MemmoSEL ini adalah lebih kepada langkah-langkah pencegahan dan untuk memastikan wanita mengetahui status atau status kesihatan mereka sekarang ini dan akhirnya tidaklah terlewat jika mereka telah dapat dikesan lebih awal. Jadi untuk menjawab soalan daripada Teluk Datuk sebagaimana yang telah diterangkan oleh EXCO Kesihatan semalam, selain daripada Skim Kesihatan wanita in sebenarnya ada skim-skim yang telah dibuat di bawah program-program kesihatan untuk rakyat di negeri Selangor iaitu boleh saya hanya beri sedikit *briefing* atau pun sedikit secara lalu iaitu dalam program ini tidak mengkhususkan golongan tertentu kerana pemohon adalah meliputi pelbagai golongan rakyat. Di bawah program ini kerajaan negeri akan membiayai kos rawatan seperti penyakit katarak, katarak mata, pembedahan kecil dialisis, buah pinggang dan lain-lain. Jadi bagi soalan seterusnya yang ditanya oleh Batu Caves berapa banyak peruntukkan yang telah dikeluarkan sehingga Jun 2012 dan berapa ramai yang menyertai? Untuk makluman Puan Timbalan Speaker, sehingga Jun 2012 kerajaan Selangor telah membelanjakan sebanyak RM1,582,380.00 yang mana kos itu dikeluarkan berperingkat-peringkat secara bulanan dan kalau kita lihat sebenarnya wanita seramai 17,582 wanita yang telah mendapat manfaat daripada program ini dan 3 DUN yang paling tinggi dalam menghantar Skim Wanita ini ialah Teluk Datuk 1,111 sebab itu ia bertanya dengan saya, dia amat prihatin dengan isu wanita. Keduanya Sri Andalas iaitu 1,036 dan ketiganya Tanjung Sepat 690 orang dan akhirnya apakah kita akan lebarnya skim ini kepada pemeriksaan awal bagi mengesan barah pangkal rahim. Kita insya-Allah kerajaan negeri sekarang ini telah pun usaha sama dengan pihak yang memberikan pemeriksaan ini telah mula melibatkan skim ini bukan sekadar untuk pemeriksaan kanser payu dara kita melibatkan untuk mengesan barah pangkal rahim dengan menawarkan rawatan *pap smear* percuma dan juga pangkal rahim dan sebanyak 1,000 wanita yang pertama, ye untuk menyertai pemeriksaan ini dan ianya telah bermula semenjak Jun 2012 ini dan kerajaan negeri juga telah mempunyai perancangan untuk menambah peruntukan bagi perkhidmatan *pap smear* pada masa-masa yang akan datang. Jadi itu sahaja Puan Timbalan Speaker.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih. Tidakkah wajar diwujudkan skim kesihatan warga emas tanpa mengira lelaki, perempuan kerana warga emas ni orang yang lebih banyak dilawati oleh penyakitlah. So boleh hadkan umpamanya maksimum RM300.00 untuk diberi kepada dia untuk dia *check* di hospital

saya ingat lebih menggembirakan daripada dia dengar berita orang yang akan terima RM2,500 itu selepas dia meninggal. Terima kasih.

**YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Bangi. Sebenarnya untuk warga emas di seluruh Selangor ataupun di seluruh Malaysia sebenarnya sekarang ini boleh mendapat perkhidmatan percuma di bawah hospital-hospital kerajaan. Jadi untuk itu saya rasa kerajaan Selangor tidak mengambil langkah untuk buat masa ini memberi rawatan percuma kepada warga emas kerana ia telah pun dilaksanakan di seluruh Malaysia. Maknanya dia ke hospital kerajaan mendapatkan perkhidmatan tidak perlu membuat apa-apa bayaran.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Meru.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Soalan No. 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : BAYARAN CUKAI KEPADA KERAJAAN PUSAT**

33. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pembayaran cukai rakyat negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat untuk tahun 2010 dan 2011 dan berapakah peratus penyumbangan tersebut dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain ?
- b) Menurut amalan kerajaan pusat sebelum tahun 2008, berapa peratuskah dari jumlah pembayaran cukai disalurkan kembali kepada kerajaan negeri Selangor ?
- c) Sila senaraikan jumlah pembayaran cukai yang sepatutnya diterima dan jumlah pembayaran cukai yang pada hakikatnya diterima dari kerajaan pusat kepada rakyat Selangor sepanjang tahun 2009 hingga 2011 ?.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*, YB Puan Timbalan Speaker, Yang Berhormat dari Meru bertanyakan, ini soalan cepumas, bertanyakan tentang bayaran cukai kepada kerajaan pusat. Yang sebenarnya kita telah meminta data pembayaran cukai-cukai individu setiap negeri dari Pejabat Percukaian Negara iaitu *Text Section Department* tetapi ada baiknya juga dia tidak nak memberikan data tersebut tetapi tak bagi data tu pun tak jadi masalah kepada kita sebab ada beberapa cara untuk menganggarkan jumlah cukai yang dikutip. Bukan, bukan, boleh jadi kita tahu berapa kutipan cukai, berapa pula cukai yang boleh dikutip oleh rakyat di negeri

Selangor, jadi boleh kita buat anggaran. Antara anggarannya ialah berapa ramai penduduk negeri Selangor yang bekerja, jadi kita tahu nak buat kerja.

Kedua, kita tengok dari segi purata pendapatan. Jadi kalau kita tahu tentang purata pendapatan, kita boleh dapat anggarkan berapa jumlah pendapatan dan berapa cukai yang lebih daripada sejuta rakyat Selangor bekerja. Kedua, purata pendapatan ialah 4,306, iaitu 4 ribu tu dia *national average* tetapi kalau saudara buat kajian, pendapatan di Selangor dan Wilayah Persekutuan, 2 atau 3 kali ganda daripada pendapatan di Malaysia. Umpamanya jumlah pendapatan di Selangor ialah bukan, yang dipanggil di sini ialah per-kapita dipanggil iaitu US10 ribu tetapi dia melebihi 20 ke 50 ribu US. Jadi bayangkan lebih ramai orang di Selangor yang mempunyai pendapatan melebihi 20 ribu sebulan daripada di kawasan-kawasan di Terengganu, di Sabah apa semu. Jadi kita boleh buat kira-kira tersebut. Jadi daripada kira-kira tersebut, jumlah pendapatan persendirian, jadi ada dua ya. Ada jumlah pendapatan persendirian kemudian jumlah pendapatan dari syarikat-syarikat, kemudian jumlah pendapatan, kita ambil yang sedikit sahaja.

Kajian kita lebih kurang menunjukkan lebih daripada, lebih daripada 10 ribu juta sekurang-kurang dikutip daripada rakyat di negeri Selangor, tetapi jumlah terimaan daripada kerajaan persekutuan yang saudara Yang Berhormat daripada Meru kita mendapati hanya 562 juta, itu sahaja. Jadi, tapi yang sebenarnya kita tak boleh minta cukai-cukai seluruhnya di bayar balik ke negeri sebab kerajaan persekutuan juga ada beberapa fungsi pendidikan, pertahanan, pentadbiran dan apa semua, itu yang kita, tetapi salah satu cara yang dilakukan oleh negeri-negeri yang sudah berpengalaman dalam perkara ini, tiap-tiap tahun diadakan satu perbincangan di antara Kerajaan Pusat dan negeri-negeri. Dia dipanggil dalam tekniknya ialah *Income Equalization scheme*, jadi satu usaha untuk menstabilkan kalau dapat pendapatan yang banyak diberikan peruntukan yang sesuai. Juga dalam usaha itu, dalam usaha itu ada juga perbincangan yang mana negeri-negeri yang tidak bertumbuh rapi diberikan peruntukan yang lebih supaya dia juga boleh bertumbuh. Jadi kita bersetuju dalam perjumpaan tersebut, boleh jadi Selangor dapat sebahagian boleh jadi 20% daripada pembayaran-pembayaran cukai tetapi kalau di Kelantan maknanya tidak mempunyai jumlah cukai yang banyak, kerajaan, apa tu, persidangan itu boleh bersetuju untuk lipat gandakan pendapatan mereka. Jadi dengan cara itu mereka juga membangun. Jadi terdapat satu usaha pembangunan bersama, tidak ada satu negeri yang ditinggalkan. Sudah tentulah yang membayar banyak dapat juga banyak, yang membayar tidak banyak juga dapat ditolong supaya membangun. Jadi ada skim peruntukan, jadi tidaklah tertunggu-tunggu untuk melobi ataupun tidak tetapi usaha itu dapat dilakukan dan cara ini saya telah cuba terangkan di Parlimen, nampaknya belum dapat diterima lagi. Tetapi saya rasa perkara ini adalah penting supaya pengagihan itu akan menyebabkan pembangunan ekonomi di Malaysia juga pembangunan ekonomi di Selangor akan

bergerak rapi dan berterusan, dan ini boleh diukur dari segi tiap-tiap tahun pendapatan dan seterusnya. Negara Australia, *Canada* dan di *England* dan di Britain dia ada bezanya *sebab Scotland* lain, *Wales* lain dan ada tetapi yang saya kaji di Australia dan juga di Canada dia dilaksanakan, terdapat satu minggu perbincangan di antara negeri dengan pusat supaya ada pengagihan tersebut. Saya berharap kalau kita inginkan reformasi pengagihan pendapatan, ha... ini adalah satu cara yang saya rasa transparansi dan adil.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat yang mana kalau setiap tahun, ikut kebiasaan berapa kali kerajaan negeri Selangor ada dialog seperti yang dijelaskan dengan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan untuk menentukan keperluan dan apa yang kita perlukan kerajaan negeri Selangor boleh dimasukkan juga dalam belanjawan negara kita.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Speaker, sebenarnya jawapannya belum lagi, maknanya belum, belum terfikir. Sebab, sebab jawapan ini adalah saya rasionalkan, adalah asasnya dahulu. Kerajaan persekutuan ialah kerajaan yang menguasai semua kerajaan-kerajaan negeri. Jadi maknanya, biasanya kerajaan negeri hanya mengikut cakap kerajaan persekutuan, maknanya kalau banyak cakap tak dapatlah peruntukan, kalau kurang cakap, dapat, umpamanya saya tengok daripada kajian, bukan saya, ini contoh, contoh yang tak baik tetapi Melaka selalu mendapat peruntukan lebih sedikit daripada umpamanya peratus, saya bukan nak katakan jumlah, saya katakan peratus, dia ada dapat lebih, lebih daripada, katalah Selangor ataupun Perak dan seterusnya. Tetapi itu menunjukkan kedua, satu saya nak bagi contoh, ini benar. Di masa Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, Kedah, Kedah, bukan sahaja Kedah, satu Pulau Langkawi sahaja mendapat peruntukan yang sangat tinggi, maknanya sangat tinggi. Jadi maknanya itu dan ini tidak dibincangkan boleh jadi wakil kita masa dulu daripada Selangor tak berani bangun dan mengatakan perkara ini tak betul, boleh jadilah, itu saya, pada masa tersebut. Tetapi sekarang saya sudah bersedia, saya untuk mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan tentang keadilan peruntukan untuk negeri. Jadi dan juga penyaluran apa yang dipanggil peruntukan Yang Berhormat Batang Kali pernah mengatakan kerajaan buat ini, buat itu, buat apa tetapi peruntukan itu tidak dijelaskan dengan cara kedua-dua negeri ini bersetuju tentang keutamaan pembangunan. Bila kita setuju tentang penggunaan pembangunan, maknanya pembangunan itu bergerak selari umpama sebagai contoh, saya nak bagi contoh ni sebab Yang Berhormat daripada Meru, sebagai contoh perlunya kita membangun Klang dengan lebih rapi. Jawapannya kita perlu jambatan. Jambatan ketiga supaya jambatan ketiga itu bukan sahaja

menguntungkan Klang tetapi menguntungkan negara Malaysia sebab jambatan itu mengatasi kesesakan pengangkutan yang akan pergi ke pelabuhan kita yang terbesar di dunia. Jadi dengan cara itu, kita menggalakkan lagi, meningkatkan lagi *business* di kawasan tersebut. Jadi apabila kita duduk setempat mengatakan adakah jambatan ini perlu dari segi pembangunan ekonomi? Kedua-duanya akan cakap Kerajaan Persekutuan pun cakap perlu, kerajaan negeri pun cakap perlu, jadi kita binalah jambatan. Sekarang jawapannya bukan ke atas keperluan tetapi atas dasar oleh kerana selepas 2008 keinginan untuk membuat jambatan oleh kerajaan persekutuan sudah tidak ada. Ini satu dasar yang kita tak boleh terima sebab ini bukan satu dasar yang menguntungkan negara.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Caves, tidak hadir. Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABUL RAZAK:** Puan Timbalan Speaker, soalan saya nombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

35. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah organisasi yang komited dengan agenda membangunkan sektor perbandaran dan sosioekonomi rakyat dengan tujuan menyusun masyarakat Selangor agar lebih seimbang dan harmonis.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini cadangan pembangunan hartanah oleh PKNS bagi memajukan kawasan padang PKNS Kelana Jaya?
- b) Senaraikan syarikat-syarikat yang berjaya/terpilih untuk memajukan tanah-tanah milik PKNS di bawah program penswastan pembangunan tanah miliknya dari tahun 2008 sehingga kini?
- c) Apakah pengurusan PKNS akan mengubah sistem kuota penjualan rumah di bawah kelolaan PKNS dengan peruntukan 70% untuk Bumiputera dan 30% bukan Bumiputera?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Yang Berhormat daripada Permatang membangkitkan isu PKNS, PKNS ya. Pertama mengenai status terkini cadangan pembangunan hartanah oleh PKNS bagi memajukan kawasan padang PKNS Kelana Jaya. Maklum balas iaitu kebenaran merancang, kebenaran merancang untuk pembangunan di kawasan padang PKNS Kelana Jaya



pada 8 Jun 2012 telah ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Setempat OSC yang lepas, tak ada beza pun, setempat atas alasan tidak selaras dengan laporan rancangan tempatan Petaling Jaya PTPJ2 iaitu tapak cadangan pemajuan dizonkan sebagai tanah lapang dan rekreasi. Tapak yang dicadangkan itu telah dikategorikan sebagai zon komersial seperti mana yang terdapat dalam surat hak milik tapak yang dikeluarkan sejak tahun 1998. Jadi, jadi ini telah dibincangkan dan kerajaan negeri akan juga menerima laporan *SELCAT* untuk kita usahakan supaya satu penyelesaian yang akan dapat kita adakan. Jadi buat masa ini kebenaran merancang tidak ditolak oleh Majlis Jawatankuasa Setempat OSC.

Kedua, senaraikan syarikat-syarikat yang berjaya terpilih memajukan tanah-tanah milikan PKNS di bawah program penswastaan pembangunan tanah miliknya dari tahun 2008. Jawapannya Yang Berhormat dari Permatang, saya sudah hentikan program penswastaan. Sebab saya rasa dia tidak menguntungkan PKNS dan juga tidak menguntungkan sesiapa melainkan pemaju sahaja. Jadi oleh sebab itu sebabnya saya dapati 70:30, maknanya PKNS hanya dapat 30%, tanahnya tanah PKNS. Apabila untung dia dapat boleh jadi Yang Berhormat Seri Serdang teringat 30% jadi tauke, jadi apa tu, jadi apabila untung mereka dapat untung seringggit pemaju dapat RM77.00 dan PKNS dapat RM3.00. Apabila projek terbengkalai PKNS hilang semua tanahnya dan pula terpaksa membetulkannya, dan tidak memberi peluang untuk pegawai-pegawai PKNS mengendalikan program-program ini seperti syarikat-syarikat swasta yang lain. Syarikat-syarikat swasta yang lain, kalau dia dalam perniagaan pembangunan harta tanah dia buat sendiri. Sebagai contoh, pembangunan SP Setia lebih baru sahaja tidak sampai satu tahun tetapi perkembangannya lebih besar daripada PKNS, lebih daripada 40 tahun.

Tapi, untuk jawapan yang kedua, sebelum 2008 masih ada lagi projek penswastaan iaitu sudah dalam pelaksanaan (masih lagi dalam program) ialah 35 projek yang kita pantau dan projek keseluruhannya ialah 74 projek. Jadi, bukan sedikit tapi banyak.

Jadi, perkara yang ketiga. Ini satu perkara yang kita nak bincangkan. Apabila PKNS membuat pembangunan, PKNS dikenakan syarat 70:30 (70 untuk bumiputera, 30 bukan bumiputera). Tapi apabila PKNS *join venture* ataupun usaha sama, dia akan mengikut kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Maknanya hanya 30%. Itu sebab boleh jadi PKNS tak nak buat sebab dia tak nak beri 70%. Jadi, itu pun saya alih. Terima kasih.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Puan Speaker.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Seri Setia hendak bertanya kepada Y.A.B. Pertama ialah tentang pembangunan padang PKNS tersebut di kawasan Seri Setia. Memandangkan yang terlibat ialah bukan pemaju swasta tetapi pihak perbadanan kerajaan negeri, adakah lebih wajar bahawa PKNS menarik balik pembangunan tersebut memandangkan wujudnya percanggahan dokumen RTPJ 2?

Kedua ialah Seri Setia juga mengalu-alukan tindakan kerajaan negeri di bawah Y.A.B. yang menghentikan projek usaha sama melibatkan anak syarikat kerajaan negeri tetapi bukannya di dalam projek seperti pembangunan padang PKNS ini juga melibatkan pihak rakan kongsi swasta?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Itulah sebabnya kita telah membuat keputusan supaya kita melihat sekarang kalau YB lihat sebenarnya PKNS juga 30% bukannya pula 70%. Itu sebab kita akan *review* balik. Kita tidak hendak adanya keadaan yang sebegini. Jadi kalau keadaan sebegini, jawapannya adakah kerajaan negeri menolong PKNS ataupun menarik untuk PKNS projek ini, yang sebenarnya kita tarik ataupun kita tidak tarik. Kita akan membuat keputusan hanya untuk 30%. Keputusan yang 70% itu akan menumpang kepada kita dan keputusan ini tidak memberikan kebaikan kepada kita. Jadi, setiap keputusan kita akan memberi kesan kepada usaha sama tersebut. Dan saya telah meminta supaya perjanjian tersebut dilihat semula. Adakah kepentingan kerajaan negeri dan rakyat setempat diambil kira dalam usaha sama tersebut.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Speaker.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Speaker.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER:** Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Y.A.B. Menteri Besar, terima kasih atas jawapan mengenai tiada lagi penswastan oleh pihak PKNS ataupun *join venture*. Saya ingin tanya satu soalan kepada YAB Menteri Besar, apabila PKNS ni menjadi pemaju kepada tanah-tanah mereka tanpa ada *join venture*, sudah tentulah ini memberikan kelebihan kepada PKNS. Sebab PKNS juga kita maklum sebagai pemaju yang sudah begitu berjaya di negeri Selangor. Soalan saya kepada YAB Menteri Besar, kalau PKNS sendiri membuat perumahan ini tapi yang saya nak timbulkan ialah kenapa pembangunan-pembangunan yang dibuat oleh PKNS di Shah Alam selepas tahun 2008 ini didapati harga-harga *property* (rumah, rumah kedai) yang ditawarkan kepada pembeli-pembeli pada harga yang begitu tinggi? Contoh, rumah-rumah teres. Kita tak dapat lagi di bawah RM200,000, kadang-kadang melebihi sampai RM400,000, RM500,000. Rumah berkembar (Semi-D) di Shah Alam contohnya di Seksyen 7 dan beberapa seksyen yang lain dijual oleh pihak PKNS pada kadar yang

cukup tinggi RM1.2 juta ke atas. Ini kalau PKNS sendiri sebagai pemaju sudah tentulah harga begini boleh dikawal dan memberikan manfaat kepada rakyat di negeri Selangor. Jadi, sepatutnya kalau penswastaan kita ada alasan. Swasta ambil untung, PKNS pun dapat untung. Hari ini PKNS. Jadi, saya nak minta pendapat YAB Menteri Besar mengenai perkara ini. Kalau boleh sebab ini untuk kegunaan rakyat di negeri Selangor. Jadi, kalau rumah teres sekitar RM300,000, RM400,000 sekarang sudah cukup membebankan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Puan Timbalan Speaker. YB daripada Permatang ada dalam keadaan *dilemma*. *Dilemma* ialah satu ialah bila kita bersaing dalam pasaran biasa, nilainya ditentukan oleh harga pasaran. Jadi, itu.

Kedua, itu syarat penting kalau kita bersaing dengan harga pasaran. Jadi, kenapa pula syarikat swasta dapat menjual dengan harga tersebut dan PKNS tidak dapat menjual dengan harga tersebut? Itu satu.

Kedua, apabila PKNS buat secara ada diskaun yang biasanya ada tetapi diskaun yang melampau dan ada terdapat beberapa keadaan spekulasi dan salah gunakan peruntukan tersebut. Jadi, itu sebab kita adakan kita kata *let the market price stay*. Maksudnya kalau dia jual RM1juta, ada juga pembelinya. Maksudnya *the market price stay*. Maksudnya itu harga pasaran dan keuntungan daripada PKNS itu kita gunakan untuk usaha membangunkan projek-projek yang mana ianya tertumpu pada mereka yang tak mempunyai tanah ataupun pendapatan yang rendah. Jadi, kita tidak boleh lakukan kedua-duanya sekali nak tolong orang, nak juga buat pembangunan yang bersaing) Itu sebab dah 40 tahun PKNS buat, keuntungannya tak banyak, hasilnya pun tak berapa berbanding dengan syarikat-syarikat yang ada. Jadi, kalau *the market can take*, kita berikan. Tapi kita juga ada program peruntukan untuk keuntungan-keuntungan ini kita gunakan untuk projek-projek yang betul-betul. Sebagai contoh keuntungan dari PKNS kita juga salurkan kepada program di Bukit Botak. Jadi, kita tahu. Itu betul-betul menolong peneroka yang tak ada betul-betul dulu tak ada tanah, tapi dia ada tanah sekarang. Kita bangunkan, kita tunjukkan berapa sebenarnya subsidi yang telah kita berikan. Tapi tertumpu pada orang-orang tertentu. Jadi, dengan penumpuan itu, kita dapat menyelesaikan masalah sosial yang tidak dicampuradukkan dengan *market mechanism*. Jadi, masalah sosial kita buat, *market mechanism* kita buat.

Jadi, salah satu daripada kepincangan yang didapati dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ialah kepincangan antara *the dilemma of market related transaction and dilemma of discount to the world*. Jadi, terdapat orang awam yang berkeceapan (boleh jadi ada orang-orang yang mempunyai perhubungan) boleh mendapat 7, 8 rumah unit yang dibeli dan selepas pembelian tersebut dia akan jual dengan harga pasaran. Jadi, kita kata kita buat satu skim yang mana dia kena pegang 10 tahun.

Tapi, pengalaman saya sebagai Menteri Besar, saya tiap-tiap minggu saya akan menandatangani lebih kurang 300 ke 500 permohonan untuk memindah milik tanah sebab bukan dia dah nak jual tanah tersebut dengan alasan mestilah alasan sosial, mak sakit, anak nak pergi ke luar negeri apa semua. Tapi, bila kita buat kajian mereka telah dapat peluang membeli rumah-rumah itu dengan harga diskaun dan tidak menolong mereka-mereka yang tak ada rumah untuk mendapat kesempatan ini dan salah satu cara untuk menyelesaikan *market mechanism*.

Kita juga akan berbincang *market mechanism* ialah *increase supply* dan jaga dia punya harga. *Increase supply*. Sekarang kita tidak dapat meningkatkan penawaran. Saya rasa tak lama lagi daripada perhatian saya, tidak lama lagi oleh kerana kelulusan yang banyak telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan akan terdapat satu penawaran hartanah yang sesuai yang akan memberi kesan bukan merugikan tapi menurunkan kepada harga yang lebih sesuai.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Puan Timbalan Speaker.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih. Mengapakah pihak PKNS akan berpindah (memindahkan) pejabat operasinya daripada Bangi ke Cyberjaya? Kalau nak dikatakan tanah Bangi dah tak ada, ok la. Tapi, Hulu Langat masih luas untuk dibangunkan melalui PKNS. Kita harap ertinya pejabat ini dikekalkan untuk Hulu Langat. Cyberjaya mesti buat yang barulah, jangan dipindah yang Bangi. Kemudian, kalaulah terpaksa pindah juga nak buat apa bangunan di situ? Nak dijual ataupun nak disewa? Tapi kita harap jangan dipindahlah. Kekalkan dia supaya pejabat PKNS untuk Hulu Langat, bukan untuk Bangi saja. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** YB Puan Timbalan Speaker, YB Bangi lebih tahu daripada saya tentang (saya Pengerusi PKNS) tapi perkara itu tidak kita bincangkan tapi tentang peralihan pejabat-pejabat itu tak ada dibincangkan di ahli lembaga pengarah. Jadi, apa yang saya nak katakan saya akan

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya banyak kali hadir mesyuarat bersamalah. Selalu disebut-sebut nak dipindah tu, tapi kita sebut 'kita jangan pindah, jangan pindah' tapi dia kata dah nak pindah dekat dah dia kata.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Jadi, saya akan tengok tapi tugas lembaga ialah *determine the policy* (tentukan usaha / pencapaian) dan kita benarkan. Tapi daripada jawapan / kenyataan YB Bangi maknanya masyarakat perlukan PKNS di sana sebab *client* PKNS banyak di Bangi. Jadi, PKNS mesti ambil pertimbangan dalam hal

tersebutlah. Itu yang saya nak simpulkan supaya dapat PKNS masih lagi ada hubungan dengan, saya ingat Bangi adalah antara kawasan yang mana PKNS telah dapat menjual beribu-ribu unit. Jadi, oleh sebab itu boleh jadi kita akan minta mereka buat andaian tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil.

**YB DATO' MASRSUM BIN PAING:** Terima kasih Puan Timbalan Pengerusi. Timbalan Speaker, soalan saya nombor 36.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : TAPAK PERUMAHAN PEKERJA LADANG**

36. Kerajaan negeri berjanji kepada penduduk Taman Permata Dengkil akan memberi tanah seluas 25 ekar untuk tapak perumahan baru bagi menggantikan kediaman sedia ada.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Di manakah cadangan tanah tersebut?
- b) Bagaimanakah cara pemberian tersebut adakah nama individu atau nama syarikat dan premium yang dikenakan?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANAANDAM :** Terima kasih, *thank you*. Soalan ini saya kena terangkan sedikit sebab ini ialah isu Taman Permata Dengkil di mana penduduk-penduduk di dalam taman itu meminta untuk mengadakan pembinaan rumah-rumah baru latar belakang dia sedikit. Pembangunan pusat pembangunan persekutuan di Putrajaya telah melibatkan pengambilan tanah-tanah ladang dulu, Ladang Prang Besar, Ladang Galoway, Ladang Magelene dan Ladang Sedeli dan menyebabkan empat ratus keluarga pekerja ladang kehilangan tempat tinggal. Projek perumahan pangsapuri kos rendah Taman Permata merupakan projek perumahan di bawah Setiausaha Kerajaan Selangor bagi menempatkan semula bekas pekerja ladang untuk membangunkan semula pusat pentadbiran baru persekutuan di Putrajaya. Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meluluskan tanah seluas 10.774 ekar dijadikan kawasan tapak penempatan semula pekerja ladang Putrajaya dan dikenali sebagai Taman Permata, Mukim Dengkil. Dengan 400 unit buah pangsapuri rendah, 2 unit Tabika, 1 unit tapak Surau dan 1 unit tapak Kuil telah dibina, semua di separuh bina, satu dewan yang telah bina tidak boleh digunakan sekarang telah pun pecah, retak, runtuh dan sebagainya. Perbadanan Putrajaya merupakan agensi pelaksanaan manakala Putrajaya Holdings adalah pemaju yang telah melantik kontraktor secara

*turnkey* bagi pembinaan PRKR berkenaan. MMKN telah meluluskan projek perumahan Setiausaha Kerajaan Selangor pada waktu itu melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad sebagai agen menguruskan penjualan rumah tersebut. Ini satu projek *out sources*. Putrajaya telah, Putrajaya Holdings telah sorokkan untuk PNSB membina rumah-rumah itu. Sebenarnya kerja-kerja dari keempat-empat ladang adalah penduduk Putrajaya yang asal kini sebagai Wilayah Persekutuan Putrajaya. Malangnya semua mereka pindah ke negeri Selangor tanpa sebarang jaminan dan kemudahan sosial yang lain untuk membangunkan semula masyarakat tersebut. Ini saya katakan, inilah sikap kerajaan pusat era zaman Mahathir. Pindahan ini mengakibatkan kehilangan punca pendapatan bagi para pekerja oleh sebab itu ramai anak-anak yang bersekolah terpaksa memberhentikan pembelajaran, hampir 60 % daripada pekerja yang pindah ke Taman Permata tidak dapat pembayaran bayaran ansuran bulanan bagi rumah mereka dan lain-lain *charges* yang dikenakan bagi rumah tersebut.

So, Jawatankuasa Penduduk Pertama Taman Permata Dengkil adalah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh para pekerja yang menetap di flat Taman Permata. Mereka hantar satu memorandum kepada kerajaan negeri pada 22 hari bulan September 2011 tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka seperti perkhidmatan Perbandaran Sepang, kerosakan bagi rumah, tangki air kumbahan, kerosakan sistem pembentukan bangunan, tentang bayaran ansuran rumah dan sebagainya. Saya telah membuat satu lawatan bersama pegawai perumahan dan pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Sepang, supaya kenal pasti masalah-masalah di tapak ada pada 12 Oktober 2011 supaya pasti masalah-masalah dan penyelesaian masalah. Dengan itu dengan kerjasama Tan Sri Menteri Besar kita telah arahkan PNSB untuk keluarkan peruntukan sampai RM300 ribu untuk atasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di dalam taman itu. Dengan ekoran itu, pada satu mesyuarat di antara penduduk dengan Ahli Parlimen di dalam kawasan itu sebab keadaan di dalam Taman Permata memang teruk. Saya ingat siapa pun di dalam dewan ini kalau nampak situasi di dalam taman itu tak nak duduk di kawasan itu. Pada itu Jawatankuasa Penduduk juga menghantar satu memorandum kepada Kerajaan Pusat melalui Ahli Parlimen. Beliau memberi tahu dalam surat jawapan jika Kerajaan Negeri Selangor sanggup memberi 100 ekar tanah bagi membangunkan rumah bagi penduduk Taman Permata, beliau akan menguruskan melalui Kerajaan Pusat rumah teres satu tingkat bagi semua keluarga yang terbabit. Ini memorandum yang dihantar. Dan surat jawapan dari MP Sepang. Kerajaan negeri diberitahu melalui PNSB bahawa kajian Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd mengatakan kawasan perumahan itu tidak selamat diduduki dalam jangka masa yang panjang. Maka Kerajaan negeri telah pun mengarahkan Pejabat Tanah Sepang untuk mengenal pasti tanah yang mencukupi untuk membina rumah teres bagi 400 keluarga tersebut. Melalui surat yang bertarikh 21 Oktober 2011 Pejabat Tanah mengenal pasti sebahagian lot 12456 dan 12457 seluas 18 eka,r tanah kerajaan bagi tujuan ini. Harap, harap kerajaan pusat dan

Putrajaya Holdings dapat mengotakan perjanjian mereka kepada semua penduduk flat Taman Permata dengan pembinaan rumah teres satu tingkat.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Puan Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Dengkil.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ingin memahami bahawa surat yang ditujukan kepada persatuan penduduk ialah sekiranya persatuan penduduk mendapat tanah daripada kerajaan negeri sebanyak 100 ekar maka saya difahamkan yang AMP sanggup membina rumah-rumah tersebut tapi dengan syarat 100 ekar. Dan yang keduanya Yang Berhormat, pada 30 hari bulan yang sudah, 30 hari bulan Jun satu pelancaran memasang papan tanda telah pun disempurnakan oleh Ketua PKR Bahagian Sepang dan juga penyelaras DUN PKR Dengkil bersama dengan Setiausaha Agong SUARAM. Jadi saya juga telah dijemput oleh mereka. Dan saya ingin tahu adakah tanah yang disebutkan itu telah mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya telah jawab soalan itu. Saya telah katakan tanah itu telah dikenal pasti oleh kerajaan. Itulah tanah kenal pasti. Kalau kerajaan pusat sudah setuju untuk bina tanah itu, beritahu dalam bertulis ke pejabat Tanah ataupun kepada saya, saya akan bawa itu kepada EXCO, tanah yang dikenal pasti itu tentu akan diberikan untuk penduduk-penduduk Taman Permata untuk bina rumah. Kalau janji-janji yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen dan juga Dengkil, tentu di teruskan kita boleh bagi tanah, tiada masalah.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya rasa Yang Berhormat EXCO kena faham isi surat kandungan itu ialah sekiranya diberikan tanah 100 ekar kepada Persatuan Penduduk, maka MB setuju untuk membuat bangunan itu. Tapi saya nak tahu, saya nak tahu pelancaran telah pun di buat pada 30 hari bulan Jun yang anehnya ialah mengapa Ketua Bahagian Pakatan Rakyat yang juga penyelaras DUN PR Dengkil dan juga Setiausaha Agong yang merasmikan pelancaran tapak itu.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bukan untuk rasmi, kenal pasti bahawa itulah tanah yang akan di bagi. Walau pun kenal pasti you kena tahu tempat itu, tetapi kita tak akan beri 100 ekar kepada you kepada siapa-siapa yang minta. *Sorry* kepada Dengki atau pun kepada Ahli Parlimen Sepang. 100 ekar itu, pasal apa kita nak bagi 100 ekar. 18 ekar yang dikatakan lot 12456 dan 12457 cukup. Kalau yakin dan nak *full fill* janji-janji yang dikatakan dahulu, lakukan kita boleh terus tak ada masalah kita boleh bagi tanah.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Soalan saya Yang Berhormat adakah kerajaan telah meluluskan tapak itu kepada penduduk. Soalan saya tak berjawab. Soalan ini ada bersyarat. Adakah kerajaan negeri sudah meluluskan tapak itu. Itu soalan saya.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Itu saya kata dalam jawapan saya tanah itu telah di kenal pasti sebagai tanah untuk penduduk Taman Permata Dengkil. Tak ada tanah itu sudah. Kalau *you*, kalau Dengkil dan Ahli Parlimen setuju untuk ambil tanah itu, tulis sahaja surat kepada kita. Katakan kita akan mulakan perbincangan dengan penduduk-penduduk. Inilah caranya kita nak bina rumah di atas sana. Ini lah caranya pembayarannya untuk rumah, macam mana penduduk bayar kepada rumah, berapa rumah akan dibina atas tanah itu. Tulis kepada kita. Kita telah kenal pasti tanah itu. Itulah tanah. Tak payah berikan tanah kepada siapa. Kita nak berikan tanah kepada siapa sekarang. Siapa kita akan berikan tanah itu kepada siapa. Siapa akan kita berikan tanah itu kepada siapa sekarang.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dengkil.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya kena faham bahawa surat yang ditulis oleh MP ialah pemberian tanah itu hendaklah di beri kepada Persatuan penduduk *than only* dia setuju untuk membina. Itu syarat. Itu syarat surat yang telah pun dikemukakan.....

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Kita tidak boleh bagi tanah itu kepada Persatuan Penduduk. Kita tak boleh bagi. Sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab kita tak boleh bagi 18 ekar kepada Persatuan Penduduk. Itu bukan caranya kita menyelesaikan masalah perumahan. Kalau Dengkil dengan Ahli Parlimen Sepang datang duduk dengan kita katakan *give us a concrete plan* macam mana *you* nak lakukan ini pertukaran ini. Saya sedia untuk terima dan lepas itu akan bawa kepada EXCO untuk dapatkan kelulusan tanah itu. Tanpa ada apa-apa pun di atas meja kalau *you* kata bagikan tanah kepada sesiapa, ini tanah kerajaan, kita tak nak bagi macam itu. Kita kena adakan satu pelan yang konkrit untuk kita atasi masalah. Terima kasih Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih. Sungai Burong.

**YB DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Timbalan Puan Speaker. Soalan 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: HUTANG TALAM CORPORATION BHD**



37. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kutipan hutang daripada Talam Corporation Bhd telah berjaya dikutip oleh kerajaan negeri Selangor? Berapakah jumlah kutipan hutang tersebut setakat ini?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, soalan ini, soalan hutang Talam ini sudah terlalu banyak di persoalkan tapi statusnya, status terkini kutipan maknanya duit yang RM302,711,391. Jadi itu yang status yang ada. Jadi kita ada lagi 80 juta yang masih kita tunggu pembayarannya. Jadi statusnya kita dah dapat 300 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Permatang. Berapa yang ada, jadi statusnya yang diberi oleh Pegawai MBI kepada saya ialah 302,711,391 ringgit. Dan duit ini juga akan berkembang sebab kita akan masukkan untuk dilaburkan bukan dilaburkan untuk saham tapi untuk pendapat-pendapatan faedah kita.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih. Bukit Antarabangsa. Tidak hadir. Kota Alam Shah.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PENUBUHAN PUSAT KEBUDAYAAN MELAYU, CINA DAN INDIA.**

39. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- (a) Mengapakah sehingga ke hari ini Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India yang telah dicadangkan penubuhannya masih belum di buka lagi?
- (b) Sekiranya Pusat Kebudayaan Melayu Cina dan India ini di buka, di manakah lokasi-lokasi sebenar yang akan di pilih mendirikan Pusat Kebudayaan tersebut.?
- (c) Mengapakah lokasi-lokasi tersebut dipilih, sekiranya ia telah dikenal pasti?

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Puan Timbalan Speaker. Saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Alam Shah iaitu berkaitan dengan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India di mana soalnya masih kenapa masih belum di buka lagi. Ingin saya beritahu di sini bahawa usaha menubuhkan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini beberapa fasa dan peringkat perlu diteliti dan dilalui bagi memastikan penubuhan projek

ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya kepada pencinta-pencinta dan penggiat-penggiat seni dan budaya di negeri Selangor. Oleh itu konsep dan pengisian juga merupakan satu aspek yang perlu dikaji bagi menjadikan pusat kebudayaan Melayu, Cina dan India ini menepati objektif pembangunan dan ia nya sepatutnya lestari. Dengan menggunakan khidmat kepakaran, untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga Puan Timbalan Speaker, konsep pembangunan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini telah pun dipilih setelah beberapa perkhidmatan daripada pakar-pakar dapat memberikan tiga – tiga konsep ini dan kita sebenarnya telah pun, kerajaan telah pun mengambil kira dan ia nya telah pun dipamerkan di EON Bukit Raja, Bandar Baru Klang baru-baru ini pada 27 Jun hingga 2 Julai 2012 yang mana kita lihat, alhamdulillah penyertaan atau pun mereka yang hadir selama lima hari ke pusat *exhibition* ataupun pameran itu amat menggalakkan. Walau bagaimana pun kita amat berharap ketiga-tiga pusat kebudayaan ini akan di buka dan mula beroperasi sebaik sahaja beberapa proses peringkat demi peringkat seterusnya dapat selesai dilaksanakan. Untuk pengetahuan semua Yang Berhormat setelah di pameran selama tiga hari di EON Bukit Raja, tempoh hari sekarang ini semua pameran-pameran itu di bawa ke Majlis Perbandaran Klang untuk terus dipamerkan kepada masyarakat Kelang khususnya untuk mendapatkan pandangan dan *feedback* yang positif dan komen-komen yang membina dari rakyat.

Dan soalan yang seterusnya yang dikemukakan oleh Kota Alam Shah, di manakah? Lokasi-lokasi sebenar yang akan dipilih, ingin saya nak menjawab di sini Puan Timbalan Speaker, ketiga-tiga pusat budaya negeri Selangor ini telah diteliti dengan cadangan sejajar dengan hasrat Mesyuarat Kerajaan Negeri agarnya ia selari dengan pengumuman Pakej Rangsangan Sungai Klang oleh Menteri Besar pada tahun 2009, yang mana kita telah pun menempatkannya ataupun kita mencadangkan ketiga-tiga tapak ini ditempatkan di sepanjang Sungai Klang, Jadi hasil tinjauan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Desa [JPBD] Negeri Selangor bersama Pejabat Daerah Klang dan Pejabat Majlis Perbandaran Klang kita dapati lokasi-lokasi yang bersesuaian bagi tujuan membangunkan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini adalah pusat kebudayaan Melayu di sekitar Kampung Kuantan Klang, Pusat kebudayaan Cina di sekitar Bandar Klang, Pusat kebudayaan India di sekitar kampung Pandan, Klang.

Jadi, soalan seterusnya kenapa? pemilihan lokasi ini dibuat. Dalam pemilihan ini sebenarnya lokasi pembangunan ketiga-tiga pusat ini beberapa faktor dan potensi dan halangan telah diambil kira bagi memastikan tapak pembangunan berkenaan tidak menimbulkan kesulitan pada masyarakat pada masa akan datang. Jadi kalau kita lihat pastinya di dalam meneliti tapak-tapak lokasi ini kita mengambil dua (2) satu potensi dan juga halangan-halangan, jadi Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker izinkan saya menyatakan kat sini faktor-faktor pemilihan lokasi tersebut, kalau kita lihat pusat

kebudayaan Melayu kenapa? dipilih sekitar Kampung Kuantan Klang, potensi yang ada di kampung Kuantan itu, iaitu kedapatan tanah untuk pembangunan yang mana kawasan sedia ada adalah sekarang ini semak samun dan ianya boleh dikatakan berhampiran dengan perkampungan Melayu, potensinya juga adalah kerana mempunyai *accessibility* sedia ada iaitu di sekitar Jalan Bukit Kuda, dua kilometer ke Pusat Bandar Klang sahaja dan kita lihat kemudahan keagamaan yang sedia ada seperti Masjid kampung Kuantan yang boleh berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan pusat kebudayaan Melayu dan dimasukkan bersekali dengan konsep pembangunan sedia ada, tetapi pastinya halangan yang kita dapati kalau ia di laksana di Kampung Kuantan, tanah milik individu sebanyak 8 lot yang perlu diambil kira kalau ianya diambil pengambilan semula sekiranya ia dipilih dan juga kita lihat perumahan sedia ada seperti berdepan dengan rumah-rumah yang berdepan dengan tapak pembangunan tersebut yang perlu diselesaikan.

Ingin saya nyatakan juga untuk pusat kebudayaan cina iaitu di sekitar bandar Klang kenapa? Lokasi itu dipilih kerana potensinya *accessibility* sedia ada iaitu di sekitar Jalan Pasar iaitu satu kilometer ke Pusat Bandar Klang yang juga merupakan kita lihat di sudut kemudahan keagamaan di sana kita telah dilihat di sekitar kawasan di cadangkan dianggarkan sebanyak 25 buah tokong sedia ada yang terdapat ditapak berkenaan yang kita lihat ianya adalah merupakan satu nilai sejarah yang boleh dikekalkan. Yang akhirnya, potensi yang ada untuk pusat kebudayaan cina ini kita lihat struktur yang tidak kekal iaitu kecuali bangunan tokong jadi kita lihat kalau kita ingin membuat pembangunan di situ ia memudahkan dari sudut pembangunan, tetapi tidak dinafikan halangan yang ada, beberapa halangan iaitu perumahan yang sekitar tapak yang dicadangkan perlu juga dibuat penempatan semula dan ada juga aktiviti perindustrian yang berskala besar dan masih aktif di sekitar tanah tersebut.

Dan ketiganya untuk pusat kebudayaan India, potensi kerana kedapatan tanah pembangunan kalau kita laksanakan di sekitar kawasan Kampung Pandan dan keadaan semak tapak adalah semak samun dan tak perlu banyak pengambilan semula kecuali 4 lot tanah persendirian yang perlu diambil kira, dan kita tengok kontur ukur bentuk muka bumi yang landai dan juga halangan sebenarnya yang kita dapati di situ adalah *accessibility* hanya satu jalan sahaja iaitu Jalan Bukit Jati dan juga terdapat laluan kereta api yang memerlukan jambatan untuk menghubungkan tapak dengan kawasan sekitar, jadi selain itu saya nyatakan potensi dan halangan faktor-faktor lain yang turut diambil kira mendapatkan sumber sedia ada dan merang sangkan pertumbuhan ekonomi di sesuatu lokasi itu serta dalam masa yang sama dapat meminimumkan pengambilan-pengambilan tanah. Kita mengharapkan dengan pembangunan 3 pusat pembangunan kebudayaan Melayu, Cina dan India ini bukan sahaja dapat merang sangkan ekonomi tetapi kita mahu tidak ada lagi di sepanjang Sungai Klang itu tempat-tempat yang terbiar yang tidak dibangunkan selaras dengan

pembangunan negeri Selangor yang pesat membangun ini. Puan Timbalan Speaker itu jawapan saya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Lembah Jaya

**YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan no. 40

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : GAJI MINIMUM**

40. Dalam penyelarasan gaji minimum RM1,500.00

Bertanya kepada YAB. Dato' menteri Besar

- a) Kepada agensi manakah ia dilaksanakan?
- b) Bagaimana dengan institusi yang lain yang masih tidak melaksanakan penyelarasan ini, apakah bentuk bantuan kerajaan dalam menangannya?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Lembah Klang bertanyakan tentang gaji minima yang dilaksanakan sebagaimana yang kita maklum kerajaan negeri bersetuju memberi peruntukan 10 juta dari 300 juta di bawah Geran Selangorku untuk menolong anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk melaksanakan program untuk supaya tidak ada warga kerja dalam syarikat-syarikat tersebut mendapat gaji kurang gaji sepenuhnya kurang daripada 1,500, jadi saya nak terangkan program ini program ini bukan meletakkan gaji minimum tetapi program ini untuk melonjakkan semua warga kerja dalam syarikat tersebut supaya mereka diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka keupayaan mereka dan juga kerja mereka, supaya mereka tidak satu pun yang akan tidak mendapat bayaran 1,500 sebulan, ini menunjukkan kita mencampurkan kedua aspek, satu aspek yang dipanggil produktiviti hasilnya, satu aspek ialah tentang pembayaran gaji yang mana kita rasa pembayaran gaji kurang daripada 1,500.00 adalah satu pembayaran gaji yang kita anggap tidak dapat menolong warga kerja itu memberikan apa yang dikatakan menanggung tanggungan kepada keluarga tersebut, jadi ini kita telah mula rancangkan, saya telah berjumpa dengan Ketua-ketua Eksekutif GLC, mereka memberikan minta saya memberikan masa kepada mereka untuk melaksanakan melalui keupayaan GLC sendiri dan hanya akan meminta peruntukan-peruntukan itu apabila mereka hendak mengadakan latihan ataupun menghantar mereka-mereka ini

untuk mendapat kemahiran seperti kalau mereka yang ingin berkemahiran dalam pengendalian komputer, mereka boleh dihantar untuk mengikut kursus 3 bulan atau 6 bulan dalam pengendalian tersebut dan hasilnya ialah dia akan kembali semula dan mereka ada mempunyai kepakaran baru dalam kerja di pejabat dan mereka boleh diberikan pendapat tambahan hasil daripada keupayaan dan skil tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA :** Puan Timbalan Speaker. Soalan no. 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA :  
(TERATAI)**

**TAJUK: PEMBERIAN BAUCAR AIR PERCUMA KEPADA PENGSAपुरI**

Bertanya kepada YAB. Dato' menteri Besar

41. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah atau nilai baucar air yang telah diberi kepada pangsapuri di Selangor. Sila senaraikan pangsapuri di bawah MPAJ yang dapat baucar ini mengikut DUN.
- b) Apakah sistem pemantauan yang ada untuk memastikan baucar tersebut tidak disalah gunakan?
- c) Siapakah yang menerima baucar? Penduduk, JMB atau persatuan? Kenapa?

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABD SAMAD :** Puan Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Teratai. Sejak program rebet air diperkenalkan pada bulan Jun 2010, lebih kurang RM11.87 juta nilai rebet air percuma telah diberi kepada 250 kawasan pemajuan pangsapuri yang terdiri daripada 77 ribu 378 unit kediaman, juga bagi kawasan di bawah kendalian Majlis Perbandaran Ampang Jaya secara khususnya terdapat 43 kawasan pangsapuri terdiri daripada 15 ribu 634 unit kediaman telah membuat tuntutan rebet air percuma, senarai pangsapuri ataupun kawasan kemajuan bagi kawasan di bawah kendalian Majlis perbandaran Ampang Jaya yang telah mendapat rebet air percuma adalah Taman Ampang Mewah, Blok A Taman Industri Lembah Jaya, Seri Intan, Ar-Ridhuan, Flat 610, Jalan Pandan Indah, Nusa Kurnia, Merpati A, Merpati B, Blok 2, Desa Lembah Permai, Mega Indah, Taman Ampang Mewah, Jalan Mewah 8, Blok A, dan B Pandan Ria, Pangsapuri Cemara 1 dan 2, Pangsapuri Mesra Ria, Pangsapuri Kenanga, Pangsapuri Meranti, Blok C Jalan Pandan Indah, Blok D Jalan Pandan Indah, Pandan Jaya, Pangsapuri Seri Nilam, Pangsapuri Sun Rise, Blok Kemboja, Jalan Wawasan 3, Blok Tanjung, Merdeka Vila, Blok C

Mutiara, Taman Sri Merdeka, Blok B Jade, Taman Sri Merdeka, Blok A, Delima Taman Sri Merdeka, Apartmen Kos Rendah di Taman Bukit Segar, terdapat 4 pangsapuri Bukit Baru, Lembah Maju, Blok Meranti Taman Sri Hartamas,

Kondominium Jalan Ampang, Prima Court, Pangsapuri Harta Square, Pangsapuri Sri Baiduri, Pangsapuri Permai Jaya, Kelompok Camar, dan juga pangsapuri-pangsapuri di Jalan AU 3/1 Blok 9, 10, 11 dan 13.

Pelaksanaan pemberian rebet air percuma pada peringkat awalnya telah dilaksanakan melalui kupon walau bagaimanapun terdapat kelemahan dalam melaksanakan kaedah ini berikutan kekurangan tenaga kerja dari pihak pengurusan bangunan sama ada pihak pemaju ataupun JMB ataupun Perbadanan Pengurusan ataupun Management Corporation ataupun MC yang mengakibatkan berlakunya kelewatan dalam tuntutan kepada Syabas, selain daripada itu kerajaan negeri juga terpaksa menanggung kos tambahan bagi kerja-kerja untuk mencetak dan juga mengagihkan kupon.

Justeru itu pada tahun 2011 penggunaan kupon telah dimansuhkan dan diganti dengan kaedah pengebilan amaun rebet air percuma secara automatik pada bil air unit kediaman setiap pembeli, kaedah terbaru ini adalah lebih telus, mudah dan sukar untuk disalah guna oleh pemaju, JMB ataupun MC. Selanjutnya pada tahun 2012 untuk menambah baik akan sistem penyampaian untuk pemberian air percuma ini kaedah rebet air percuma dipermudahkan melalui konsep lapur dan dapat dengan format tuntutan kepada SYABAS yang telah di oleh supaya lebih ringkas dan boleh di lakukan dengan lebih cepat supaya lebih ramai atau lebih banyak lagi pangsa-pangsapuri di negeri Selangor ini yang boleh mendapat air percuma. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA :** Yang Berhormat, soalan tambahan daripada Teratai adalah seperti berikut:-

Ramai penduduk tidak tahu, atau tidak diberitahu dengan baucar ataupun air percuma yang beri oleh Kerajaan, dan ada sesetengah tempat yang mana JMB telah terima baucar tetapi mereka gunakan untuk tujuan lain dan mereka juga caj kepada penghuni ataupun penduduk dengan harga secara biasa, jadi adakah? Sistem pemantauan yang ada dari kerajaan sendiri supaya memastikan duit ataupun baucar ini adalah boleh sampai ke penduduk. Sekian.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABD SAMAD :** Yang Pertama, yang kita laksanakan Tuan Speaker kita telah menggunakan baucar di mana baucar ini diserahkan kepada pihak pengurusan sama ada JMB atau MC. Memang benar kemungkinan akan berlaku di

mana pihak pengurusan ini akan simpan baucar ini dan tidak serahkan kepada pemilik atau penduduk, jadi apa yang telah kita buat setahun lepas itu, selepas kita mengenal pasti masalah-masalah ini di mana baucar ataupun kupon ini telah kita mansuhkan, jadi bermakna pengambilan terus, maknanya dipotong terus kepada bil jadi bermakna tiada lagi baucar tidak perlu ada baucar itu wujud secara fizikal tapi potong terus kepada bil, saya rasa ini lebih cepat dan lebih senang kerana setiap penduduk boleh melihat kepada bil mereka bahawa perlu ada potongan kepada bil mereka yakni bil individu yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ya

**YB PUAN LEE YING HA :** Sebab soalan yang saya tanya adalah bukan potongan dari bil, kita sudah potong harga dari bil tetapi apabila JMB ataupun pengurusan berikan bil kepada penduduk ataupun setiap unit rumah mereka tidak potong dari sana jadi mereka caj macam dulu secara biasa jadi duit yang ekstra itu tidak tahu sampai ke mana itu masalahnya.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABD SAMAD :** Pihak COB ataupun Pesuruhjaya Bangunan bagi setiap PBT sentiasa melakukan turun padang bagi mengadakan dialog dengan penduduk dan saya merasakan bahawa dalam kes-kes sedemikian, sekiranya ada aduan daripada penduduk pihak COB sendiri akan turun dan akan melakukan siasatan dan akan mengambil tindakan, memang ada beberapa kes yang memang kita kenal pasti apabila ada tindakan apabila ada aduan dan kita telah berjumpa beberapa kes tersebut dan memang itulah di antara sebabnya kenapa kita mansuhkan sistem baucar atau sistem kupon ini dan kita tukar kepada sistem yang lebih telus atau lebih mudah ini. Jadi bermakna untuk menjawab jawapan sekiranya ada aduan maka COB.

Dan soalan yang seterusnya yang dikemukakan oleh Kota Alam Shah, di manakah? Lokasi-lokasi sebenar yang akan dipilih, ingin saya nak menjawab di sini Puan Timbalan Speaker, ketiga-tiga pusat budaya negeri Selangor ini telah diteliti dengan cadangan sejajar dengan hasrat Mesyuarat Kerajaan Negeri agarnya ia selari dengan pengumuman Pakej Rangsangan Sungai Klang oleh Menteri Besar pada tahun 2009, yang mana kita telah pun menempatkannya ataupun kita mencadangkan ketiga-tiga tapak ini ditempatkan di sepanjang Sungai Klang, Jadi hasil tinjauan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Desa [JPBD ] Negeri Selangor bersama Pejabat Daerah Klang dan Pejabat Majlis Perbandaran Klang kita dapati lokasi-lokasi yang bersesuaian bagi tujuan membangunkan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini adalah pusat kebudayaan Melayu di sekitar Kampung Kuantan Klang, Pusat kebudayaan Cina di sekitar Bandar Klang, Pusat kebudayaan India di sekitar kampung Pandan, Klang.

Jadi, soalan seterusnya kenapa? pemilihan lokasi ini dibuat. Dalam pemilihan ini sebenarnya lokasi pembangunan ketiga-tiga pusat ini beberapa faktor dan potensi dan halangan telah diambil kira bagi memastikan tapak pembangunan berkenaan tidak menimbulkan kesulitan pada masyarakat pada masa akan datang. Jadi kalau kita lihat pastinya di dalam meneliti tapak-tapak lokasi ini kita mengambil dua (2) satu potensi dan juga halangan-halangan, jadi Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker izinkan saya menyatakan kat sini faktor-faktor pemilihan lokasi tersebut, kalau kita lihat pusat kebudayaan Melayu kenapa? dipilih sekitar Kampung Kuantan Klang, potensi yang ada di kampung Kuantan itu, iaitu kedapatan tanah untuk pembangunan yang mana kawasan sedia ada adalah sekarang ini semak samun dan ianya boleh dikatakan berhampiran dengan perkampungan Melayu, potensinya juga adalah kerana mempunyai *accessibility* sedia ada iaitu di sekitar Jalan Bukit Kuda, dua kilometer ke Pusat Bandar Klang sahaja dan kita lihat kemudahan keagamaan yang sedia ada seperti Masjid kampung Kuantan yang boleh berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan pusat kebudayaan Melayu dan dimasukkan bersekali dengan konsep pembangunan sedia ada, tetapi pastinya halangan yang kita dapati kalau ia di laksana di Kampung Kuantan, tanah milik individu sebanyak 8 lot yang perlu diambil kira kalau ianya diambil pengambilan semula sekiranya ia dipilih dan juga kita lihat perumahan sedia ada seperti berdepan dengan rumah-rumah yang berdepan dengan tapak pembangunan tersebut yang perlu diselesaikan.

Ingin saya nyatakan juga untuk pusat kebudayaan cina iaitu di sekitar bandar Klang kenapa? Lokasi itu dipilih kerana potensinya *accessibility* sedia ada iaitu di sekitar Jalan Pasar iaitu satu kilometer ke Pusat Bandar Klang yang juga merupakan kita lihat di sudut kemudahan keagamaan di sana kita telah dilihat di sekitar kawasan di cadangkan dianggarkan sebanyak 25 buah tokong sedia ada yang terdapat ditapak berkenaan yang kita lihat ianya adalah merupakan satu nilai sejarah yang boleh dikekalkan. Yang akhirnya, potensi yang ada untuk pusat kebudayaan cina ini kita lihat struktur yang tidak kekal iaitu kecuali bangunan tokong jadi kita lihat kalau kita ingin membuat pembangunan di situ ia memudahkan dari sudut pembangunan, tetapi tidak dinafikan halangan yang ada, beberapa halangan iaitu perumahan yang sekitar tapak yang dicadangkan perlu juga dibuat penempatan semula dan ada juga aktiviti perindustrian yang berskala besar dan masih aktif di sekitar tanah tersebut.

Dan ketiganya untuk pusat kebudayaan India, potensi kerana kedapatan tanah pembangunan kalau kita laksanakan di sekitar kawasan Kampung Pandan dan keadaan semak tapak adalah semak samun dan tak perlu banyak pengambilan semula kecuali 4 lot tanah persendirian yang perlu diambil kira, dan kita tengok kontur ukur bentuk muka bumi yang landai dan juga halangan sebenarnya yang kita dapati di situ adalah *accessibility* hanya satu jalan sahaja iaitu Jalan Bukit Jati dan juga terdapat laluan kereta api yang memerlukan jambatan untuk menghubungkan tapak dengan



kawasan sekitar, jadi selain itu saya nyatakan potensi dan halangan faktor-faktor lain yang turut diambil kira mendapatkan sumber sedia ada dan merang sangkan pertumbuhan ekonomi di sesuatu lokasi itu serta dalam masa yang sama dapat meminimumkan pengambilan-pengambilan tanah. Kita mengharapkan dengan pembangunan 3 pusat pembangunan kebudayaan Melayu, Cina dan India ini bukan sahaja dapat merang sangkan ekonomi tetapi kita mahu tidak ada lagi di sepanjang Sungai Klang itu tempat-tempat yang terbiar yang tidak dibangunkan selaras dengan pembangunan negeri Selangor yang pesat membangun ini. Puan Timbalan Speaker itu jawapan saya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Lembah Jaya

**YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan no. 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : GAJI MINIMUM**

42. Dalam penyelarasan gaji minimum RM1,500.00

Bertanya kepada YAB. Dato' menteri Besar

- c) Kepada agensi manakah ia dilaksanakan?
- d) Bagaimana dengan institusi yang lain yang masih tidak melaksanakan penyelarasan ini, apakah bentuk bantuan kerajaan dalam menangannya?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Lembah Klang bertanyakan tentang gaji minima yang dilaksanakan sebagaimana yang kita maklum kerajaan negeri bersetuju memberi peruntukan RM10 juta dari RM300 juta di bawah Geran Selangorku untuk menolong anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk melaksanakan program untuk supaya tidak ada warga kerja dalam syarikat-syarikat tersebut mendapat gaji kurang gaji sepenuhnya kurang daripada RM1,500, jadi saya nak terangkan program ini program ini bukan meletakkan gaji minimum tetapi program ini untuk melonjakkan semua warga kerja dalam syarikat tersebut supaya mereka diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka keupayaan mereka dan juga kerja mereka, supaya mereka tidak satu pun yang akan tidak mendapat bayaran RM1,500 sebulan, ini menunjukkan kita mencampurkan kedua aspek, satu aspek yang dipanggil produktiviti hasilnya, satu aspek ialah tentang pembayaran gaji yang mana kita rasa pembayaran gaji kurang daripada RM1,500.00 adalah satu pembayaran gaji

yang kita anggap tidak dapat menolong warga kerja itu memberikan apa yang dikatakan menanggung tanggungan kepada keluarga tersebut, jadi ini kita telah mula rancang, saya telah berjumpa dengan Ketua-ketua Eksekutif GLC, mereka memberikan minta saya memberikan masa kepada mereka untuk melaksanakan melalui keupayaan GLC sendiri dan hanya akan meminta peruntukan-peruntukan itu apabila mereka hendak mengadakan latihan ataupun menghantar mereka-mereka ini untuk mendapat kemahiran seperti kalau mereka yang ingin berkemahiran dalam pengendalian komputer, mereka boleh dihantar untuk mengikut kursus 3 bulan atau 6 bulan dalam pengendalian tersebut dan hasilnya ialah dia akan kembali semula dan mereka ada mempunyai kepakaran baru dalam kerja di pejabat dan mereka boleh diberikan pendapat tambahan hasil daripada keupayaan dan skil tersebut.

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA :** Yang Berhormat, soalan tambahan daripada Teratai adalah seperti berikut:-

Ramai penduduk tidak tahu, atau tidak diberitahu dengan baucar ataupun air percuma yang beri oleh kerajaan, dan ada sesetengah tempat yang mana JMB telah terima baucar tetapi mereka gunakan untuk tujuan lain dan mereka juga caj kepada penghuni ataupun penduduk dengan harga secara biasa, jadi adakah? Sistem pemantauan yang ada dari kerajaan sendiri supaya memastikan duit ataupun baucar ini adalah boleh sampai ke penduduk. Sekian.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABD SAMAD :** Yang Pertama, yang kita laksanakan Tuan Speaker kita telah menggunakan baucar di mana baucar ini diserahkan kepada pihak pengurusan sama ada JMB atau MC. Memang benar kemungkinan akan berlaku di mana pihak pengurusan ini akan simpan baucar ini dan tidak serahkan kepada pemilik atau penduduk, jadi apa yang telah kita buat setahun lepas itu, selepas kita mengenal pasti masalah-masalah ini di mana baucar ataupun kupon ini telah kita mansuhkan, jadi bermakna pengambilan terus, maknanya dipotong terus kepada bil jadi bermakna tiada lagi baucar tidak perlu ada baucar itu wujud secara fizikal tapi potong terus kepada bil, saya rasa ini lebih cepat dan lebih senang kerana setiap penduduk boleh melihat kepada bil mereka bahawa perlu ada potongan kepada bil mereka yakni bil individu yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ya

**YB PUAN LEE YING HA :** Sebab soalan yang saya tanya adalah bukan potongan dari bil, kita sudah potong harga dari bil tetapi apabila JMB ataupun pengurusan berikan bil kepada penduduk ataupun setiap unit rumah mereka tidak potong dari sana jadi mereka caj macam dulu secara biasa jadi duit yang ekstra itu tidak tahu sampai ke mana itu masalahnya.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABD SAMAD :** Pihak COB ataupun Pesuruhjaya Bangunan bagi setiap PBT sentiasa melakukan turun padang bagi mengadakan dialog dengan penduduk dan saya merasakan bahawa dalam kes-kes sedemikian, sekiranya ada aduan daripada penduduk pihak COB sendiri akan turun dan akan melakukan siasatan dan akan mengambil tindakan, memang ada beberapa kes yang memang kita kenal pasti apabila ada tindakan apabila ada aduan dan kita telah berjumpa beberapa kes tersebut dan memang itulah di antara sebabnya kenapa kita mansuhkan sistem baucar atau sistem kupon ini dan kita tukar kepada sistem yang lebih telus atau lebih mudah ini.

Jadi bermakna untuk menjawab jawapan sekiranya ada aduan maka COB ataupun Pesuruhjaya Bangunan akan mengambil tindakan tetapi COB juga telah digesa supaya melakukan dari masa ke semasa akan siasatan dan juga turun padang untuk melihat adakah berlaku sebarang penyelewengan dalam pemberian air percuma ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Waktu pertanyaan sudah tamat. Urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG**

#### **i. Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Mesyuarat Urusan Mesyuarat seterusnya ialah Sambungan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012.

**YAB DATO' MENTERI BES/AR :**Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**YB PUAN TERESA KOK SUM SIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B1 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM3,259,312.45.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM :** Terima kasih. Kota Damansara ingin merujuk kepada B.O1 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan 50500 Emolumen.

**TUAN SPEAKER :** Di muka surat mana tu?

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM :** Ya?

**TUAN SPEAKER :** muka surat mana tu?

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM :** Muka surat 4. Maaf

**TUAN SPEAKER :** 4, terima kasih.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM :** Kota Damansara ingin berterima kasih, mengucapkan terima kasih kerana peruntukan tambahan yang ada berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan dan juga perumahan rakyat. Ini sangat pada saya, pada Kota Damansara gembira kerana ia melibatkan golongan pekerja dan golongan pekerja adalah rakyat biasa.

Tuan Dato' Speaker, rakyat miskin mengalami berbagai masalah, cabaran dan juga ada kajian *elimination* menunjukkan negara kita ini jurang antara kaya dan miskin amat lebar. Apa dipanggil *humidification* berkala. Begitu juga kita lebih faham bahawa yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin papa kedana adalah dalam negara kita. Kalau di Asia Tenggara, kita nombor 1, dalam Asia kita nombor 2 belakang Papua New Guinea. Kita juga berharap agar isu kemiskinan ini dikaji bukan secara *extraction* ya bermaknanya kita bila kata *extraction* tu dengan izin, kita seolah-olah menganggap kemiskinan itu adalah satu undang-undang hukum alam yang tak boleh berubah, kita terima yang apa kita lakukan lah. Apa yang kita lakukan adalah untuk mengatasi gejalanya bukan punca kemiskinan ini. Ini boleh menyebabkan berbagai masalah pada kita kerana kita akhirnya gejala itu menjadi mempunyai momentum yang tersendiri yang kita terlupa bahawa punca kemiskinan ini berkaitan dengan lebih jauh lagi. Kalau tanya Kota Damansara, ia adalah puncanya adalah penindasan di tempat kerja, menimbulkan keuntungan dan kemiskinan dan kemiskinan ini juga menimbulkan dua tekanan fizikal dari segi gaji, dari segi perumahan dan mental. Apa yang dianggarkan sebagai *elimination* dengan izin eliminasi, tekanan jiwa dan tekanan jiwa ini akan melimpah ruah ke rumah dan juga masyarakat hingga menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial, jenayah, fanatik, bunuh diri, dadah dan seterusnya keretakan keluarga. Ini amat penting, Tuan Dato' Speaker kerana dengan cara ini kita dapat menggambarkan apa yang harus kita lakukan, mengambil kira bahawa masalah sosial harus diatasi termasuk juga masalah penindasan di tempat kerja. Memanglah kami merasakan bangga tetapi sebagai saya Kota Damansara sebagai sosialis menganggap bahawa sistem

kapitalis yang kita anuti ini menghancurkan manusia, kemanusiaan dan memusnahkan alam semula jadi.

Kita harus mempertikaikan acuan yang menindas ini. Tuan Dato' Speaker, isu gaji minima telah disebutkan tadi. Hanya kita nak tahu bagaimana Kerajaan merangsang syarikat-syarikat swasta untuk mengikuti program gaji minima ini mungkin kita boleh mengatakan kalau *you* mengikuti gaji minima ini kita akan beri keistimewaan pada diri anda atau syarikat-syarikat swasta.

Menjelang krisis ekonomi ini juga kerana kita tahu krisis ekonomi makin mendatang, isunya adalah pembuangan kerja, isunya adalah tak ada OT pada pekerja biasa. OT tu amat penting, *over time* dengan izin kerana tidak ada OT bermakna tidak dapat bayar hutang-hutang mereka. Kota Damansara mencadangkan kerajaan menubuhkan tabung pembuangan kerja dengan izin *retrenchment fund* kerana ramai di buang kerja dan akan menghadapi berbagai masalah dan kita berharap dengan tabung ini walaupun mereka di buang kerja ada masa untuk mereka mencari kerja yang lain dengan bantuan kerajaan negeri.

Tuan Dato' Speaker, peruntukan tambahan ini juga menyebut tentang perumahan. Ada beberapa perkara yang ingin Kota Damansara menimbulkan. Satu telah disebutkan dengan air percuma khususnya dari segi meter pukal dan juga keduanya adalah masalah membayar sewa. Masih ada lagi RM250 yang harus turun ke RM124. Kota Damansara mengharapkan kerajaan dapat mempercepatkan agar semua membayar sewa dengan RM124. Juga pernah dicadangkan isu skim sewa beli, memang ada masalah bukan tiada masalah, Kota Damansara mengharapkan agar kita pelajari masalah yang wujud apabila badan-badan lain melaksanakannya ataupun seperti Kuala Lumpur dan seterusnya. Apakah masalah yang timbul, kerana kita mengharapkan agar rakyat memiliki rumah. Walaupun rumah yang PPR ni adalah untuk sementara sahaja dan ini yang lain tu juga harus kita fikirkan khususnya mereka patut pindah ke bangunan yang baru tetapi bangunan tu terbengkalai. Maka itu juga dalam kalau kita ikut perkiraan yang ada selalunya pembinaan bangunan kos rendah sering kali terbengkalai ya. Malangnya juga pengalaman di Kota Damansara, Kerajaan tidak dapat membantu syarikat-syarikat yang pada suatu masa dulu kita menawarkan mereka untuk membantu kita tapi mereka mengalami berbagai-bagai masalah dari segi kerajaan tempatan ataupun kerajaan. Ada mesyuarat tapi tidak ada penyelesaian. Mereka mengalami masalah seperti mereka terpaksa membayar cukai tanah syarikat yang lari. Mereka bermasalah begitu dan juga kenapa kita tidak senarai hitamkan syarikat-syarikat yang melepaskan pembinaan kos rendah tapi boleh buat ke tempat lain di tempat lain bermakna maka itulah kita dapat lihat bangunan kos rendah tak siap-tapi syarikat yang sama boleh buat projek yang lain melakukan sama juga iaitu kos rendah tu dikebelakangkan ada yang saya dapat cadangan yang dikatakan bahawa kalau lah membuat pembangunan yang bercampur aduk kita mahu mereka mengapa ni

membina kos rendah dulu sebelum membina yang lain. Saya ingat itu cadangan yang boleh kita terima.

Tuan Speaker, yang satu lagi yang ingin Kota Damansara menimbulkan adalah bole sepak untuk kanak-kanak bawah 12 tahun. Kita tahu bahawa sukan untuk kerajaan negeri adalah berkaitan dengan belia kerana Kota Damansara merasakan ini amat penting kerana kita memang kita berharap agar kerajaan negeri sambut kerana inilah bakal-bakal pemain bola kita. Kalau kita tidak didik mereka dari ataupun kalau kita tidak menyertai mereka mungkin ketinggalan kita nak harapkan sesuatu sahaja makna kita tak kalau kita tak membangunkan sukan bola sepak daripada kecil lagi mungkin kita tidak dapat pemain-pemain bola yang berkualiti. Pengalaman Kota Damansara dengan bola sepak bawah 12 ni di Kota Damansara dapat melihat bahawa ada yang rakyat yang prihatin membentuk kelab-kelab bawah 12 tahun dan saya juga dapat bertemu dengan *coach-coach* pengurus dan lainnya sungguh komited kerana bukan sahaja mengajar ataupun melatih tetapi mereka membawa anak-anak ini isu dari segi tuisyen, baca Al-Quran, muzik dan seterusnya. Ini adalah salah satu cara dapat mencelah menemui rakyat melalui ibu bapa kerana kalau ada menjemput ibu bapa selalunya *pot luck* dan itu juga bermaknanya kita juga dapat mendampingi keluarga melalui berbagai-bagai cara.

Tuan Dato' Speaker, maka itulah Kota Damansara mengharapkan kerajaan negeri dapat membantu membiayai sebahagian pun tidak mengapa kerana memang tidak ada bantuan dari luar. Pejabat ADUN cuba juga membantu kita ada *football club* juga, Kota Damansara tetapi Kota Damansara tidak dapat bola sepak, *team* bola sepak hanya sebanyak sikit yang mana kami dapat bantu kita bantu khususnya dari segi asas tetapi yang lain tu kita memang harapkan sangat pada kerajaan negeri dan juga berharap bahawa dengan cara ini kerajaan dapat cungkil bakat supaya sentiasa ada pemain bola berkualiti dan dapat mewakili negeri dan negara. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Seri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap di bawah Kepala B.01 – Pejabat Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Beberapa minggu yang lepas

**TUAN SPEAKER :** Muka surat. Muka surat berapa tu?

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Muka surat 4. Beberapa minggu yang lepas tuan pengerusi terdapat laporan yang agak kritikal melaporkan tentang kebakaran yang berlaku di kawasan tanah revolusi hijau di Kg. Johan Setia di daerah Klang yang mana mengikut laporan ini kebakaran berlaku hampir setiap hari yang melibatkan kawasan tanah revolusi hijau yang merupakan satu tanah gambut. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya jerebu yang berkaitan di kawasan daerah Klang, daerah

Petaling dan saya berpandangan melalui peruntukan tambahan yang diberikan melalui Jawatankuasa di bawah Jawatankuasa untuk Pejabat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan negeri memberikan satu peruntukan dana khas supaya pemantauan yang lebih berkesan dapat dilakukan. Pada hari ini apa yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Klang dan juga Pejabat Tanah dan Daerah serta pihak Bomba negeri Selangor di cawangan Klang di mana mereka terpaksa turun dalam keadaan kekurangan belanjawan, kekurangan peralatan bagi menentang kebakaran ini. Saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan negeri untuk menyegerakan semakan kepada pemilik-pemilik tanah di Kg. Johan Setia terutama sekali di kawasan tanah revolusi hijau ini kerana terdapat aduan bahawa mereka yang mendapat tanah anugerah ini telah menyewakan tanah mereka untuk tujuan pertanian. Jadi pihak yang terlibat dan mereka-mereka yang tidak dapat dikenal pasti ini telah menggunakan tanah ini bagi tujuan pertanian dengan membakar hampir setiap hari dan ini menimbulkan kesan negatif kepada pentadbiran kerajaan negeri seolah-olah EXCO yang terlibat dan juga kerajaan negeri tidak memberi tumpuan kepada aduan penduduk. Aduan ini meliputi kawasan-kawasan di sekitar Putera Height di mana selain daripada kawasan Kg. Johan Setia ada juga kebakaran yang berlaku di kawasan Kg. Lombong, Kg. Bukit Lancong, Kawasan Taman Mas Sepang dan juga di persekitaran kawasan pembangunan di Putera Height dan juga kawasan Seksyen 27 Shah Alam.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga ingin menambah dan memberikan penekanan kepada syor yang saya kemukakan tadi supaya kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah dan Daerah perlu melakukan sesuatu hingga ke peringkat merampas kawasan tanah-tanah mereka yang secara sukarela memberikan tanah-tanah mereka untuk dibangunkan oleh pihak-pihak tertentu. Kalau ini kita tidak lakukan, ia akan memberikan satu kesan negatif kepada kerajaan negeri kerana hampir setiap hari selain daripada agensi kerajaan terpaksa melakukan pemantauan dan tindakan, kebakaran ini sudah sampai ke peringkat yang kronik. Jadi saya ingin membawa melalui jawatankuasa ini melalui tambahan peruntukan yang adapada kali ini diberikan satu bajet khas kepada pihak ataupun agensi yang terlibat bagi menangani permasalahan ini sehingga tanah-tanah mereka yang terlibat boleh dirampas oleh kerajaan negeri. Terima kasih Pengerusi.

**TUAN PENERUSI:** Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Dato' Tuan Speaker. Meru ingin menyentuh sedikit perkara sahaja iaitu tentang perbelanjaan tambahan ini untuk B1 iaitu muka surat 4 mengenai dengan Pejabat Menteri Besar dan juga Setiausaha Kerajaan. Meru ingin menaikkan isu tentang projek perumahan terbengkalai yang masih lagi belum diselesaikan. Kalau di Meru itu ada 8 tempat. Kalau saya boleh bacakan secara ringkas iaitu Taman Kencana Jalan Belimbing, Taman Kencana Jalan Kopi, Taman Kencana Jalan Dusun, Taman Seri Rantau Meru,

Taman Desa Kencana Meru, Taman Desa Seri Permai Meru, Taman Desa Pelangi Meru dan Taman Desa Seroja Meru. Jadi masyarakat di sana bertanya-tanya apakah status projek perumahan terbengkalai yang sejak sebelum 2008 lagi. Yang keduanya, tentang B14 iaitu muka surat 7 Jabatan Agama Islam. Meru ingin menyuarakan tentang

**YB TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat, sekarang ini di peringkat B01 saja. Ya? B01

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Itu dah habis. Oh, ini baru B01?

**TUAN Pengerusi:** Ia. Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin berbahas berkaitan dengan muka surat 4, B01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan bawah Vot 505000 dan RM10,000.00 emolument. Kajang ingin ucap terima kasih kepada kerajaan yang mempertimbangkan peningkatan dalam emolument gaji dan upahan dan Kajang ingin membawa perhatian kepada kerajaan bahawa di peringkat PBT, Pihak Berkuasa Tempatan seperti di Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis Daerah dan juga pihak Pejabat Daerah/Tanah, kita memang dapati banyak masalah dari segi penguatkuasaan dari segi pegawai-pegawai yang di PBT ataupun Pejabat Daerah. Di mana seperti yang disebut oleh Sri Muda tadi adanya tanah-tanah, tanah-tanah ada yang hak milik kerajaan dan juga ada hak milik sendiri. Di mana pembuangan sampah dilakukan pembuangan sampah baik sampah pukal, sampah kebun ataupun sampah domestik dibuang dan pemantauan itu memang tidak rapi. Walaupun kes-kes dilaporkan kepada pihak PBT dan Pejabat Daerah tetapi masalah masih berlanjutan dan kita memang boleh dapati di sepanjang jalan dan juga di tempat-tempat yang sendiri di mana ada tanah paya ataupun tepi sungai memang menjadi tempat buangan sampah sebegini. Satu kes di Kajang di mana didapati di Sg. Sekamat, Kampung Sg. Sekamat memang berlakunya pembuangan sampah sebegini menjadi membukit dan menimbun kawasan lembah di tepi sungai dan kebakaran telah berlaku. Dan kebakaran sampah ini menyebabkan keseluruhan kampung dan taman di situ setiap hari 24 jam menghidu asap sampah. Dan pihak ADUN dan juga Ahli Majlis telah membuat aduan tetapi tindakan memang lambat sehingga penduduk tidak boleh tahan dan ingin mengambil tindakan lebih drastik seperti demonstrasi, petisyen dan seterusnya. Dan kita berharap pihak kerajaan dapat bertindak dengan lebih segera, cepat untuk mengatasi masalah bukan sahaja kerana penguatkuasaan tetapi juga dari segi kesihatan kerana ia amat mengancam kesihatan penduduk di situ.

Dan selain daripada itu Pejabat ADUN juga amat bimbang kerana penguatkuasaan yang berlaku atas tuan-tuan rumah ataupun bangunan yang telah dijalankan ubahsuai ada yang telah membuat pengubahsuaian 10 tahun, 20 tahun, ada yang buat permohonan melalui PBT, ada yang tidak dan kita dapati di Majlis Perbandaran Kajang



dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menjalankan operasi penguatkuasaan ke atas rumah-rumah dan bangunan yang telah menjalankan ubahsuai. Dan ini telah menimbulkan kegelisahan dan kerisauan penduduk-penduduk kerana pegawai-pegawai yang turun telah mengambil gambar dan bagi notis dan kompaun ke atas tuan-tuan rumah ini. Di mana ada tuan-tuan rumah yang membeli rumah daripada tuan yang asal mereka tidak mengetahui sama ada adakah pengubahsuaian dapat kelulusan. Dan maka dengan ini Kajang ingin meminta bahawa kerajaan mengadakan satu proses pemutihan di mana denda atau kompaun tidak dikenakan. Tapi menggalakkan mereka yang, bangunan yang diubahsuai atau pembeli rumah yang telah diubahsuai dapat mengemukakan semula pelan *as good plan* dengan izin dan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan pemutihan dapat dijalankan dengan lebih licin tanpa sebarang kerisauan dan kegelisahan dan juga bantahan daripada penduduk. Sekian, terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Hulu Klang.

**YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk muka surat 4, Vot 505000 Kod Objek RM11,000.00 emolumen. Ingin menarik perhatian Dewan tentang apa yang telah saya timbulkan semalam dalam perbahasan di mana terdapat pada awal bulan ini 15 buah gerai di Medan Selera AU2 yang telah dikeluarkan notis tutup kerana kebersihan. Saya telah meninjau dan mendapati di antara puncanya adalah kerana keadaan kotor kerana longkang sepatutnya yang berada di luar kawasan rumah kedai telah berada di dalam rumah kedai dan itu menjadikan kawasan itu tidak teratur dan *extension* dengan izin yang telah dibina menjadikan tempat itu kelam kabut. Jadi dialog dengan penduduk, dengan peniaga dan wakil-wakil MPAJ telah bersetuju sekiranya dibina longkang itu di luar. Jadi memandangkan ada peruntukan tambahan, saya mencadangkan sekiranya pemantauan ini dibuat dan pegawai-pegawai MPAJ mencadangkan pada pihak kerajaan pembaikan dan mengaturkan semula pembinaan longkang itu untuk berada di luar.

Yang keduanya adalah tentang *value for money*. Jadi maknanya kita bercakap tentang *value for money* dengan izin. Kita menambah nilai perkhidmatan dengan menaikkan emolumen dan gaji setiap elaun kakitangan agar nilai kerja mereka meningkat. Motivasi kerja mereka meningkat. Tapi demikian juga kepada pembayar cukai, pembayar cukai juga menilai *value home money* mereka cukai yang dibayar kepada cukai taksiran dan nilai perkhidmatan yang diperolehi. Saya dapati pada tahun ini perkhidmatan di Hulu Klang khususnya yang berkaitan dengan longkang-longkang tidak begitu teratur. Longkang-longkang seolah-olah dibiarkan tidak ada penyerahan kontrak pembersihan longkang terutamanya tumbuhan-tumbuhan seperti rumput, tumbuhan-tumbuhan yang tumbuh di dalam kawasan longkang. Jadi maknanya sama ada di kawasan saya sendiri AU2, AU3 keadaan ini semakin merosot. Jadi penguatkuasaan telah dipantau oleh pihak UPEN dan pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan

perkhidmatan ini berlaku dengan baik. Demikian juga akhir-akhir ini keadaan potong rumput berjalan dengan baik. Tetapi pungutan rumput itu tidak berlaku dan hingga rumput-rumput itu jatuh ke dalam longkang menjadikan longkang terus tersumbat. Demikian juga nilai tambahan penduduk berharap bahawa rumah-rumah yang ada rumah sampah yang berpintu selepas sampah-sampah di angkat, tong-tong diangkat pekerja kontraktor tidak menutup balik dan menyelak pintu-pintu. Jadi ini begitu walaupun remeh tetapi dia menggambarkan nilai *value for money* yang telah dibayar oleh rakyat dan keprihatinan rakyat. Jadi saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan untuk mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih Pengerusi.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker.

**TUAN PENERUSI:** Ia, Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi saya laluan

**TUAN PENERUSI:** Pengerusi, Pengerusi.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan perkara di bawah Vot 505000 Kod RM10,000.00 bawah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Saya ingin membawa perhatian berkaitan isu penyelesaian rumah panjang PJS1 di mana penduduk yang tinggal di kawasan rumah panjang sebagai rumah transit untuk mendapat unit kos rendah yang telah tertangguh sejak tahun 2004 masih belum diselesaikan. Saya melihat perkara ini sebagai satu perkara yang perlu perhatian daripada pihak kerajaan negeri memandangkan isu ini telah tertangguh begitu lama. Saya telah pun berjumpa dengan pihak penghuni rumah panjang tersebut dan mereka merayu supaya pembinaan unit Blok E disegerakan supaya mereka tidak terbeban dengan bayaran pinjaman kepada bank. Mereka juga bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian untuk membeli unit daripada Blok E tersebut dan memohon agar kerajaan negeri meneruskan pembersihan di kawasan tempat tinggal yang sedia ada sehingga pembinaan unit di Blok E itu siap untuk mereka berpindah ke situ. Saya juga mendapat permohonan daripada mereka supaya pencahayaan bagi menjaga keselamatan keluarga-keluarga yang tinggal di situ terjamin memandangkan terdapat banyak kes ragut yang berlaku di sekitar kawasan tersebut disebabkan kurang pencahayaan dan juga terdapat penghuni-penghuni yang sentiasa keluar masuk di kawasan tersebut. Saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan turun bertemu dengan mereka tidak lama lagi. Saya melihat kedatangan Yang Amat Berhormat ini sangat-sangat ditunggu dan saya beranggapan kali ini penyelesaian kepada masalah rumah panjang ini dapat dilunaskan buat kali yang terakhirlah.

Perkara kedua, yang saya mohon mendapat perhatian daripada kerajaan negeri adalah tentang penggunaan tanah lombong Sri Manja PJS3. Saya melihat kawasan yang masih tinggal untuk dibangunkan di dalam kawasan Taman Medan adalah kawasan lombong tersebut. Dan saya sentiasa membangkitkan perkara ini dalam sidang-sidang yang lepas akan kepentingan menyediakan kawasan rekreasi bagi penduduk di sekitar kawasan tersebut yang rata-ratanya tidak diberi ataupun tiada tempat untuk mereka beriadah dan juga bersukan

Dan saya telah pun mencadangkan perkara ini kepada pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya memperuntukkan sedikit ruang ataupun tanah yang boleh digunakan sebagai tapak rekreasi bagi penduduk yang tinggal di kawasan berdekatan. Yang ketiga saya juga mohon agar tindakan yang tegas diambil dengan segera ke atas pencemaran Sungai Klang dalam kawasan Taman Medan. Didapati Sungai Klang yang mengalir ataupun melalui kawasan Taman Medan ini telah dicemari dengan bahan-bahan buangan oleh operator barang-barang lusuh. Perkara ini sudah dibangkitkan kepada pihak yang berkaitan namun sehingga hari ini masih belum ada tindakan yang dilakukan. Saya juga dapati perkembangan terakhir telah wujud satu usaha penternakan dijalankan di tepi sungai tersebut di samping operator barang-barang lusuh. Jadi disebabkan kelewatan tindakan oleh pihak berkuasa maka itu memberi isyarat kepada mereka bahawa tidak mengapa dijalankan apa-apa aktiviti di tepi Sungai Klang dan juga pencemaran semakin serius. Saya mendapat aduan daripada penduduk setempat setiap petang berlaku pembakaran terbuka bahan-bahan yang toksik dan ini telah menimbulkan kesan kesihatan yang saya kira mungkin akan jadi serius kalau dibiarkan berlarutan....

**TUAN SPEAKER:** YB. Kampung Tunku....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Saya ingin bertanya YB Kg. Medan iaitu pasal ini berlarutan setelah lama dibangkitkan kerana isu ini juga kalau setahu pengetahuan saya telah dibangkitkan PBT MBPJ juga di peringkat PBT tetapi masih belum ada penyelesaian. Jadi saya ingin bertanya apakah pendapat yang terhormat sekiranya pada masa sekarang adalah masa yang paling penting untuk pihak kerajaan negeri khususnya pegawai-pegawai kanan di peringkat SUK termasuk PWN, PUU, SUK termasuk barisan EXCO untuk beri perhatian terhadap perkara ini tetapi sekiranya walaupun sekarang kita berada di peringkat jawatankuasa tapi sekiranya isu ini hanya dilafazkan oleh YB tapi pegawai-pegawai kanan mungkin tidak berada di dalam Dewan ini dan tidak dapat menghayati keseriusan masalah ini yang mana ianya tidak masih belum selesai tiga tahun, apakah pendapat YB, adakah YB juga membuat seruan bahawa mereka dan semua pegawai-pegawai kanan harus berada di dalam Dewan Yang Mulia ini untuk meneliti masalah ini dan mencari satu penyelesaian kerana masa sebenarnya amat kesuntukan sekali lagi kerana kita mungkin hanya ada masa sampai

setahun lagi untuk menyelesaikan masalah ini dan kita tidak boleh lengah-lengah lagi. Apakah pandangan YB.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Apa yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku adalah benar. Ini hanya menunjukkan prestasi pegawai-pegawai ataupun jabatan-jabatan yang berkaitan. Saya ingin menggesa di dalam Dewan ini supaya tindakan segera diambil untuk mengatasi masalah pencemaran yang berlaku setiap hari. Dan ia juga memberi satu gambaran yang sangat negatif kepada penduduk setempat bahawa kerajaan negeri, mereka melihat kerajaan negeri tidak mengambil tahu ataupun tidak mengambil berat tentang pencemaran yang berlaku di Sungai Klang dan ini telah membuatkan mereka rasa *dissolution* dengan izin. Saya berharap hubungan ataupun perbincangan antara jabatan-jabatan kerajaan ini sentiasa berlaku. Apabila saya membangkitkan perkara ini dalam mesyuarat tindakan daerah Petaling selalu perkara ataupun isu bahawa ini adalah tanggungjawab jabatan yang lain. Jadi saya nampak ini perlu tindakan bersepadu. Kita tidak boleh selesaikan perkara ini kalau kita meletakkannya satu jabatan untuk bertanggungjawab keseluruhannya. Jadi saya mohon pada pihak kerajaan negeri untuk melihat kepada perkara ini dengan serius kerana dia sangat penting memandangkan sungai merupakan warisan kepada generasi akan datang dan juga merupakan pakej rangsangan ekonomi yang telah dibentangkan oleh kerajaan negeri dua tahun yang lepas. Yang....perkara yang terakhir yang saya mohon perhatian dan juga tindakan adalah supaya disegerakan penyediaan kawasan lapang bagi kawasan Taman Medan di mana terlalu ramai penduduk yang ditempatkan di situ dan kebanyakan mereka adalah bekas penduduk setinggian tetapi disebabkan oleh kempen sifar setinggian yang ingin disegerakan oleh pihak kerajaan yang lalu maka banyak masalah yang telah timbul disebabkan oleh perancangan yang tidak...tidak betul. Dan salah satu perkara adalah kekurangannya tempat lapang untuk mereka beraktiviti. Dengan itu saya memohon agar perkara ini mendapat perhatian dan pertimbangan. Sekian saya mengucapkan terima kasih kepada pengerusi.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi.....

**TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat empat Vot B01 505000 berkenaan dengan pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Saya ada dua perkara yang ingin membawa perhatian kepada pihak kerajaan negeri. Yang pertama berkenaan dengan isu geran tanah untuk Bukit Rawang Jaya, Rawang yang mana ini merupakan satu Taman Perumahan yang didiami oleh lebih kuran empat ratus hingga ke lima ratus isi rumah yang mana adalah satu projek penduduk tengah mohon untuk dapatkan geran tanah mereka. Disebabkan ini adalah projek yang juga pemajunya telah bankrap dengan izin iaitu MBF dan banyak *title*

ataupun geran tanah adalah masih lagi *master title* dan ramai antara mereka telah bayar selesaikan pinjaman rumah tetapi yang sekarang mereka terpaksa proses untuk tanah yang mana kita nampak banyak hutang yang ditinggalkan oleh pemaju ini. Jadi saya ingin cadangkan sama ada kerajaan negeri ada satu jawatankuasa khas yang akan menguruskan kes-kes yang seperti ini yang telah lebih kurang sepuluh dua puluh tahun ke atas untuk mereka mohonkan geran tanah. Selain kita wujudkan jawatankuasa khas untuk selesaikan projek rumah terbengkalai tetapi ini adalah projek geran terbengkalai disebabkan ada pemaju yang bankrap ini. Yang kedua saya ingin membawa perhatian kerajaan negeri juga berkenaan selain pembangunan yang kita lakukan dari segi pembangunan infra, jalan, longkang dan sebagainya dan juga untuk projek pembangunan seperti perumahan dan *property* harta dengan izin. Saya ingin menyeru ataupun membawa perhatian kerajaan negeri kalau boleh kita kaji juga keperluan Dewan Orang Ramai di setiap tempat khususnya di kawasan Rawang yang mana saya nampak memang kekurangan kawasan lapang telah diperuntukkan kawasan tanah telah diperuntukkan tetapi disebabkan tiadanya dana yang mencukupi jadi penduduk juga tiada tempat untuk adakan aktiviti sosial untuk kesejahteraan komuniti tempatan. Jadi ini adalah dua perkara yang ingin saya bawa kepada perhatian pihak kerajaan negeri. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan ingin menjawab

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, saya berterima kasih kepada YB daripada Kota Damansara, YB Sri Muda, YB daripada Kajang YB daripada Meru dan Ulu Klang dan juga YB Taman Medan yang telah membentangkan beberapa isu yang mesti mendapat perhatian dan ini pihak kerajaan. Pertama untuk perkara gaji minima satu perlaksanaan yang saya rasa perlu mengambil kira pemberian gaji minima ini ialah untuk seluruh negara jadi bukan hanya walaupun Selangor membuat satu inisiatif supaya menggerakkan usaha peningkatan pendapatan masyarakat tapi ia sepatutnya dibuat secara menyeluruh. Saya sentiasa mencadangkan supaya diadakan satu dipanggil *wage council* terdiri daripada wakil-wakil pekerja, wakil-wakil majikan dan kerajaan berbincang sentiasa supaya kita akan dapat memantapkan satu gaji yang mana akan dapat setiap keluarga di negara ini dapat meneruskan hidup mereka dan mereka dapat membangunkan keluarga dan memberikan nilai tambah kepada ekonomi negara. Jadi perkara itu mesti kita sentiasa kemukakan kepada kerajaan untuk diteruskan. Negara Malaysia belum ada usaha ini. Dan usaha inilah yang akan saya rasa secara cepat dapat mengurangkan jurang antara pendapatan pekerja di negara kita. Saya tidak menganggap "*eagerlity society*" akan berlaku. Kedua mengenai di bawah pasukan di bawah umur dua belas tahun PNSB, Permodalan negeri Selangor Berhad ada mempunyai bajet untuk penggalakan ini. Jadi saya akan panjangkan kenyataan dan permintaan Kota Damansara untuk mereka memperuntukkan. Jadi ada saya pernah menghadiri satu pertandingan yang lebih daripada lima puluh pasukan

daripada bukan sahaja dari Selangor tetapi di seluruh Malaysia datang untuk bertanding. Dan sudah tentulah Kota Damansara minta peruntukkan supaya wakil daripada Kota Damansara masuk ke pertandingan yang lebih besar lagi untuk *under twelve*. YB Sri Muda membangkitkan tentang isu Johan Setia yang selalu menghantui kita semua. Jadi saya akan meminta UPEN untuk mengadakan perbincangan tentang apa yang perlu kita lakukan jangka panjang kerana pada asalnya tanah-tanah ini adalah tanah apa yang dipanggil tanah pertanian dan sekarang sudah terdapat beberapa percubaan dan juga terdapat pembinaan yang menganggap tanah-tanah ini sudah menjadi tanah perindustrian. Dan kita juga merasakan kita kena buat satu polisi yang tegas tentang perkara ini.

Dulunya dicadangkan untuk menjadi halal hub tetapi kita dapati pemaju tersebut tidak mempunyai dana yang cukup kerana apabila kita kena mengambil alih seluruh pembangunan tersebut dan saya rasa ini kita akan cuba bincangkan dan harga-harga tanah di kawasan tersebut sudah mula meningkat dan saya juga dapati di Pejabat Tanah Klang sudah mula memberikan, menghantar kepada Pejabat Menteri Besar untuk menandatangani penjualan tanah-tanah tersebut.

Walaupun sokongan daripada Pejabat Daerah adalah menolak tetapi jumlah yang dihantarkan makin meningkat sebab mereka percaya tanah-tanah di kawasan Johan Setia ini akan meningkat harganya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI:** Mencilah Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya silakan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Amat Berhormat Ijok, saya membangkitkan tadi di tanah revolusi hijau ini untuk perhatian segera kerajaan negeri kerana untuk makluman dewan juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar serta kerajaan negeri tanah yang dibakar di sekitar kawasan ini ada kalanya sampai mencecah anggarannya sekitar 20 ekar di mana dia bukan serentak dibakar itu tetapi dibakar secara sedikit di satu kawasan tetapi akhirnya dia merebak mengakibatkan sekitar 3 ke 4 ekar terbakar sekali gus. Dan ia kemudiannya dibakar di kawasan lain di mana keseluruhan kawasan itu dianggarkan mungkin melibatkan lebih kurang 20 ekar daripada sekitar hampir 800 ke 1000 ekar keseluruhan kawasan revolusi hijau ini. Jadi saya ingin menyarankan supaya kerajaan negeri oleh kerana isu ini tidak selesai sejak saya fikir dalam 3 tahun kebelakangan ini sudah menjadi seperti menjadi satu pesta tahunan kepada penguatkuasa dari Majlis Perbandaran Klang, Bomba, agensi-agensi kerajaan di mana mereka ini seolah-olah macam satu perlumbaan dalam bahasa yang mudahnya kita kata perlumbaan yang tidak ada penamatnya. Di mana apabila timbul aduan mereka datang padang balik, tak lama lepas itu datang dan balik dan dalam keadaan kekangan kewangan peruntukan

yang tidak ada maka ia merupakan satu tugas yang sukar. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri apakah tidak mungkin dalam belanjawan yang akan datang. Kita adakan satu tambahan belanjawan yang khusus bagi menangani isu ini supaya semua agensi ini boleh bergerak secara bersepadu yang melibatkan kerajaan negeri dan juga kerajaan, agensi daripada persekutuan. Dan apabila timbulnya isu pembakaran yang diadakan ataupun sengaja dibakar ini, anggapan penduduk ataupun rakyat ialah kerajaan negeri tidak serius kerana tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Maka saya ingin menekankan dan mohon sangat kepada kerajaan negeri untuk mengambil apa jua langkah yang perlu bagi memastikan sehingga ke peringkat rampasan tanah dapat dilakukan dan kenal pasti betul. Ada pemilik yang pergi ke kawasan itu mereka tidak tahu pun itu tanah mereka. Masuk akses masuk pun tidak ada. Jadi pada saya kerajaan negeri mesti melakukan dalam tempoh yang secepat mungkin memandangkan isu ini sudah kerap kali diajukan dan bertambah sejak tiga ke empat tahun kebelakangan ini. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Muda, Dato Pengerusi, perkara ini sudah kita bincangkan, saya tidak menyatakan Pejabat Tanah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan Klang telah membincangkan. Mereka sangat berminat tentang pelaksanaan rampasan tanah bukan tidak berminat tetapi dia takut implikasinya adalah sangat besar. Jadi kita tidak boleh ambil hanya satu dan membiarkan yang satu jadi saya ingat kita boleh bincangkan dan kita adakan *task force* untuk pelaksanaan tersebut. Tetapi dia kena dibuat secara menyeluruh dan tidak ada orang yang tidak kena disebabkan mereka dibiarkan. Jadi kesemuanya akan kita beri kesan yang saksama. Jadi saya harap saya akan bincangkan perkara ini dengan masa yang terdekat untuk pelaksanaan.

Kedua sudah tentulah ini memerlukan dana yang besar, kalau kita untuk membangunkan kawasan revolusi hijau yang tidak akan menjadi kawasan pertanian. Ini bukan lagi saya anggap kawasan pertanian tetapi dia akan menjadi kawasan perindustrian terutama jika kita ambil konsep halal hub sudah tentulah ia merupakan kawasan perindustrian makanan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR B. HASHIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi tadi telah Kota Damansara menyebutkan bukan dengan tabung pembangunan kerja, Kota Damansara mohon pandangan. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato Pengerusi, saya sebenarnya sudah mengadakan beberapa perbincangan dengan Pegawai Kewangan Negeri tentang peruntukan dipanggil insurans pekerja. Jadi itu yang bukan dana, dana itu yang agak

sukar untuk dilaksanakan tetapi insurans untuk pekerja. Bila ada macam pada awal tahun 2009 kerajaan negeri telah mengadakan satu *council* untuk menyelesaikan masalah pengurangan atau pun masalah pekerja-pekerja terpaksa dikurangkan ataupun diberi apa yang dipanggil kerja yang sedikit. Maknanya dia kurangkan masa kerja dan sudah tentulah pembayaran gaji itu lagi berkurang dalam keadaan yang mana permintaan untuk barangan-barangan kilang-kilang tersebut berkurang. Jadi kita mengalami perkara itu pada masa 2009 dan kita telah dapat mengatasi masalah tersebut tetapi itu telah memberi pengalaman kita yang cukup baik untuk mengadakan apa yang dipanggil satu kumpulan wang insurans untuk perkara-perkara ini sebab dana sahaja tidak cukup sebab pengendalian dana itu mesti dibuat supaya kumpulan Profesional dapat melakukannya tapi kalau kita adakan insurans kita akan tahu kita hanya membayar beberapa peruntukan dan apabila berlaku dan dana tersebut akan dapat digunakan untuk kebaikan pekerja.

Saya ingin menerima tentang apa itu kenyataan Hulu Kelang tentang masalah kedai dan juga masalah longkang yang perlu diperbaiki dan kita akan panjangkan kepada Ampang Jaya untuk mereka melaksanakannya. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Kajang saya juga rasa perkara ini perkara operasi yang kita akan pantau. Jadi saya rasa dulunya dari segi pelaksanaan kita tidak, kita benarkan sahaja Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan dan antara beberapa sebab yang mereka kata tidak ada pelaksanaan ialah kerana kekurangan dana untuk tersebut. Tetapi sekarang yang kita telah minta setiap DUN untuk memberikan kita keutamaan tempat mesti kita selesaikan. Dengan cara itu bukan sahaja kita menentukan tempat dan kawasan yang perlu diberikan pembaikan tetapi kita mula ada rekod masalah-masalah yang mesti kita pantau.

Jadi dengan cara itu usaha kita akan berterusan seperti yang dewan maklum sekarang wang MARRIS sekurang-kurangnya 1, 2 juta telah diperuntukkan kepada setiap DUN dan ini kita pantau tentang pelaksanaan dan jika kita meluluskan peruntukan pembangunan pada dewan hari ini. Kita juga akan memperuntukkan lima ratus ribu untuk setiap DUN yang digunakan oleh Pejabat Daerah dalam usaha pembaikan di kawasan-kawasan yang di luar Pihak Berkuasa Tempatan. Rawang juga telah membangkitkan tentang kes khas, kes-kes ini sangat sukar dilaksanakan oleh kerana salah satu daripada perkara yang tidak dapat dilunaskan oleh negeri ialah hutang-hutang tersebut dipegang oleh pihak bank bukan dipegang oleh pihak negeri.

Jadi bank tidak ingin melepaskan apa yang dipanggil caj kerana pembayaran yang belum dilunaskan walaupun pemilik-pemilik rumah telah menyatakan bahawa mereka bukan yang sepatutnya membayarnya jadi kita pelajaran pengalaman-pengalaman inilah yang perlu kita pelajari dan kita sudah membuat beberapa kes penyelesaian yang saya anggap luar daripada cara yang dibuat dahulu. Dengan cara ini kita akan dapat lebih cepat menyelesaikan masalah ini sebab kita telah meminta pegawai-pegawai to



be apa yang dianggap dalam pengurusan dipanggil *solution orientate*. Bukan *problem edification* sahaja tetapi *solution orientate*. Dalam keadaan ini apakah penyelesaian yang terbaik. *We are now developing concept, we are not looking for problem but we are looking for solution*. Dengan cara itu mereka akan dapat mencadangkan keputusan-keputusan luar dari bidang biasa untuk menyelesaikan sebagai contoh kita ada mempunyai rekod yang kita telah menyelesaikan luar dari bidang biasa mempunyai kepentingan pemilik dan juga demi kepentingan juga rakyat umpamanya sebagai contoh Bukit Botak. Kita menyelesaikan dengan cara memberi *value* di Kuala Selangor. Kita menyelesaikan dengan cara merampas tanah. Dari beberapa kawasan kita menyelesaikan mengambil alih tanah itu sebagai tanah kerajaan dan memberikan kepada mereka geran dari kerajaan. Jadi ini beberapa contoh *solution orientate* yang kita telah lakukan dan di tak lama lagi di Berembang kita juga telah menunjukkan *solution* yang sepatutnya kalau mengikut cara biasa tidak boleh dapat diselesaikan. Jadi saya akan membangkitkan perkara ini kepada pegawai-pegawai tanah untuk memberikan kita keputusan yang dapat menyelesaikan masalah ini

Sudah tentulah budaya untuk bersih ini belum sampai ke peringkat ke akar umbi. Walaupun mereka suka tentang kebersihan tetapi mereka juga tidak terlibat dalam usaha pembersihan. Jadi dia marah tentang tak bersih mereka juga mencampak apa tu sampah-sampah seperti orang lain juga. Jadi kita kena adakan *call on cleaning*. Juga pencemaran Sungai Klang ini yang dibangkitkan itu pun kita sudah mula membincang hasil satu perkara yang selesai sahaja satu perjanjian sudah ada kita membawa apa itu *it quitment* untuk menyelesaikan masalah pencemaran bukan hanya kita...kita telah ditunjukkan kepada saya beberapa perancangan KDEB untuk menyelesaikan masalah sampah yang di Sungai Klang itu. Dan saya berharap ini akan dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat sebab mereka sudah ada persediaan untuk menunjukkan kesan positif hasil daripada usaha yang mereka lakukan. Jadi...itulah sahaja komen daripada negeri.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B1 iaitu wang yang berjumlah RM3,259,312.45 untuk Kepala B1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebagai daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B3 Dewan Negeri Selangor RM299,386.36.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan B03 muka surat 4 mengenai Pejabat Dewan Negeri Selangor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini oleh sebab kerajaan negeri telah melaksanakan program-program merakyatkan ekonomi dengan giat di setiap kawasan. Maka saya

terpanggil untuk membangkitkan satu isu di mana gaji minimum yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri khususnya oleh anak syarikat PKNS, PKSB dan sebagainya iaitu RM1,500 tetapi masih ada kakitangan di pejabat DUN khususnya di kawasan-kawasan yang bekerja bertungkus-lumus setiap hari kerana program merakyatkan ekonomi mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada seluruh rakyat Negeri Selangor apa pun teman-teman maka dengan itu..maka dengan itu elaun yang diberikan kepada mereka Sg. Burung tak datang elaun yang diberikan kepada mereka hanya dalam RM1,100 untuk pegawai merakyatkan ekonomi dan ini jauh sekali sasar tersasar dengan gaji minimum yang kita tetapkan kepada pegawai-pegawai di anak syarikat. Maka dengan itu saya terpanggil sungguh untuk meminta jasa baik Y.A.B Menteri Besar sudah sampai masa dan ketika. Oleh sebab rizab kita telah mencecah RM2.1 bilion maka dengan itu kita mesti selaraskan RM1,500, ini satu permulaan di peringkat DUN dulu. Dan pada masa yang sama oleh sebab program sekarang ada Tadika pun ada, TUNAS pun ada, akan datang macam-macam program bantuan wanita, lelaki pun minta. Maka dengan itu saya yakin tugas-tugas di pejabat DUN ini cukup sibuk dan dahulunya saya mahu berkongsi yang dahulunya di pejabat DUN mungkin ada ramai rakyat yang masih kurang yakin tentang program kita tetapi setelah 4 tahun ini program kita telah mendapat sambutan Masa Usia Emas dengan Jom *Shoppingnya* dan kawan-kawan dari MCA, Ketua Kampung, JKPP pun datang buat pendaftaran ini satu permulaan yang baik. MCA telah memberi kerjasama sokongan padu kepada kerajaan Pakatan Rakyat terima kasih kepada MCA dari Sg. Pelek dia angguk mana dia..dia sokong kitalah ini permulaan yang baik. Maka ada perlunya saya minta Dewan yang mulia ini YAB Menteri Besar pertimbangkan pegawai yang ketiga..pegawai yang ketiga sebab kalau ada satu dan dua urusan pun canggih mesti ada tiga baru padan. Ini penting ya dengan izin Tuan Pengerusi. Maka dengan itu juga saya pada masa yang sama saya juga tertarik dengan satu Pejabat Dewan di Negeri Selangor ini mana kakitangan-kakitangan yang bekerja kuat untuk melicinkan pentadbiran di Dewan, perjalanan di Mesyuarat di Dewan ini pada masa yang masa saya nampak ada Bentara, kakitangan di bawah ini elaun-elaun mereka ini kalau bolehlah disemak sebab saya diberitahu sejak 2000

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Ooh ada penjelasan ok.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Tentang kerani kawasan saya ada buat satu kira-kira. Iaitu saya ingin berkongsi dan bertanya adakah YB Sekinchan dan tahu jikalau mengikut kadar sekarang ini. Kalau saya tidak silaplah kita perlu belanja sebanyak RM2.1 juta setahun untuk membiayai elaun, cola, EPF untuk kesemua kerani-kerani kawasan di setiap DUN 2 orang di setiap DUN amaunnya ialah RM2.1 juta. Kiranya ialah jikalau kita tambah seorang lagi dan kita naikkan gaji pokok ke RM1,500 dengan kenaikan dengan kadar yang sama untuk caruman KWSP dan kita kekalkan cola

kepada RM300 sebulan. Perbelanjaan ia ialah hanya RM4.09 juta, iaitu perbezaannya ialah RM1.88 juta setahun. Jadi pada pendapat saya adakah kiraan ini betul penambahan sebanyak RM1.88 juta setahun adakah ini berbaloi atau tidak, saya rasa berbaloi. Tanya pendapat Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Kg Tunku dan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya memang setuju dan menyokong penuh apa yang disarankan oleh Kg. Tunku kiraan-kiraan tersebut saya rasa YAB Menteri Besar telah kira kalau dari segi matematik YAB Menteri Besar memang layak dalam sifirnya inilah dalam sifir inilah dalam MCA pun kita telah panggil dalam bicara soal matematik perkiraan ini YAB Menteri Besar sudah bersedia untuk mengadakan satu kelas khususnya kepada MCA untuk perkiraan bagaimana tentang hutang TALAM itu. Ini dia. Dan seterusnya saya juga tertarik mengenai dengan pegawai-pegawai di Dewan Bentaranya dan kakitangannya elaun-elaun yang mereka dapat khususnya Bentara RM40 sehari, petugas RM50 sehari sejak 28 Julai 2004 tidak disemak. Saya nampak oleh sebab kerja kuat. Sebab negeri Selangor lain daripada Dewan negeri lain di Malaysia ini. Lain cukup lain. Kita ada di depan peneraju, Selangor peneraju di antara Dewan di negeri Selangor di seluruh Malaysia. Seluruhnya maka dengan itu ramailah ramai wakil rakyat yang duduk bukan di negeri Selangor ini tapi semua masing-masing datang hendak jadi wakil rakyat. Sebab Selangor ini lain boleh tanya ramai yang dulunya asalnya bukan dari negeri Selangor tapi suka sebab Selangor lain lebih penting di bawah ketuanya Menteri Besar Y.A.B dari Ijok dan juga Dato' Speakernya yang begitu hebat membuat perubahan ini betul ini *figil* yang betul dan kita diiktiraf dari segi MCA pun mengiktiraf kita bukan omong-omong kosong ini *temenan* (dengan izin) ini betul. Bukan jet tak perlu jet ini bukan soal kroni saya nyatakan tapi ini kes benar. Seterusnya saya nyatakan di sini.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Kota Alam Shah bangun.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Minta penjelasan. Bagaimana pula kualiti Ketua Pembangkang kita. Ketua Pembangkang. Adakah cukup boleh Sekinchan huraikan. Kualiti Ketua Pembangkang kita yang setiap hari tidak hadir..hadir sekejap sahaja.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih YB dari Kota Alam Shah. Dan Tuan Pengerusi terima kasih. Saya sudah banyak komen tentang Ketua Pembangkang Seri Serdang ini dah terlalu banyak komen dah cukuplah rakyat dah tahu dah sebab dia pun dah letih, dia pun dah letih datang dewan mana ada di dunia ini mana di dunia ini ada satu pembangkang datang di Dewan tidak masuk Dewan satu sahaja Seri Serdang ini tak pernah satu rekod Malaysia tidak pernah MC kita telah catat. Anak-anak kita akan rujuk balik satu sahaja...satu sahaja. Walau bagaimanapun soal itu kita tidak perlu banyak rakyat dah tahu boleh menilai sendiri, tetapi saya lebih tertarik cara gaya

persembahan yang ditujukan oleh YB Permatang bukan sahaja aktif dalam SELCAT dalam Jawatankuasa lontarkan pertanyaan, malah cara perdebatan itu saya rasa cukup profesional maka kita angkat beliau setuju Ahli-ahli Yang Berhormat kita angkat beliau sebagai Ketua Pembangkang yang baru di negeri Selangor pada penggal yang akan datang tidak apa, penggal yang akan datang. Ini cadangan saya ya. Seterusnya..

**TUAN SPEAKER :** Ya Sri Muda

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih kepada Sekinchan. Saya bersetuju dengan apa yang sebut oleh Sekinchan tadi mana menyebutkan Speaker dari negeri Selangor ini berbeza dari negeri lain. Kerana semalam pun Permatang diberikan peluang yang cukup yang panjang bagi untuk mempertahankan diri dan memperjelaskan dan inilah menunjukkan betapa tulus dan bertanggungjawabnya kerajaan Pakatan Rakyat Selangor yang memberi ruang secukupnya kepada semua pihak untuk mempertahankan diri di samping mengemukakan pandangan-pandangan jadi saya berbalik kepada soalan-soalan saya yang Y.B sebut tadi penambahan kenaikan kepada kakitangan itu berapa jumlahnya kena sebut sebab Menteri Besar mengambil kira itu kalau tidak sebut dia tak ada naik bagi jumlah yang bersesuaian saya yakin dia akan mempertimbangkan. Silakan.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Sri Muda yang semakin muda ini.

**TUAN SPEAKER :** Meru Meru.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Nanti, nanti sikit saja.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Saya pun setuju dengan apa yang disebut dan terus terang saya beritahu hatta kerajaan PAS di Kelantan pun ingin meniru apa yang dibuat di sinilah. Cuma saya nak ambil peluang sikitlah untuk saya respons balik Permatang, saya mintak maaf banyak-banyak kepada Permatang kalau dia terasa apa yang saya tunjukkan dalam itu sebab sebenarnya terus terang saya bagi tahu saya *respect* kepada Permatang dia bagi banyak-banyak dalam *SELCAT*. Semua saya bawak tu kot-kot Permatang tak baca dalam Suara Keadilan dan kalau benda tu tak betul saya harap Permatang boleh apa boleh saman itu sahaja, bukan untuk jatuhkan maruah Permatang tidak.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Meru dan Yang Berhormat Sri Muda yang semakin muda ini lah ya sahabat saya. Terima kasih Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Selangor ini memang peneraju dalam Sidang Dewan ini dan kedua tentang elaun kakitangan Pejabat Dewan ini, di kawasan kakitangan merakyatkan ekonomi ini dulu ada satu angka, jadi sekarang saya kemukakan cadangan mengesyorkan angkanya paling kurang RM 1,500.00 paling kurang RM 1,500.00 kalau

tidak dia tersasar, tersasar nanti kakitangan di MBI ditanya, kakitangan MBI dapat RM 1,500.00, pegawai di kawasan dia bawah daripada RM 1,500.00 sedangkan kerja pegawai kita ini di kawasan oh memang, jom *shopping* nya satu hari seratus telefon, jom *shopping*nya sampai telefonnya pun panas. Kadang-kadang kena tukar telefon sebab rosak, ha ini ada masalah berlaku. Ini saya nampak betul, memang betul ini serius ini saya nyatakan di Dewan, begitulah kerja kuat mereka. Saya mintak sesungguhnya Yang Amat Berhormat dapat timbangnya, timbang bukan masuk ni kena masuk jangan timbang saja tak masuk tau kena timbang dan masuk dalam perkiraan. Tak timbang kalau tak timbang senget tapi dia timbang masuk tak senget ya. Pada masa yang sama seperti apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Meru tadi, dia *respect* dengan Permatang itu saya memang setuju la, maka dengan itu saya sekali lagi mintak Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kita setuju penggalakan datang yang ke 13 Permatang kita angkat sebagai Ketua Pembangkang ya, tolong bagi tepukan sikit. Ha, ha ini memang semuanya sokong, semuanya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Apa kata kalau, terima kasih Sekinchan. Saya nak mengusulkan lebih baik kalau Permatang ini masuk sahaja ke sebelah sini kerana pemikirannya agak terbuka sedikit berbanding dengan yang lain tetapi semalam Bukit Antarabangsa nak cadangkan Taman Templer, jadi macam mana pula ni dah ada dua calon?

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Sri Muda, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa bagi pandangan sayalah, Bukit Antarabangsa dia ada cadangan sendiri tetapi oleh kerana sebentar tadi semua di Dewan sudah beri sokongan padu dan tepukan maka saya rasa Permatang lebih layaklah. Permatang lebih layak sebab sekarang lebih matang dan saya ingin teruskan berkenaan mengenai kakitangan Dewan Negeri, pejabat Dewan Negeri Selangor yang elauannya patut ditambahlah ya sejak 20 Julai 2004 patut ditambah kerana mereka kerja kuat dan Sidang Dewan kita lain, kadang-kadang boleh tambah lanjutan masa sampai petang pun kita pernah lakukan ya, sampaikan petang pun ya ini hebat Dewan Negeri Selangor ini dan sekarang mesyuarat-mesyuaratnya satu tahun 20 hari lebih kurang, dulu-dulu zaman saya Permatang, Sungai Pelek, Yang Berhormat Sungai Pelek, saya nak bagi tahu zaman Barisan Nasional Sidang Dewan sebulan, setahun...ha, tak nak dengar, aduh, 10 hari lebih kurang tak sampai, kadang-kadang mesyuarat itu hari datang 2 jam, ditangguhkan. Ini cukup lesu tetapi di bawah Pakatan Rakyat demokrasi dan perjalanan Dewan ini cukup bertenaga, cukup subur bertenaga. Ini lah contoh, saya harap Dewan-dewan yang lain dia akan datang ke negeri Selangor untuk lawatan dan belajar lah di negeri Selangor ini dan seterusnya tentang pegawai-pegawai kontrak ini. Saya ada sikit pandanganlah tentang mengesyorkan cadangan saya tentang pegawai-pegawai kontrak ini. Di dalam Dewan Negeri Selangor, Pejabat Dewan pun ada ramai gred 26, gred 26, kakitangan kumpulan Sokongan yang adalah lebih 10 tahun ke atas,

18 tahun pun ada masih kontrak lagi, terus dengan kontrak, kontraknya, 18 tahun kontrak lagi. Saya rasa sudah sampai masa lah saya ambil sikit untuk pertimbangkan yang kontrak 18 tahun ini yang 10 tahun ke atas ini boleh kita serap dalam kakitangan *permanent* ya, kekal supaya kebajikan boleh kita pertahankan. Saya yakin kakitangan kita yang kerja kuat ni perlu kita bela sepenuhnya kerana kita bagi sumbangan merakyatkan ekonomi kepada semua seluruh rakyat negeri Selangor tetapi kakitangan kita yang gred kumpulan ini kita tak berapa nampak, yang ini kurang sikit ada kekurangan sikit. Dan dengan itu saya mintak lah sesungguhnya mereka ini diberi pertimbangan yang sewajarnya. Pada masa yang sama saya juga ingin mencadangkan saya nampak prestasi EXCO ini pun ada masalah sedikit. Kadang-kadang EXCO ada yang kerja kuat bagi contoh macam Yang Berhormat Batu Tiga, wah dengan programnya penuhnya maka dengan itu saya rasa ada insentif sikit khas untuk EXCO yang boleh capai prestasi, yang kurang berprestasi tu tak perlu bagi insentif tersebutlah. Ini, saya tak nak sebutlah, jangan *provokelah*, saya saja beri secara rambang. Ini betul, ini pandangan dari ahli-ahli BBC, kita ada pandangan sendiri. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama sebelum saya tamatkan perbahasan saya ini tentang *vote* B03 ini, ingin saya nyatakan satu perkara yang cukup penting Yang Berhormat kerana dalam perbahasan peringkat jawatankuasa ini pembekalan dan undang-undang tambahan ini cukup penting, Ahli-ahli Dewan akan nyatakan akan bangkitkan isu kawasan dan dasar kerajaan pentadbiran soal melibatkan kewangan maka dengan itu soal pentadbiran dan kewangan ini kalau Pegawai Kewangan kita tak ada, kalau Setiausaha Kerajaan kita tak ada saya rasa mungkin jawapan bukan apa, apa hasrat yang nak kita sampaikan tak di catit ya tak kedengaran. Ini adalah kurang elok, kurang elok kerana kalau boleh sesi sedemikian jawatankuasa ini Pegawai Kewangan mesti duduk dalam, Setiausahanya, kerajaan negerinya Datuknya kena duduk dalam supaya hasrat, harapan rakyat negeri Selangor yang dibawa oleh Wakil Rakyatnya di seluruh negeri Selangor dapat didengar dan peruntukan yang perlu boleh diluluskan dan dapat mengarahkan. Inilah antara cadangan, saranan yang ingin saya nyatakan dalam perbahasan jawatankuasa ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menarik perhatian Dewan muka surat 4, B03 Pejabat Dewan Negeri Selangor *vote* 505000 Emolumen RM 11,000.00 dan menyentuh juga Perkhidmatan Bekalan RM 29,000.00. Terutama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada anggota dan urus setia kakitangan Dewan yang telah memberi sokongan padu kepada kami Ahli-ahli Dewan Negeri dalam urusan pentadbiran ADUN di peringkat Dewan. Saya ingin menjelaskan bahawa saya sendiri berpuas hati dengan prestasi mereka dari segi surat-menyurat, minit-minit dan kadang-kadang minit itu di *e-mail* kepada saya secara peribadi untuk semakan dan kita semakan dan kita semak dan ada

ambil tindakan susulan yang cukup pantas dan urusan faks dan urusan-urusan *claim* yang penting itu *claim* dan sentiasa berjalan dengan pantas menurut *SOP* yang ditetapkan dan saya juga kadang-kadang terasa terharu walaupun mereka kesuntukan masa, kakitangan yang kurang dan bebanan kerja yang banyak tetapi sikap mereka terhadap mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa pilihan. Kadang-kadang kami bermesyuarat 4 orang daripada 7 yang hadir 4 atau 5 tetapi mereka hadir 3 orang. 3 orang memberi sokongan kepada 4 dan 5 orang kakitangan ADUN-ADUN dalam Jawatankuasa Pilihan. Dia menunjukkan komitmen dan yang penting menunjukkan kefahaman mereka, perihal pentingnya Jawatankuasa Pilihan kerana Dewan telah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa Pilihan berperanan untuk menyemak dan melaksanakan tinjauan-tinjauan penting kepada pentadbiran kerajaan negeri dan kita yakin dalam konteks demokrasi tulen Pakatan Rakyat lebih kuat Dewan akan melahirkan kerajaan yang lebih kuat dan kita yakin kerajaan yang kuat ialah kerajaan yang menerima teguran dalaman daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan oleh Dewan dan saya merasakan bahawa kariernya difahami, dirasakan, dihayati oleh urus setia dan kakitangan Dewan dan oleh sebab itu mesyuarat-mesyuarat kita diberikan perhatian yang sungguh-sungguh dan saya ingin menarik perhatian kepada mesyuarat kita walaupun di peringkat jawatankuasa kerana mesyuarat sidang Dewan Penuh sama ada perbahasan dasar ataupun mesyuarat jawatankuasa semuanya penting. Dan oleh sebab itu saya menarik perhatian sebagaimana dihayati oleh urus setia dan kakitangan Dewan kita yakin bahawa pegawai-pegawai kerajaan terutamanya dalam perbahasan jawatankuasa di peringkat kewangan sewajar dan sepatutnya pegawai-pegawai kanan kerajaan membantu EXCO, membantu Menteri Besar, membantu kerajaan dalam memperincikan dan bertindak pantas selepas itu. Saya dapati kehadiran Pegawai Kewangan adalah sangat penting terutamanya peringkat jawatankuasa kerana dia *reflect* bahawa sekiranya kehadiran sambil lewa sahaja menunjukkan seolah-olah perbincangan di peringkat jawatankuasa tidak penting sepenting perbincangan perbahasan dasar, sama pentingnya bahkan saya ingin mencadangkan kalau perbincangan dasar tentang perbekalan tambahan sedia dibuat 3 hari kemungkinan kita perlu memerlukan masa 2 atau 3 hari juga untuk perbahasan jawatankuasa kerana dia memperincikan wang yang akan diturunkan, diluluskan dan dilaksanakan di peringkat akar umbi. Jadi oleh kerana itu keseriusan kita mesti mengambil serius perkara ini dan mesti mengambil tindakan yang sesungguhnya dan kehadiran Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan dan Pegawai Undang-undang dan seluruh EXCO adalah satu perkara yang dirasakan penting dan disokong oleh Ketua-ketua Jabatan yang sepatutnya memberi perhatian sama pentingnya perbahasan dasar, bajet ataupun peruntukan tambahan sebagai mana sepatutnya memberi perhatian serius terhadap mesyuarat jawatankuasa. Dan ini menggambarkan satu konsep yang penting, pemerksaan Dewan, memartabatkan Dewan sebagai Dewan medan perundangan yang terpenting dan terutama di negeri

Selangor dan saya ingin menyentuh tentang peruntukan Dewan. Dewan pada dasarnya menurut *Doctrine Separation of Power* dengan izin pemisahan kuasa bukan sebuah jabatan, bukan sebuah jabatan di bawah SUK, bukan sebuah jabatan di bawah kerajaan tetapi amalannya begitu. Dengan *spirit* semangat SELESA yang belum diluluskan sepatutnya sekurang-kurangnya kita mengambil inti sari penghayatan urus setia dan kakitangan Dewan yang merasakan Dewan perlu diperkasakan. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, pertamanya *mind-set* yang menganggap bahawa Dewan Negeri Selangor sebagai satu jabatan di mana semua perkara yang berkaitan dengan kewangan hendaklah diluluskan oleh EXCO, MMKN hendaklah diubah sedikit demi sedikit dan saya mencadangkan bahawa peruntukan Dewan Negeri yang telah diluluskan ataupun perbekalan tambahan yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri perlu dilihat dalam perspektif 2 komponen. Pertama komponen yang melibatkan kelulusan daripada MMKN, yang kedua kelulusan yang diluluskan oleh Dewan untuk bidang kuasa Dato' Speaker kerana kadang-kadang Dato' Speaker mengadu juga kepada saya bahawa setiap permohonan hendaklah melalui dan diluluskan dan dibahaskan dan yang sedihnya kadang-kadang ditolak oleh MMKN sedangkan peruntukan itu sudah diluluskan oleh Dewan dan Dewan sepatutnya memberikan bidang kuasa yang sewajarnya kepada Dato' Speaker sebagai Ketua Dewan sekurang-kurangnya yang berkaitan khusus tentang ADUN-ADUN, kursus-kursus ADUN, program-program lawatan ADUN yang ada manfaatnya kepada Jawatankuasa Pilihan hendaklah diberikan satu penghargaan agar dia diluluskan dalam konteks *separation of power* bukan kadang-kadang *reject*, menolak, mempertikaikan keputusan dan cadangan yang telah dibuat oleh Dato' Speaker. Jadi saya harap perubahan ini akan mula dilakukan oleh pihak kerajaan sekurang-kurangnya kalau dari segi *procedure*nya tidak membenarkan lagi bahawa keseluruhan peruntukan Dewan itu dikawal oleh Dato' Speaker sekurang-kurangnya ada 2 komponen, satu di bawah SUK 1 di bawah kuasa penuh Dato' Speaker sebagai Pengerusi Dewan untuk memastikan bahawa perjalanan *separation of power* pemisahan kuasa dapat berjalan menepati semangat dan aspirasi demokrasi tulen yang di dokong oleh kerajaan Pakatan Rakyat. Demikian Tuan Pengerusi saya ingin menyokong agar apa yang saya utarakan ini diambil kira oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya persilakan pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, boleh jadi masa terhad, tetapi saya boleh sambung selepas tengah hari ini terutama saya berterima kasih kepada Sekinchan untuk membangkitkan 3 perkara. Satu, dia memerlukan penambahan warga kerja di Pusat DUN yang mana sekarang ada 2 dan kita nak naikkan kepada 3 dan gajinya pun dinaikkan kepada gaji minimum RM 1,500.00, itu saya akan mintak satu perkara yang kita mesti selaraskan bahawa ini termasuk dalam kuasa negeri sebab kakitangan warga kerja tu ialah di masuk dalam kawasan negeri dan saya akan



bentang supaya jika rasa sesuai kita tingkatkan jumlah pekerja ataupun warga kerja kepada 3 dan juga jumlah pendapatan mereka tidak kurang daripada RM 1.500.00. Kedua ialah elaun dan kita kena kaji semula pembayaran kepada petugas-petugas di Dewan warga kerja di Dewan dan ini kita ada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan saya akan minta Suruhanjaya dalam masa terdekat untuk mengkaji semua bukan hanya terhad kepada ini sebab kita kaji semua sebab pegawai-pegawai yang masuk dalam kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam sudah dikaji semua lebih baik kita kaji semua supaya ada baiknya kita beri peluang kepada kajian untuk kepada pekerja-pekerja dan termasuk pegawai-pegawai kontrak juga kita buat kajian. Saya harap ini boleh kita lakukan dalam minggu depan atau minggu yang lagi satu untuk dibentangkan kepada EXCO untuk mendapat pandangan dan kelulusan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat boleh sambung petang?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Boleh.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang. Sidang ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Sidang bersambung semula. Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya ingin teruskan. YB Sekinchan telah meminta supaya kita memberikan dan untuk meluluskan supaya setiap ADUN yang pusat khidmatnya mempunyai tiga pegawai yang gaji mereka tidak kurang dan pendapatan mereka tidak kurang daripada RM1,500. Kemudian, kita juga akan meminta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri untuk mengkaji elaun dan pendapatan pegawai-pegawai dewan dan warga kerja dewan dan juga kontrak staf yang perlu kita kaji semula pendapatan mereka kerana hasil daripada kajian dan kelulusan daripada kerajaan persekutuan untuk pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam yang sudah menerima kenaikan yang kita sudah luluskan secara prinsip pada hari semalam.

Hulu Kelang menekankan tentang kebebasan ataupun usaha untuk supaya dapat berasingan kuasa *separation of power between the legislator the executive and* untuk negeri itu saja. Kalau di persekutuan juga termasuk *digestive system*. Saya setuju tentang perkara ini tapi kita juga dalam negeri, kita ada panduan yang dipanggil *treasury instruction* yang mana kita suruh gunakan sebagai satu usaha untuk menunjukkan setiap penggunaan itu dapat disemak dan ini adalah disiplin yang biasa digunakan bukan saja di Malaysia tapi di Australia, di Kanada. Dia memang diberikan beberapa isu sebab apa yang akan berlaku dalam sekarang ini (di Malaysia ini), Audit Negara mempunyai kuasa kepada juga mengaudit negeri dan ada kalanya audit itu akan menerangkan tidak melalui ataupun mengikuti *treasury instruction*. Pada saya, perkara ini hanya perkara pentadbiran, bukan satu perkara yang tersangat penting tetapi hanya disiplin saja. Kita boleh kalau kita tidak mengikuti *treasury instruction*. Kita boleh. Kita (negeri) ada mempunyai kuasa tetapi mesti menerangkan mengapa kita tidak dalam landasan yang itu. Jadi, kita boleh terangkan dan bagaimana kita pemberian kuasa-kuasa tersebut.

Saya harap satu perkara yang saya ingin jelaskan tentang komen tentang pegawai-pegawai yang tidak hadir apa semua. Sebenarnya pegawai-pegawai kerajaan yang diminta hadir, bukan saja Dato' SUK dan juga Dato' Pegawai Kewangan tetapi di belakang sana kita ada pihak perbendaharaan, pihak/pegawai dari UPEN. Semuanya ada di belakang dan juga kita juga minta DO-DO, YDP-YDP, GLC dari masa ke semasa hadir untuk mendengar perbincangan dewan supaya mereka juga dapat menghayati rintihan ataupun cadangan daripada rakyat supaya mereka dalam menjalankan tugas

mereka akan memberikan perkhidmatan kepada rakyat, boleh merasakan dan keputusan mereka itu memberi kesan kepada yang menerimanya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B3 iaitu wang sejumlah RM259,386.36 untuk kepala B3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B4 - Perbendaharaan Negeri. RM11,703,068.47.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B4 iaitu wang sejumlah RM11,703,068.47 untuk kepala B4 - Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan dalam Jawatankuasa, pindaan Jadual B6.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Jadual Rang Undang-undang dipinda :-

- (a) dalam maksud B.6 dengan menggantikan Sebelas Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Ribu Empat Ratus Dua Puluh Ringgit dengan perkataan empat puluh juta empat ratus dua puluh ribu empat ratus dua puluh ringgit dalam teks Bahasa Kebangsaan enakmen ini.

*Schedule* Rang Undang-undang dipinda:-

- (a) dan *purpose* B.6 dengan menggantikan perkataan Sebelas Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Ribu Empat Ratus Dua Puluh Ringgit dengan perkataan Empat Puluh Juta Empat Ratus Dua Puluh Ribu Empat Ratus Dua Puluh Ringgit dalam teks Bahasa Inggeris enakmen ini.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah ini adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B6 seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B6 seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri RM82,041.69.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B7 iaitu wang sejumlah RM82,481.69 untuk kepala B7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B8 – Jabatan Pertanian RM1,496,775.70.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B8 iaitu wang sejumlah RM1,496,775.70 untuk kepala B8 – Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B9 – Pejabat Tanah dan Galian RM1,844,157.58.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B9 iaitu wang sejumlah RM1,844,157.58 untuk kepala B9 – Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B10 – Jabatan Perhutanan RM1,971,440.67.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B10

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan / Dato' Pengerusi. Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan B10 dengan kod 505000100000, muka surat 6 berkaitan dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Kajang mendapati dan juga melalui PAC membuat *enquiry* berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh Jabatan Perhutanan di ladang getah yang di tempat hutan simpanan kekal di kawasan negeri Selangor di mana sebanyak lebih daripada 1,000 hektar telah diterokai dan tapak-tapak ini telah diganti dengan pokok-pokok ladang getah. Dan kalau mengikut Akta Perhutanan yang sedia ada, dikatakan pokok getah merupakan pokok hutan. Maka, kalau pokok hutan diterokai dan ditebang untuk balak dan lepas itu boleh digantikan dengan ladang getah.

Dalam keadaan ini, sekiranya ladang getah ini selepas 10 tahun ataupun 12 tahun, selepas mereka (pengusaha) mendapat getahnya dan pokok sudah cukup dewasa dan dia akan tebang sekali pokok-pokok getah ini. Maka, pokok-pokok di hutan simpanan

ini akan menjadi botak sekali lagi. Ia akan menyebabkan satu (boleh kata) bencana terhadap hutan simpanan kita. Dan kalau ikut pekeliling yang dikeluarkan, hutan simpanan tidak boleh diterokai lagi / tidak boleh dibalakkan. Maka dalam keadaan ini, sekiranya ladang getah yang berada di hutan simpanan ini ditebang / tebas maka ia adalah bercanggah dengan Dasar Kerajaan kita di mana tidak boleh bawa keluar. Tebang / tebas dan terbawa keluar hasil daripada hutan.

Dan dalam keadaan ini, Kajang berpendapat bahawa kita kalau ikut akta yang sedia ada, pokok-pokok getah yang sudah ditanam oleh pengusaha yang diberi pajakan lebih kurang 50 tahun dan pokok getah ini tidak harus ditebang / dibalakkan. Kalau di bawah takrifan akta, ia merupakan pokok hutan dan kalau ikut dasar negeri tidak boleh ditebang / tebas hasil hutan ini. Maka, dalam keadaan ini adakah kerajaan akan memberhentikan sebarang pembalakan pokok-pokok getah ini di ladang getah di dalam hutan simpanan?

Jadi, ini satu pertikaian yang kita hadapi dan kita berharap pihak Jabatan Perhutanan Negeri dengan pihak kerajaan dapat meneliti kes-kes sebegini ini supaya negeri kita tidak menghadapi bencana sekali lagi apabila pokok-pokok getah di ladang getah ini menjadi matang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya mengikuti perkara untuk menyelesaikan masalah hutan yang dulunya yang oleh kerana pembalakan yang tidak berlaku dengan betul tetapi terdapat kegondolan hutan-hutan tersebut dan ditanam dengan pokok yang dipanggil *accasia mandium*, *accasia mandium* itu satu jenis pokok yang ditanam supaya akhirnya boleh ditebang untuk mendapatkan kayunya. itu dia punya. Jadi, kajian menunjukkan bahawa *accasia mandium* ini pokok tersebut tidak sesuai. Jadi ada keputusan oleh kerajaan dan juga kerajaan persekutuan untuk menggantikan *accasia mandium* ini dengan getah yang boleh digunakan bukan sahaja mendapat susu getah tetapi digunakan untuk kayunya. Itu yang dipanggil *wood, rubber wood forest*. Jadi, jadi, itu yang dilakukan dan keputusan itu telah dibuat walau pun kerajaan negeri mendapati perjanjian-perjanjian itu agak berat sebelah dan hasilnya juga sangat kurang untuk negeri tetapi polisinya ialah pertama menggantikan pokok-pokok *accasia mandium* itu dengan pokok getah *is call the rubber forest* yang klonnya dia boleh tumbuh dengan cepat dan mendapat kayu getah. Sebab kayu getah selalunya dia boleh digunakan dalam industri perabot. Kayu getah ini memang dan juga cabang-cabangnya pun boleh dijadikan apa yang dipanggil *medium density fibre board*. Jadi boleh, jadi oleh sebab itu tujuannya ialah untuk industri menanam getah, gunakan getah itu untuk mendapat pendapatan. Kecurigaan Yang Berhormat Kajang ialah kalau dia tebang seribu ekar sekali sudah hektar sudah tentulah terdapat penggondolan. Tapi, yang sebenarnya dua pendapatan daripada

kayu getah. Satu ialah susu getah, kedua daripada kayu getah. Dan kalau apa yang dipanggil ada *harvesting planning*, maknanya untuk jadi dia tidak boleh, tiap-tiap tahun tidak lebih daripada seratus hektar sahaja dan lepas itu ditanam semula jadi maknanya adalah proses untuk mengadakan kayu-kayu balak. Kayu-kayu balak pun sekarang sudah mula dibuat secara begitu. Jadi hutan-hutan itu juga ditanam dengan kayu-kayu balak, jati dan seterusnya. Tapi kajian menunjukkan untuk menanam kayu-kayu yang betul-betul kayu-kayu hutan dia memakan masa lebih kurang lebih daripada lima puluh sekurang-kurangnya tiga puluh ke lima puluh tahun untuk dapat ditebang. Kalau tidak, dia tidak boleh. Jadi, oleh sebab itu, kajian menunjukkan getah lebih baik lagi. Itu sebab satu keputusan yang dibuat untuk menerima getah sebagai *rubber forest*. Pada saya ah! kalau getah itu ditanam kerana untuk hutannya lebih baik tidak ditanam getah. Lebih baik ditanam jenis-jenis kayu yang boleh lebih tinggi dan lebih besar dan lebih baik digunakan. Tapi oleh kerana keputusan itu ialah keputusan yang telah dibuat untuk menanam getah, jadi, caranya ialah penebangan kayu-kayu getah itu mesti dibuat dengan sistem yang teratur supaya kita sentiasa dapat kayu, dan kayu dan tidak merosakkan keadaan alam sekitar di situ. Walau bagaimanapun kerajaan negeri sentiasa memantau keadaan ini terdapat satu kes di mana kerajaan negeri menolak dan mengambil alih hutan simpanan tersebut untuk diusahakan oleh Pejabat Hutan sendiri.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 10, iaitu wang sejumlah RM1,921,440.67 untuk Kepala B 10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B 10, Pejabat Mufti RM258,262.45.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk muka surat 6 Kepala 11 Pejabat Mufti Vote 50.5000 Kod emolumen 11.000 berkaitan dengan gaji dan upahan dan dia menyentuh tentang perkuburan tanah perkuburan orang Islam. Saya difahamkan bahawa telah terdapat fatwa mengharuskan kubur-kubur lama digali, ditimbus dan dibuat kubur baru dan ada juga fatwa yang mengharuskan kubur-kubur berlapis terutamanya di kawasan-kawasan tanah rendah yang sudah lama. Jadi, ini merupakan satu fatwa yang cukup dapat muqasid Islam muqasid syariah dan menepati keselamatan orang ramai dan generasi Islam pada masa depan perlu memahami konsep tanah perkuburan yang berbentuk wakaf dan bukan merupakan *private property* yang dimiliki atas nama keluarga dan sebagainya. Jadi pemahaman Islam yang sepatutnya berkaitan dengan tanah perkuburan perlulah dididik kepada masyarakat Islam pada hari ini dan masyarakat generasi yang akan datang. Jadi oleh kerana itu, dengan penambahan emolumen ini saya mengesyorkan

agar pejabat Mufti menganjurkan lebih agresif lagi, lebih intensif lagi *road-show*, *road-show* dari daerah ke daerah, masjid ke masjid dan saya mencadangkan dari peringkat DUN ke DUN yang ada kaitan dengan tanah perkuburan Islam untuk memahami betul-betul menganjukkan paradigma umat Islam tentang konsep tanah perkuburan, bukan tanah perkuburan yang menepati muqasid syariah dapat dilaksanakan. Terima kasih Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya juga telah meneliti perkara tersebut dalam usaha perbincangan perancangan tapak perkuburan 2060. Jadi, kita telah membuat kajian tersebut, walau bagaimanapun dari segi *muqasid* syariah dan dari segi kebolehan itu sudah jelas. Tetapi kita juga mesti mengambil masa supaya tidak terdapat kekeliruan dari segi budaya. Budaya yang berlaku, jadi, oleh sebab itulah kita kata dalam perancangan kita, kita buat supaya ini diandaikan bahawa kubur yang boleh dibuat secara bertingkat-tingkat itu tidak diandaikan, tidak dilakukan, tetapi kalau dia dilakukan maknanya jumlah tanah yang kita buat itu akan melampaui 2060. Jadi, itu yang kita buat secara, pada saya kita mesti menerima konsep perkuburan ini dari keadaan yang sekarang iaitu itu Perbandaran yang berlaku. Kerana Perbandaran yang berlaku ada berlakunya kekurangan hartanah, tanah-tanah untuk ini dan juga pembangunannya bukan pembangunan di atas tanah tetapi pembangunannya hingga ke langit, sampai ke langit, dan kita dapati kita semua akan mengubah cara penempatan perkuburan. Jadi, itu semua berlaku dan untuk pengetahuan semua di Mekah konsep perkuburan itu tidak secara formal. Ia dibawa dan di letakkan ke tempat yang untuk kubur dan dalam masa-masa tertentu sudah beberapa tahun tulang-tulang itu dikumpulkan dan disimpan dan tempat itu akan sentiasa digunakan sebagai tempat perkuburan. Ini bukan satu perkara yang tidak dilakukan oleh masyarakat Islam, tapi saya percaya dan saya terima pendidikan masyarakat Islam juga melalui masa dan juga mengambil kira budaya mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 11. iaitu wang sejumlah RM258,262.45 untuk Kepada 11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B 12, Jabatan Kerja Raya. RM830,000,502.92.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 12, iaitu wang sejumlah RM8,030,502.92 untuk Kepala B 12, Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B 13, Jabatan Pengairan dan Saliran RM4,748,032.05.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada jadual B 13, Aktiviti 50.500 iaitu kod 10.000 tentang emolumen dan juga peruntukan yang diluluskan dan dicadangkan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor yang jumlahnya hampir mencecah RM5 juta. Dan daripada komponen ini kita mendapat sebahagian besarnya ialah untuk gaji dan upahan yang berjumlah 4.01, ah! RM4,070,107.94 sen dan sudah tentulah jumlah ini agak besar untuk JPS sebagai tanda penghargaan kita kepada komitmen dan sumbangan yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Walau bagaimanapun apa yang kita mendapati pada hari ini kekangan yang dihadapi oleh mereka ialah bajet yang diperuntukkan untuk JPS itu tidak mencukupi untuk menampung kerja-kerja dan usaha tebatan banjir di negeri Selangor. Baru-baru ini di dalam Persidangan Dewan Rakyat saya telah membangkitkan perkara yang sama untuk melihat bagaimana mungkin kerajaan negeri dapat meneruskan kerja sama dengan kerajaan pusat bagi program tebatan banjir di negeri Selangor dan menurut jawapan yang saya terima daripada Kementerian, kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah menjalankan kajian pelan induk tebatan banjir, serta pelan induk saliran Bandar dan juga saliran mesra alam. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti dan mengesyorkan kaedah yang terbaik secara bersepadu bagi mengatasi kejadian banjir di negeri Selangor yang kita saksikan agak kerap semenjak kebelakangan ini termasuk di kawasan Kelang baru-baru ini. Maka saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan apakah hasil kajian yang telah dijalankan di antara kerajaan pusat dan juga kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Air ini, Saliran Negeri Selangor yang difahamkan telah pun dimajukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya dapat menggunakan hasil kajian dan syor-syor ini untuk menangani masalah banjir kilat di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir. Yang keduanya saya juga ingin mendapat penjelasan dari kerajaan negeri tentang berapakah sebenarnya jumlah peruntukan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri bagi maksud ini. Kerana mengikut rekod yang ada yang telah disampaikan kepada saya kerajaan pusat mendakwa mereka telah pun menyalurkan sejumlah RM16 juta bagi suku tahun pertama 2012 dan mereka hanya memperuntukkan sejumlah RM24.9 juta untuk tahun 2012 ini. Sudah tentulah bagi saya peruntukan RM24.9 juta ini merupakan satu peruntukan yang agak kecil jika dibandingkan dengan keperluan untuk program tebatan banjir di negeri Selangor khususnya bagi mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan struktur dan juga bukan struktur bagi maksud untuk mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan di dalam negeri Selangor. Maka penjelasan yang saya



pohon ialah sekiranya peruntukan ini tidak menepati keperluan yang agak mendesak bagi membantu Jabatan Pengairan dan Saliran negeri Selangor, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi menampung keperluan bagi mencapai matlamat yang diperlukan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila Yang Amat Berhormat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Terima kasih Bukit Antarabangsa kerana membangkitkan mengenai projek-projek kawalan banjir. Saya juga ingin menyatakan saya menyediakan jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Dusun Tua yang juga bertanya tentang perkara ini ah! Tapi tak sempat dijawab kerana soalnya agak sinis, itu yang saya hendak nyatakan. Kenapakah kerajaan negeri cuai melaksanakan projek kawalan banjir yang telah diluluskan oleh Barisan Nasional sebelum ini. Program ada, program, jumlah program yang digunakan untuk tebatan banjir ini melebihi RM3 ribu juta. RM3 ribu, *Three billion*, dan ini pegawai kita yang menulis. Peruntukan siling Rancangan Malaysia Ke Sepuluh yang diluluskan untuk projek-projek ini ialah RM1.5 juta. *This*, maknanya, kalau itu dia tanya macam mana boleh keadaan dalam soalan gila ini maknanya, maknanya dia kata dia hendak buat perancangan. Tapi pegawai-pegawai tak ada dana untuk membuatnya. Dan, Itu sebab yang berlaku di Kelang. Lebih daripada 300 tempat tebatan air dan jumlah peruntukan tidak dapat menyelesaikan 30% daripada tempat tersebut. Jadi, ini soalan yang betul, yang menunjukkan bahawa kerajaan Persekutuan tidak berlaku adil dari segi perancangan dan juga peruntukan untuk pelaksanaan. Itu sebab dalam perbincangan belanjawan untuk 2013 saya sudah meminta warga kerja Perkhidmatan Awam dan daripada segi Perbandaran untuk membuat persediaan tentang apakah peruntukan-peruntukan yang mesti kita sediakan untuk meyakinkan kita. Kita boleh menyelesaikan masalah-masalah pembangunan dan infrastruktur di negeri Selangor dan saya sendiri mengetuai delegasi untuk berjumpa dengan Menteri Kewangan Persekutuan, berbincang dengan beliau tentang peruntukan-peruntukan yang kita perlukan untuk melaksanakan ini dan menunjukkan ini adalah kuasa kerajaan persekutuan dan saya juga hendak buktikan, oleh kerana dia tidak membuat peruntukan-peruntukan yang cukup, *cost maintenance* juga untuk yang jalan-jalan yang dijaga dan kawasan-kawasan yang dijaga oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia yang ada jalan-jalan itu di bawah kuasa persekutuan, ada jalan-jalan di bawah kuasa negeri dan juga jalan-jalan yang di bawah PBT. Tapi kalau kita ambil kesan ini jalan-jalan yang di bawah persekutuan juga terpaksa diperbaiki berkali-kali oleh kerana sistem pengawalan, dan sistem itu tidak buat. Jadi, kos kepada kerajaan persekutuan sendiri akan berlipat ganda jika dia tidak buat peruntukan-peruntukan dan perancangan-perancangan yang untuk mengelakkan keadaan-keadaan tersebut. Jadi, apabila banjir dan, kos untuk memperbaiki adalah lebih besar lagi. Jadi, saya percaya ini soalan perlu kita, saya setuju dibangkitkan di dewan untuk terangkan kepada Dewan tanggungjawab

kita adalah juga selain daripada menyediakan belanjawan yang ada untuk negeri dan juga berbincang dengan kerajaan persekutuan supaya belanjawan yang diberikan kepada negeri adalah munasabah. Jadi, itu sebab boleh jadi, dalam pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang Barisan Nasional bahawa kerajaan persekutuan sudah memberikan peruntukan-peruntukan yang cukup atas dasar mereka yang patutnya mengendalikan perkara-perkara ini.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Pengerusi, saya pohon sedikitlah, minta penjelasan. Saya mendengar penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi bahawa memang jabatan dan agensi yang bertanggungjawab telah pun menyediakan senarai program-program yang amat mendesak untuk program tebatan banjir di negeri Selangor. Dan, mengikut senarai tersebut keperluan bajet dianggarkan lebih kurang RM3 *billion*. Ah! dan mengikut laporan yang disediakan oleh Dato' Menteri Besar sebentar tadi, amat malang sekali kerana siling yang diluluskan itu hanya RM1.5 juta, ya!. Ah! Itu saya minta penjelasan kerana kerajaan pusat mendakwa di dalam Parlimen bahawa mereka telah pun menyalurkan bagi suku tahun pertama sebanyak RM16 juta. Hari ini maklum balas dari pegawai yang bertanggung jawab mengatakan hanya RM1.5 juta. Jadi, kita perlu melihat maklumat yang diberikan oleh Parlimen ini adalah tepat atau pun cuba menyimpang daripada fakta yang sebenarnya. Dan, yang kedua, saya bersetuju dengan tindakan susulan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk meminta jabatan menyenaraikan keutamaan projek-projek yang amat mendesak bagi tujuan program tebatan banjir ini. Tetapi sebelum daripada itu saya juga ingin mencadangkan supaya definisi peranan JPS ini dan juga PBT juga harus jelas. Mengikut pengalaman singkat saya di PBT MPAJ, dia ada bidang dan skop masing-masing. JPS menjaga sungai dan saluran. PBT menjaga sungai yang telah dikongkritkan. Tetapi, kadang-kadang oleh kerana masalah *maintenance* yang Dato' Menteri Besar sendiri sebut tadi, berpuluh tahun tidak diselenggarakan. Ada kes-kes yang tertentu saya kita sudah tidak tahu dia sungai atau pun kongkrit punya longkang itu. Jadi, masing-masing lepas tangan dan tidak mengambil tindakan untuk menyelenggarakan kawasan ini menyebabkan punca banjir di kawasan tersebut. Dan, akhirnya yang ketiga Dato' Menteri Besar salah satu masalah yang kita alami di peringkat PBT ialah masalah dengan *utilities company*. Ya! Yang memasang kabel menghalang laluan air termasuk sama ada Telekom atau pun TNB, Maxis dan Telco dan sebagainya. Apabila PBT mengarahkan mereka untuk mengalihkan kabel-kabel ini, kos tersebut terpaksa ditanggung oleh PBT. Dan kosnya bukanlah kecil, ya! Jutaan ringgit untuk mengalihkan kabel-kabel ini. Maka apakah tindakan kerajaan negeri untuk membolehkan pihak yang bertanggung jawab ini khususnya *utilities company* mengalihkan kabel itu tanpa membebankan kerajaan negeri dan juga PBT. Kerana itu salah satu punca besar banjir di banyak kawasan kerana menghalang laluan air dan

menyebabkan sekatan sampah dalam saluran tersebut. Saya pohon penjelasan..Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengerusi dan terima kasih Bukit Antarabangsa. Saya juga sekarang diberikan portfolio dan juga dalam bahkan jawatan kerja raya dan apa tu dan saya telah meneliti tentang perkara tersebut, dan saya dapati cara penyelesaian tentang saluran pengairan dan juga sungai-sungai itu tidak dibuat secara apa yang saya hendak *term* kan, *holistic*. Saya telah cuba menganalisis bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah banjir sebagai contoh di Sungai Rasau. Sungai Rasau dia dekat Batu tiga, dan kita kena membina kolam takungan supaya dapat menahan air membanjiri tempat-tempat yang rendah. Jadi, apabila saya mengadakan perbincangan saya dapati perkara yang diberikan tugas itu terlalu *compartmentalize*. Jadi, maknanya walau sungai itu, kalau sungai dia melepasi daerah, dia melepasi penempatan, sungai bukan dia kenal, dia berhenti di situ, Jadi maknanya apabila kita hendak menyelesaikan masalah, kita mesti menyelesaikan *from end to end*. Jadi, kalau sungai itu tujuh kilometer, kalau ada pula MPSJ, MBPJ ah! itu, jadi maknanya, yang itu hal itu, tapi jawapan untuk sungai ialah semua. Ha, yang itu sekarang hendak mengubah minda. Bahawa minda itu maknanya *when we solved a river problem*, jadi kita bukan *solve* satu kilometer, tapi seluruh tujuh kilometer ke lapan kilometer. Jadi dengan cara itu kita mengenal pasti kesemua masalah-masalah sampai akhirnya. Ini saya mula lakukan, ini saya mula lakukan. Itu sebab perbincangan itu saya kata pada jabatan air *you* tak boleh ambil mengambil *compartmentalize*, tapi secara itu. Jadi, hasilnya kita mula mengubah cara kita membuat keputusan *that means you must become very solution oriented*. Jadi saya telah mula lakukan ini dan saya percaya dengan cara ini dia boleh menjadi contoh kepada semua. Dan, ini kita mula lakukan, saya tahu, jabatan, itu sebab apabila mereka sampai ke katalah Ampang Jaya. Kalau anak sungai itu, Ampang Jaya sudah bina apa tu longkang dia kata longkang tu hak Ampang Jaya, tapi air yang mengalir itu daripada beberapa kilometer yang lain. Jadi pada saya sekarang, kesemua anak-anak sungai dan sungai mesti di bawah satu unit sahaja iaitu Jabatan Saliran Air. Itu akan berlaku tapi saya mengambil masa sebab saya hendak tunjukkan cara yang dibuat itu boleh dilaksanakan. Kedua, masalah pasal utiliti ini, saya juga kesian kepada YDP dan juga Datuk Bandar yang mana dia boleh selesaikan dengan tidak menanggalkan pemasangan tersebut, tapi masalah yang besar penduduk tak ada air dan timbul masalah yang besar. *They can solve the problem of not hearing to the by-law*, tetapi hasilnya kesannya sedikit pada ini. Tapi hasilnya, kesannya sedikit pada ini, tapi kesannya begitu luas. Jadi mereka kata tak ada tempat lain, kalau tak gunakan tempat ini, 3,000 keluarga tidak akan mendapat air. Jadi jawapan itu. Jadi jawapan saya, okey, *we accept there*, tapi jawapan saya *future planning*, jadi kita *solve two problem*. *The current issue*, kita kata kita bagi *excuse* ataupun sebab mengapa kita tidak lakukan. Tapi *the future planning, must take in two account all this*. Jadi itu sebab, saya bezakan, saya tanya perancang ini dibuat

pada tahun berapa. Tapi kalau perancang ini dibuat sekarang, maknanya tidak ada sebab mengapa kita akan mendapat jawapan sebegini. Jadi saya buat dua bahagian, walau bagaimanapun makin lama kita selesaikan bahagian-bahagian ini, umpamanya saya melawat di Kajang. Oleh kerana terlalu, air sungai, dan satu perkara yang mesti kita selesaikan di Kajang, ialah kedai-kedai yang di tepi sungai. Kedai-kedai yang di tepi itu, jawapannya *they ask for it* (tak jelas), *because* dia tak boleh buat situ, tapi tak bolehlah cakap. Sebagai ahli politik bersedih kerana keadaan tersebut, tetapi kita sekarang bukan cara penyelesaian kita, kita mesti cari *alternative side*, siapkan, bawa dia dan selesaikan perkara itu secara berterusan. Itu sebab utiliti yang diletakkan, paip yang letak di situ, kalau kita alih paip itu, satu setengah Kajang dah tak air. Jadi bagaimana kita nak selesaikan. Jadi jawapan penyelesaian itu, bukan itu sebab perancangan, jawapan penyelesaian itu mesti perancangan. Perancangan masa depan mesti mengambil kira masalah yang kita hadapi. Saya dapati kalau kita buat perkara itu dengan betul, dalam masa satu, sepuluh tahun, semuanya akan balik kepada satu keadaan yang lebih baik. Saya telah baca bagaimana Mayor New York menyelesaikan masalah *getou de halla*, *getou de halla*, yang mana kalau orang datang ke *halla*, kalau tak pakai helmet, dia boleh jadi kepalanya pun berdarah. Tapi dia buat *solution by stage*, *future solution* macam ini, *current solution* macam ini, dan dia boleh selesaikan. Maknanya paip-paip yang dulu, yang ada, kemudian paip yang sekarang, yang dibuat, mengambil kira, apabila dah siap ini, paip-paip ini dah tak ada lagi. Jadi perancangan yang saya nak cadangkan ialah perancangan yang mengambil kira masalah yang ada sekarang. Dan merangka satu perancangan masa depan. Jadi itulah sebabnya saya telah meminta perancang-perancang negeri supaya berfikir secara *total solution*.

**TUAN Pengerusi:** Jadual B13, iaitu wang sejumlah RM4,748,032.05 untuk kepala B13 Jabatan Pengaliran dan Saliran, menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B14, Jabatan Agama Islam, RM15,550,833.05.

**TUAN Pengerusi:** Meru.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Terima kasih, Dato' Pengerusi. Meru ingin menyebut sedikit tentang B14, ini muka surat 7. Meru menyokong penuh peruntukan dan pertambahan ini, dan diharapkan supaya JAIS menggunakan dana ini selain digunakan bagi meningkatkan lagi syiar Islam, khusus negeri Selangor dapat juga digunakan bagi membantu golongan-golongan yang benar-benar memerlukannya. Namun ada beberapa perkara yang hendak Meru ketengahkan, kerana sejak kebelakangan ini ada beberapa keputusan besar dan penting yang dibuat oleh JAIS tanpa di mesyuaratkan atau dirujuk kepada EXCO Agama dahulu. Dan benda ni tak

pernah berlaku di dalam pemerintahan yang lepas. Contohnya pelantikan pegawai yang seolah-olah *by pass* ataupun melangkahi pegawai yang lebih layak di laporkan berlaku tanpa pengetahuan EXCO Agama. Yang keduanya ialah akhlak pimpinan juga harus diberi perhatian, kerana ini JAIS, Jabatan Agama Islam, bukan jabatan yang rendah dan sebagainya. Tetapi dah dapat rungutan terdapat pimpinan JAIS yang kuat merokok, juga dilihat bertentangan dengan fatwa kebangsaan dan negeri sendiri, yang amat jelas menghukum haram, merokok yang menjejaskan kesihatan badan. Perkara-perkara seperti ini harus diambil perhatian bagi menjaga kredibiliti dan integriti itu sendiri.

Dato' Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai wang moreh, yang Insya-Allah akan disumbangkan kepada seluruh masjid dan surau pada bulan Ramadhan yang akan datang. Syukur Alhamdulillah. Tetapi Meru berharap menjadi harapan besarlah Meru agar wakil-wakil rakyat tidak dikesampingkan dalam usaha ini. Biarlah setiap wakil rakyat sama ada Islam atau bukan Islam sendiri atau penyelarass DUN dilibatkan sekali dalam program penyampaian sumbangan moreh ini. Kerjasama sebegini adalah amat dihargai oleh semua pihak. Satu lagi ialah mengenai status tanah PT655, iaitu bersebelahan masjid lama As Syarif, Pekan Meru. Semenjak dahulu lagi tanah ini dianggap tanah wakaf untuk manfaat Masjid As Syarif, Meru. Hasil daripada penyewaan dari premis-premis yang ada di atas tapak tersebut telah dikutip dan dimanfaatkan untuk masjid. Setiap bulan, pihak masjid, alhamdulillah, mengutip lebih kurang RM3,000 sebulan daripada hasil sewaan tersebut. Walau bagaimanapun mulai Mei 2011 kutipan sewaan telah diambil alih oleh pihak MAIS dan juga JAIS difahamkan. Tetapi malangnya sehingga ke hari ini, jumlah wang RM40,000 yang sepatutnya diterima oleh pihak masjid belum lagi diperoleh dari pihak Bahagian Mal. Jadi Meru berharap pihak yang terlibat sama ada MAIS ataupun JAIS dapat mengadakan pertemuan dengan pihak masjid bagi memperjelaskan status pemilikan tanah wakaf PT 65 tersebut. Sekian.

**TUAN PENERUSI:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Pengerusi. Saya merujuk muka surat 7, kepala B14 Jabatan Agama Islam, emolumen, dan saya ingin menyentuh apa yang telah saya bangkitkan dalam perbahasan tentang Sekolah Rendah Agama Islam Integrasi Taman Keramat. Iaitu tentang, dia melibatkan integriti, kewibawaan JAIS, sebab program ini adalah program penuh JAIS, tetapi guru penuh hanya 30 orang, ditampung dengan guru KAFA, 25 orang, dan guru KAFA itu ditanggung oleh PIBG, elaun tambahan untuk mencukupi khidmat mereka sebagai guru penuh. Dan kemudian 5 orang guru rakyat. Menyebabkan tanggungan PIBG sebanyak RM66,000 setahun. Jadi persoalannya adalah memandangkan Sekolah Rendah Agama Integrasi Taman Keramat ini, merupakan salah satu sekolah yang amat popular di Selangor, dan dia melahirkan anak-anak murid yang layak ke sekolah menengah yang cemerlang dan

hasil keputusan yang baik, dan mendapat sokongan yang padu daripada ibu bapa, dan dia sekali gus *reflect*, dengan izin, pandangan orang ramai terhadap JAIS yang mempunyai satu institusi pendidikan tanggungan penuh tetapi terpaksa ditanggung oleh rakyat juga. Jadi saya mengusulkan agar kelemahan ini dielakkan, diperbaiki dengan kerajaan mengambil tindakan segera, membuat peruntukan sewajarnya agar tanggungan kepada Sekolah Rendah Agama Integrasi Taman Keramat, ditanggung penuh oleh JAIS. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Sri Muda

**YB Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei:** Terima kasih, Dato' Pengerusi. Saya ingin membahaskan berkenaan dengan tajuk kepala B14, Vot 55000, berkaitan dengan Jabatan Agama Islam Selangor. Dan pada hari ini saya membawakan satu pernyataan kesalan berhubung dengan jawapan yang diberikan agensi, jabatan Agama Islam di mana satu permintaan daripada sebuah surau yang terbakar pada 28 Mei yang lepas. 28 Mei, sebuah surau di Taman Kandis Permai, di Kampung Batu 4, Kampung Jawa, terbakar. Aduan ini dikemukakan pada pihak Pejabat Agama Islam Daerah Kelang. Untuk makluman Pengerusi, pihak surau ini telah meminta bantuan daripada saya, untuk mendapatkan sekurang-kurangnya bantuan segera bagi memperbaiki keadaan surau yang terbakar. Sebahagian besarnya hampir 50 ke 60%, cuma ruang solat yang tinggal itu adalah ruang solat bagi jemaah wanita. Malang sekali selepas 2 bulan, barulah jawapan yang diterima, mengatakan bahawa di mana surat permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan Agama Islam itu, panjangkan pada Lembaga Zakat Selangor, dan jawapan daripada Lembaga Zakat Selangor ialah mereka tidak mempunyai peruntukan. Jadi seperti yang dibangkitkan rakan-rakan semalam dalam perbahasan Rang Undang-undang, yang lebih awal seperti Bukit Antarabangsa, yang menyebutkan perlu di bawah geran Selangorku ini, kita wujudkan satu dana khas bagi kes-kes yang sebegini. Maka saya ingin menyokong isu itu, dan menekankan, kerajaan negeri harus mencari satu jalan bagi menangani permasalahan-permasalahan yang melibatkan bencana alam khususnya banjir dan juga kebakaran. Ini kerana apabila selepas 2 minggu, 2 bulan, terbakar 28 Mei, sekarang sudah masuk ke bulan Julai, hampir 2 bulan, baru dapat jawapan. Sedangkan dalam keadaan sekarang ini, mereka memerlukan sebuah surau yang sempurna, bagi menghadapi bulan Ramadhan yang akan datang. Jadi saya menyeru kepada kerajaan negeri untuk kes-kes yang sebegini. Mesti di ambil satu tindakan pantas dan kalau sekiranya pihak Jabatan Agama Islam ataupun pejabat Lembaga Zakat Selangor, tidak mempunyai peruntukan, maka jawablah dengan cepat, supaya jemaah ini mencari satu ruang ataupun mencari satu alternatif, untuk mendapatkan sumber bagi membiayai ataupun memperbaiki surau yang terbakar itu. Dan rentetan daripada kelambatan itu, ia telah menyebabkan jemaah ini terpaksa satu ruang yang dahulunya digunakan oleh jemaah wanita dan mereka terpaksa memasang khemah. Dan ini menunjukkan ataupun mewujudkan satu keadaan

yang tidak selesa dalam keadaan hujan, panas dan sebagainya. Terima kasih, Dato' Pengerusi.

**TUAN PENERUSI:** Pihak kerajaan. Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Berhubung Jadual B14, Jabatan Agama Islam yang akan diperuntukkan perbekalan tambahan berjumlah RM15.6 juta. Saya juga ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, berhubung Surau Al Ijtihad, di Taman Setia Gombak. Ini ada hubung kait dengan masalah pembangunan sebidang tanah Lot 7382, No. Hak Milik 226496, Daerah Gombak, seluas 9,613 meter persegi. Di mana atas tapak tanah seluas yang saya nyatakan tadi telah terbinanya sebuah Sekolah Kebangsaan Taman Setia Gombak. Yang telah di bina lebih 10 tahun, dan juga sebuah surau yang bernama Surau Al Ijtihad, yang telah di bina selama 30 tahun. Bersama-sama dengan 3 buah bangunan kelas Fardu Ain. Malangnya baru-baru ini didapati tanah ini milik persendirian. Iaitu milik Nanyang Development Sdn. Bhd. Maka timbul persoalan bagaimana tanah persendirian boleh diberikan kebenaran merancang untuk sebuah Sekolah Kebangsaan Taman Setia Gombak tetapi tidak mengambil alih tapak surau yang berkenaan. Maka apa yang berlaku baru-baru ini Nanyang Development dengan angkuhnya telah mengeluarkan notis pengosongan untuk merobohkan surau tersebut yang telah dibina Selangor lebih 30 tahun dan notis itu berakhir pada 31 Mei 2011 yang lalu. Walau bagaimana pun saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pegawai Daerah Gombak dan juga pegawai-pegawai yang telah segera bertindak untuk mengadakan dua sesi rundingan dengan pihak Nanyang Development untuk menyelesaikan masalah ini tetapi nampaknya pemilik masih berkeras untuk merobohkan surau tersebut. Sudah tentulah ini akan menimbulkan masalah kepada Umat Islam di kawasan yang berkenaan dan status yang terkini saya hasil daripada rundingan dengan pihak Nanyang Development kita telah mengumpulkan semua dokumen-dokumen untuk diserahkan kepada Pejabat Peguam Negeri, Penasihat Negeri untuk mendapatkan nasihat guaman dan setakat ini kita masih menunggu nasihat daripada pihak LA dan saya difahamkan pihak LA sedang meneliti apakah kemungkinan kita boleh mengemukakan hujah bahawa tapak surau itu sepatutnya diletakkan dan diserahkan oleh Nanyang berdasarkan pelan kebenaran merancang yang telah diperakui oleh PTG Kuala Lumpur tahun 1974 dan Penasihat Undang-undang merasakan Nanyang cuba mengambil kesempatan di atas pemilikan tanah tersebut supaya mendesak kerajaan negeri untuk membayar pampasan yang tinggi mengikut harga pasaran. Dan sudah tentulah ini akan membebankan Jabatan Agama Islam Selangor untuk mengeluarkan sejumlah peruntukan yang besar kepada pihak yang telah pun mengaut keuntungan yang besar daripada KPTG. Mereka mendapat lebih RM4 juta saya difahamkan daripada pampasan tersebut. Maka saya berharap kesempatan ini tidak sekali lagi dinikmati oleh Nanyang Development dengan

mendesak kerajaan negeri kerana ianya akan membebankan Jabatan Agama Islam Selangor dan saya amat hargai sekiranya Penasihat Undang-undang dapat membantu kerajaan negeri dan juga Pejabat Daerah Tanah dan Gombak untuk menyejatkan pandangan tersebut supaya kita dapat memulakan prosiding bagi menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh Umat Islam di kawasan Gombak Setia oleh kerana wakilnya sekarang tidak berminat untuk menjaga rakyat di kawasan itu maka saya bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan Umat Islam dan mempertahankan aqidah mereka.

Satu lagi Yang Berhormat Dato' Pengerusi pada tahun yang lalu ada usul untuk menggalakkan orang ramai untuk memberikan sumbangan kepada Surau-surau dan Masjid termasuk di negeri Selangor. Jadi sebagai insentifnya saya masih ingat kerajaan pusat bersetuju untuk memberi potongan cukai kepada penyumbang-penyumbang dan penderma yang memberikan sumbangan kepada masjid dan surau-surau termasuk di negeri Selangor dan juga rumah ibadat yang berdaftar. Sehingga hari ini saya masih lagi menerima aduan daripada surau-surau dan masjid kerana setelah mereka meminta penjelasan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk pengecualian cukai tempat ibadat berdaftar. Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengeluarkan surat menyatakan mereka masih menunggu keputusan Kementerian Kewangan untuk menentukan mekanisme pelaksanaan tuntutan potongan cukai. Sedangkan ini telah diluluskan dalam bajet persekutuan setahun yang lalu. Tapi nampaknya ianya memberikan kesan kepada pihak yang ingin memberikan sumbangan kepada surau dan masjid kerana mekanisme pelaksanaan ini masih lagi dibincangkan dan belum diputuskan. Maka apakah peranan kerajaan negeri dan juga JAIS untuk membantu supaya perkara ini dapat diselesaikan segera untuk memuktamadkan mekanisme pelaksanaan tuntutan potongan cukai ini kerana ianya akan memberi galakkan kepada orang awam untuk memberikan sumbangan dan sudah tentulah ini dapat meringankan kos yang akan ditanggung oleh JAIS di negeri Selangor. Terima kasih Dato' Pengerusi.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya juga ingin menyertai sedikit perbincangan dalam B14 ini Jabatan Agama Islam mengenai satu perkara sahaja iaitu mengenai Lembaga Zakat. Jadi saya khususkan perbincangan atau pun perbincangan saya ini merujuk kepada kawasan sayalah di kawasan Permatang yang mana saya sendiri menerima begitu ramai sekali ada berbelas orang jumlah dengan saya mengenai isu zakat yang mana kita sedia maklum mereka ini merupakan golongan-golongan asnaf yang dah dipilih dan ramai datang berjumpa dengan saya mengadu bahawa ada golongan asnaf ini nama mereka



dikeluarkan atau pun bantuan bulanan sama ada bantuan bulanan atau bantuan mereka dikeluarkan tanpa pengetahuan mereka. Jadi apa yang menjadi kemusykilan ialah saya ingin berikan sedikit sebenarnya teguran kepada pihak-pihak yang memberikan sokongan kerana untuk mendapatkan bantuan dalam asnaf ini mereka sama ada daripada JKK atau pun dari pihak Nazir. Saya ambil satu contoh keluarga saudara Arshad saya kod nama beliau sebagai seorang nelayan anak seramai 12 orang, lapan orang bersekolah, 4 Sekolah Menengah, 4 Sekolah Rendah datang mengadu kepada saya bahawa bantuan zakat di berhentikan dan apabila dia rujuk kepada Ketua Kampung JKKK, JKKK memberitahu kepada dia pergi jumlah YB, apa YB boleh buat. Jadi saya rasa soal ini jangan nak kita politikkan dan saya mengharapkan apabila mereka sudah termasuk dalam asnaf berilah peluang kepada mereka untuk mendapatkan itu hak yang sepatut mereka dapat biarlah sebarang politik itu kita ketepikan. Jadi tenaga banyak lagi yang saya akan panjangkan senarai nama ini kepada pihak yang lebih bertanggungjawab dan saya harapkan pihak Kerajaan dapat memberikan penerangan dan perkara-perkara yang melibatkan asnaf. Maklum lah raya pun dah semakin hampir mungkin ramai dalam orang-orang yang termasuk dalam golongan asnaf ini sangat memerlukan bantuan-bantuan dan bantuan bulanan. Dan yang pentingnya kalau mereka itu terdiri daripada golongan asnaf biarlah mereka berhak terima dan skim ini mereka sudah terkeluar saya mohon kepada pihak Lembaga mengeluarkan surat rasmi kepada mereka bahawa mereka sudah terkeluar. Jadi mudah kepada mereka tak ada dapat buat tuntutan dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat Permatang zakat ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Selangor dan bukan di bawah Jabatan Agama Islam dan sepatutnya dibangkitkan di dalam B.01 dan bukan B.14. Tapi memandangkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga bertanggungjawab maka saya benarkan untuk kali ini ya. Silakan Yang Amat Berhormat

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih dari Yang Berhormat Meru, Yang Berhormat Hulu Kelang, Yang Berhormat Sri Muda, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dan Yang Berhormat Permatang yang membangkitkan isu-isu pentadbiran JAIS dan MAIS. Pertama saya akan panjangkan keputusan-keputusan yang saya rasa yang tidak disebar atau pun tidak diberitahu kepada Yang Berhormat Meru. Yang Berhormat Meru ialah ditugaskan di bawah portfolio saya juga iaitu untuk menjaga Majlis, JAIS Jabatan Agama Islam. Jadi saya akan usulkan supaya terdapat perbincangan yang kerap boleh jadi tiap-tiap minggu atau pun tiap dua minggu untuk mengikuti perkembangan JAIS dan memantapkan hubungan antara JAIS dan juga mereka-mereka yang ditugaskan untuk menjaga pentadbiran JAIS. Kedua saya juga akan cuba berbincang dengan JAIS masalah yang dihadapi oleh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Hulu Kelang tentang Sekolah tapi saya memahami masalah yang diberikan oleh diterangkan oleh Pegawai Pendidikan JAIS,

salah satu masalah yang besar yang dia dapati guru tetap yang kita boleh masukkan untuk bekerja agak tidak pandang kalau mereka diminta untuk jadi Guru di bawah konsep Persekutuan mereka senang menerimanya sebab mereka dalam Kumpulan Pencen, Gaji Tetap, kenaikan tetap tapi kalau dalam Kumpulan yang JAIS dia hanya terhad kepada satu peluang sahaja. Itu sebab oleh kerana itu permintaan dan juga penawaran Guru-guru itu tidak begitu dapat penerimaan yang meluas. Sebagai contoh di Jugra Tahfiz Jugra yang berlaku sehinggakan JAIS menunggu setahun untuk mendapat Guru Sains yang sanggup datang ke Jugra untuk menerima jawatan sebagai Guru. Jadi itu ada perkara yang berlaku yang kita mesti menerima keadaan yang ada sekarang. Kedua sudah tentulah peruntukan perbincangan mengenai peruntukan boleh apabila Belanjawan yang akan datang kita akan tunjukkan dan perbincangan sebegini akan memberitahu kita tentang peruntukan-peruntukan yang kita mesti utamakan. Itu akan berlaku dan peruntukan untuk JAIS dalam penelitian saya agak besar dan kita besok akan bagikan kepada beberapa kompartmen iaitu pendidikan dan juga penjagaan masjid dan surau dan untuk dibincangkan tentang acara keputusan yang dibuat dan pelaksanaan. Serupa juga saya merasakan rintihan Seri Muda ini betul sebab saya juga memantau dan birokrasinya agak tinggi sebab dia tidak terjawab. Jadi jawapan saya serupa juga kalau tak boleh membuat keputusan beritahu tak boleh buat keputusan. Kalau tak boleh buat beritahu tak boleh bagi, tak buat apa pula nak tunggu-tunggu dan memberi mereka harapan yang tak ada harapan itu yang saya lihat. Dan Bukit Antarabangsa saya percaya Nanyang ada strategi dia dan kita pun berbincang. Walau bagaimana *pun the last course of action is Land Acquisition* yang terpaksa di bayar mengikut harga pasaran. Itu yang saya rasa kita tidak mahu menggunakan opsiyen tersebut. Jadi, itu sebab kita telah minta L.A. buat kajian. Jadi perancangan Nanyang itu, ada pelannya dan pelan itu termasuk peruntukan untuk surau dan juga sekolah. Jadi itu, dan kita juga akan mengambil kira tanggungjawab kerajaan persekutuan, pada masa tersebut untuk menyediakan tapak surau. Jadi itu pun kita akan cuba lakukan. Dan dari segi percukaian, saya akan minta Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri untuk berhubung dengan rakan di Perbendaharaan, untuk meminta, apakah borang-borang yang kita mesti sampaikan kepada Jabatan Cukai untuk mereka masukkan dalam kod, di mana mereka boleh dapat potongan cukai. Jadi ada kalanya kalau nombor kita tak masuk dalam kod itu, walaupun kita membuat *claim*, dia tak terima. Jadi saya ingat itu proses yang boleh kita lakukan sebagai satu usaha positif. Dan saya juga tidak percaya, percaya, zakat yang mengendalikan program yang dinyatakan oleh Permatang itu agak sekarang sistem dia, terbuka, saya nak katakan sistem terbuka begini. Yang Berhormat dari Permatang boleh menelefon zakat dan dia ada data *base*, untuk Permatang sahaja. Senarai-senarai yang ada di Permatang yang dapat, jadi Permatang boleh terus bandingkan siapa nama yang dalam senarai itu dan *data base* dia lengkap. Saya pun, Yang Berhormat dari Batu Tiga pun telah menggunakan *data base* yang di campurkan. Jadi kalau kita dapat *data base* itu,

kita boleh katakan mengapa perkara ini boleh berlaku dan seterusnya. Saya berharap kalau itu, maknanya pentadbiran kita lebih cepat lagi. Dan saya percaya zakat mempunyai peruntukan-peruntukan yang cukup untuk apa keputusan yang dibuat. Itu sebab saya percaya dan akan dapat diselesaikan.

**TUAN Pengerusi :** Ya, Sri Muda

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Dato' Pengerusi, saya ingin mencelah sedikit dan memohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Jawapan yang diberikan oleh kerajaan tadi, bahawa kita boleh menelefon untuk mendapatkan senarai daripada Lembaga Zakat Selangor, dan di mana dengan senarai itu kita boleh menyemak dan menapis, kalau ada pemohon-pemohon yang lain yang masuk ataupun cuba mengambil kesempatan. Pengalaman saya bagi kawasan Petaling sejak tahun 2008, dapat sekali, lepas tu bila kita mohon secara bertulis pun, sampai hari ini pun masih belum dapat. Bagi kawasan Petaling. Tapi bagi kawasan Klang, ada dikemukakan. Itu pun sehingga tahun 2009, 2010 tak ada, 2011 pun tak ada. Walaupun setiap kali Mesyuarat Jawatankuasa ada dikemukakan secara bertulis, tapi tak ada. Senarai itu tidak diberikan, senarai asnaf tidak diberikan dan kita mempunyai maklumat lengkap. Jadi apabila mereka datang, mengadu, mohon seperti mana dialami oleh Permatang, kita tak ada rekod. Sama ada benar aduan mereka, mereka sudah dikeluarkan nama daripada senarai asnaf ataupun mereka masih lagi kekal. Kerana kita difahamkan, mereka hanya akan menerima bantuan ini untuk tempoh 6 bulan. Selepas 6 bulan, mereka dikeluarkan dari senarai penerima asnaf. Jadi saya mohon penjelasan kerajaan negeri.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Saya rasa sebab diberitahu oleh CEO Zakat, dia punya sistem, yang saya diberitahu, sistem itu ialah pembayaran, sistem itu berasaskan pada pembayaran, dan kalau pembayaran dibuat pada bulan ini, maknanya senarai orang yang diberi pada tiap bulan itu, sudah ada. Jadi, sebab yang dibayar ada senarainya, jadi dengan cara itu, kita boleh mengetahui nama senarai itu, bukan maknanya dia kena *up-date*, sampai 2 tahun. Sebab sistem itu ialah sistem, *life system*, dia panggil sistem. Apa yang kita keluarkan, jadi saya percaya boleh jadi birokrasi yang berlaku. Tapi dari segi sistem yang ada di zakat memang cukup mengetahui status setiap bulan. Setiap bulan ada status. Saya akan adakan pertanyaan untuk mengetahui sama ada ini masalah yang dihadapi oleh wakil-wakil rakyat yang nak tahu kan senarainya, bukan untuk membuat keputusan tapi untuk menolong, memberitahu dan juga, kalau apa berlaku, boleh kita perbaiki dan seterusnya. Itu saja, tapi buat masa ini, kita pula akan *merge* pula, ini untuk *to make things more complicated*. Kita nak *merge* Zakat, Kebajikan, *into a system, work from welfare to work*. Jadi ada pula dia punya sistem. Jadi, sistem itu *up-dated*, bukanlah *daily*, tapi sekurang-kurangnya tiap-tiap bulan sistem itu di *up-dated*. Jadi, saya harap, saya akan cuba tengok kan, supaya sistem itu boleh dapat akses *by the* wakil. Tidak

ada perkara rahsia dalam perkara ini sebab itu untuk hak mereka, hak rakyat, kalau betul, mereka dapatlah. Itu saja.

**TUAN Pengerusi :** Jadual B.14 – iaitu wang sejumlah RM15,550,833.05 untuk Kepala B.14 Jabatan Agama Islam menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya, Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat, RM438,273.47.

**TUAN Pengerusi :** Kota Damansara.

**YB Tuan Dr Mohd Nasir Bin Hashim :** Terima kasih, Tuan Dato' Pengerusi. Kota Damansara ingin merujuk muka surat 8, B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat 50500, emolumen. Kota Damansara ingin membincangkan ataupun mengaitkan dengan khidmat pemberian zakat seperti mana yang dikemukakan oleh YB Permatang. Dato' Pengerusi, ramai penduduk PPR dan kos rendah adalah bekas penerima asnaf dan juga orang miskin. Rakyat miskin memerlukan bantuan Kebajikan Masyarakat dan juga Zakat. Kota Damansara menerima berbagai aduan ketidakprihatinan serta keluhan dan penderitaan rakyat miskin. Hubungan pegawai-pegawai dengan rakyat tidaklah mesra. Bersifat *ileitis*, kerana sudah mempunyai kuasa penuh menentukan siapa individu yang harus diberi pertolongan dan juga wang ataupun tidak memberi. Seperti mana yang dikatakan tadi, kemungkinan tadi birokrasi itu tebal, kalau kita mengharap pada budi bicara, mungkin tak berjalan kerana budi bicara itu berkaitan dengan orang pegawai-pegawai yang berjiwa rakyat. Tidak menghormati rakyat yang bermasalah, layanan yang diberi amat jelik, rasa terhina dan dihina, kalau mengadu, mungkin dihukum. Lebih layakkan mereka ini, rakyat yang bermasalah sebagai bebanan liabiliti, dengan izin, walhal ini bercanggah dengan pendirian bahawa rakyat miskin adalah aset kerajaan negeri. Lambat siasatan dan lawatan, seribu satu alasan, kenapa tak dilakukan, kurang kakitangan, tak jumpa rumah, ada rumah tak ada orang, tak tinggalkan pesan, sibuk bermesyuarat. Tidak ambil kira saiz keluarga yang berpadanan dengan pendapatan. Kalau lebih sedikit RM1500.00, katalah RM1550.00 dah tak layak. Kota Damansara cadangkan kita menggunakan pendapatan sekeluarga, jumlah pendapatan dibahagikan dengan saiz keluarga sebagai garis pengukur. Misalannya, kalau RM1500.00, ada lima orang ahli dalam rumah, tiga anak, suami isteri, kita dapat RM300.00 per kepala. Kalau itu menjadi garis panduan, lapan keluarga dengan RM1500.00, bahagi lapan, kita dapat RM187.50, maknanya bawah daripada RM300.00, mereka layak. Andainya mereka ada RM1,550.00 dan ada lapan dalam keluarga, RM193.75, bermakna mereka layak, tetapi pendapatan mereka RM1,550.00 maka mereka tak layak. Ini berlaku dan ini sungguh menyedihkan kerana mereka memang bermasalah. Kita juga harus ambil kira keperluan OKU, keperluan

istimewa kepada bayi, kanak-kanak. Lambat memproses permohonan, kena panggil beberapa kali, susah nak dapat pegawai. Di tempat Kota Damansara, pemotongan bantuan tanpa alasan diberi pada keluarga buta dan orang pekak ataupun kurang pendengaran. Maknanya kalau mereka tak nampak, tak nampaklah, tak dengar, tak dengarlah, kenapa dipotong begitu. Mungkin ada naik sikit RM50.00 ke, dah tak dapat bantuan. Di sini juga, Kota Damansara merasakan bahawa patut kita *overhaul*, sistem pentadbiran dari segi layanan terhadap rakyat biasa, bukan *fine tuning*, *overhaul*, dengan harapan bahawa layanan lebih baik pada mereka yang datang pun, memang dari segi keyakinan diri, dari harga diri, terpaksa datang untuk dapatkan sesuatu. Dan apabila kita menghinakan mereka, ini amat menyedihkan. Maka itu Kota Damansara cadangkan pada Kerajaan untuk mengambil kira apa yang telah dikatakan dan berharap layan itu lebih baik pada masyarakat miskin. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi :** Hulu Kelang.

**YB Tuan Haji Saari Bin Sungib :** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Merujuk muka surat 8, Kepala B.15 Pejabat Kebajikan Masyarakat, emolumen RM10,000.00, gaji dan upahan, peningkatan RM403,227.37. Saya ingin menarik perhatian Dewan tentang semangat, hubungan kerjasama, tanggungjawab bersama, senarai pusat dan negeri. Kerjasama di antara agensi kerajaan pusat dan negeri, yang kami wakil rakyat di peringkat Dewan Negeri meluluskan satu peruntukan yang melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya pada hari ini, peningkatan emolumen. Kami akan dipertanggungjawabkan oleh rakyat tentang keputusan yang dibuat. Adakah setara dan setanding dengan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Ini kita sebagai Ahli Dewan dan pegawai-pegawai yang berkenaan perlu menghayati nilai yang diberikan oleh rakyat kepada satu majlis perundangan seperti kita.

Saya merujuk kepada perkara-perkara yang sudah berlaku beberapa tahun yang lepas di mana kurang kerjasama perkongsian permuafakatan antara wakil rakyat dan pegawai-pegawai JKM. Khususnya kami di peringkat akar umbi, di peringkat kawasan berdepan dengan kehendak dan permintaan rakyat. Kita cuba prihatin menangani dan menyantuni masalah rakyat dan kita mendamaikan perasaan mereka dengan mengeluarkan surat sokongan. Bagi mereka tinggi nilai surat sokongan, walaupun kita nyatakan sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan, sudah cukup tinggi bagi mereka. Sudah cukup prihatin. Dan apabila surat-surat ini saya kemukakan pada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak ada respons, tidak ada jawapan. Dan saya mengadu pada EXCO berkenaan dan EXCO telah menasihatkan saya untuk setiap kali memberi surat sokongan hendaklah disalin kepada beliau. Dan ini telah saya buat, saya kira puluhan surat-surat yang telah dilontarkan, disampaikan kepada jabatan berkenaan, di peringkat Gombak, tidak ada respons. Cuma alhamdulillah, baru-baru ini berlaku perubahan. Saya dengan begitu terkejut menerima satu surat memaklumkan bahawa sokongan saya pada Nur Jasmaniah bin Yahya, seorang OKU berusia 42

tahun, yang telah membuat permohonan sepuluh tahun sebelumnya baru mendapat layanan dan telah mendapat kelulusan 300 sebulan bantuan dari JKM. Apa yang mengharukan saya adalah kerana ini pertama kali sebagai wakil rakyat yang telah memberi surat sokongan puluhan bilangannya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Gombak pertama kali. Menerima surat dan saya terus mengarahkan pengurus khidmat DUN untuk menjawab dan mengucapkan terima kasih di atas kerjasama itu.

Dan inilah yang kita nak apabila semangat hubungan agensi pusat dan negeri berjalan profesional. Tanpa merasakan bayangan, tekanan politik daripada kuasa politik atasan. Apabila merasakan bahawa wakil rakyat ini berkhidmat untuk rakyat ini tanpa mengira parti. Jadi tidak dapat memberi layanan yang terbaik kepada rakyat. Jadi seruan saya pada pihak kerajaan agar memberikan satu dorongan keyakinan bahawa komitmen yang diberikan oleh ahli-ahli dewan dalam meluluskan peruntukan inilah dengan timbangan dan imbalan bahawa kemesraan, kerjasama permuafakatan, kasih sayang kita bekerja untuk rakyat dapat dipertingkatkan di antara wakil rakyat dan Jabatan-jabatan. Jadi saya ucapkan terima kasih di atas perubahan besar dan mendadak yang berlaku baru-baru ini Jabatan Masyarakat Gombak dengan mengutus surat kepada saya memperakui sokongan yang telah saya berikan untuk meluluskan permohonan bantuan kepada rakyat terpinggir. Terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**YB TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Pengerusi. Saya ingin membahaskan perkara di muka surat 8, kepala B15 lima puluh lima ribu Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ini ada kaitan langsung dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Hulu Kelang. Pernah pada satu ketika tahun 2008 yang lepas bila mana ada surat sokongan dibawa dari pejabat dewan negeri Sri Muda dikemukakan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat di daerah Klang. Pegawai yang terlibat menerima surat ini dan di hadapan pembawa surat itu menyatakan kenapa membawa surat daripada orang ini. Kenapa tidak bawa surat yang melambangkan keris. Ini disebut secara terbuka Jadi saya rintihan daripada itu saya sampai ke hari ini hanya sekali sahaja menerima surat itu pun surat pemakluman bahawa pegawai itu sudah bertukar. Memaklumkan tidak lagi berkhidmat di Daerah Klang dan selepas sekian tarikh itu dia berkhidmat di tempat lain dan ada pegawai baru pengerusi yang akan menggantikan tempat beliau.

Jadi, saya mengambil apa yang disebut oleh Permatang tadi dalam soal-soal yang melibatkan kebajikan masyarakat, yang melibatkan soal kesihatan, yang melibatkan pendidikan dan juga kebajikan. Saya ingin mencadangkan supaya kesemua pihak tidak kira daripada kerajaan negeri atau pun kerajaan persekutuan kena tolak. Kalau diamalkan pemikiran sempit ini khususnya dalam bidang pendidikan kerana nak menunjukkan kuasa ok tidak payah bagi PTPTN kepada orang negeri Selangor. Ini satu pemikiran sempit politik tidak matang dan saya menyeru kepada pembangkang

Selangor tolong bawa bagi tahu dalam mesyuarat Barisan Nasional di peringkat negeri jangan diskriminasikan 4 perkara ini kerana ia merupakan keperluan kepada seluruh rakyat. Ia bukan soal yang boleh kita jadikan dia sebagai satu senjata untuk membunuh karier politik sesiapa.

4 perkara ini kesihatan, keselamatan, pendidikan dan kebajikan yang kita sedang bincangkan ini adalah merupakan perkara pokok dan saya menyeru kepada kerajaan negeri. Wakil kerajaan negeri Selangor mesti mengadakan perbincangan dengan kementerian yang terlibat dalam soal kebajikan bagi menyelesaikan isu ini. Ia sudah berlangsung selama 4 tahun, surat-surat yang diberikan oleh ahli dewan ini seolah-olah tidak ada nilai. Hulu Kelang dapat satu surat jawapan yang menyatakan diberi saya sampai hari ini pun tidak dapat begitu juga rakan-rakan yang lain. Kalau kerajaan negeri tidak mengambil inisiatif berjumpa dengan menteri yang terlibat yang menjaga soal kebajikan saya fikir masalah ini tidak dapat diselesaikan apa salahnya demi untuk memastikan rakyat mendapat kebajikan yang sewajarnya. Maka kerajaan negeri mesti mengadakan suatu pertemuan berjumpa dan menyelesaikan isu ini secara total. Sekian, saudara Pengerusi terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan vot B15 lima puluh lima ribu Jabatan Kebajikan. Sama jua pengalaman dengan Hulu Langat dan Sri Muda. Kajang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan di setiap daerah khususnya di daerah Hulu Langat di mana pengagihan-pengagihan dan juga pertimbangan diberi kepada pemohon-pemohon yang diperlukan. Dan akan tetapi Kajang mendapati di Pejabat Daerah, di Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah terdapat beberapa pegawai lantikan politik yang terdiri daripada MCA, UMNO, UMNO saya tidak pasti, MCA dan MIC yang membawa pegawainya masuk ke dalam wakilnya masuk ke dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ini telah menjadikan Jabatan Kebajikan kita menyerupai satu jabatan yang diganggu oleh unsur-unsur politik di mana pilih kasih dan mereka pergi *interview* pemohon-pemohon dan telah melibatkan unsur-unsur politik dan kempen-kempen politik.

Dan pemohon-pemohon telah menyuarakan ketidakpuasan dana menganggap ini merupakan satu gangguan terhadap mereka. Dan selain daripada itu campur tangan ahli-ahli politik di kawasan termasuk ADUN membawa pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan dan buat pengagihan bantuan di pejabat mereka. Termasuk pihak MCA, membawa mengarahkan Jabatan kebajikan pergi ke pejabat mereka untuk mengagihkan bantuan. Dan ini adalah salah satu tindakan memang salah guna kuasa. Jelaskan.

**TUAN SPEAKER:** Kajang

**YB TUAN SAARI B. SUNGIB:** Pengerusi saya nak tanyakan dengan Kajang berkenaan dengan hal ini yang disebutkan tadi bahawa adanya penglibatan-penglibatan politik dan serahan bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat diserahkan di pejabat wakil rakyat Barisan Nasional. Tetapi itu tidak wujud di pejabat wakil rakyat Pakatan. Jadi saya nak bertanya dengan Kajang tolong jelaskan sama ada yang terlibat itu wakil rakyat pembangkang sahaja atau wakil rakyat kerajaan. Terima kasih

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Sememangnya sebelum itu di pejabat ADUN Pakatan Rakyat pun tidak langsung terlibat, tidak ada campur tangan dan membiarkan Jabatan Kebajikan menguruskan pengagihan bantuan-bantuan ini di balai raya, di tempat-tempat bangunan pejabat awam. Tapi yang kita nampak hanya Adun daripada Barisan Nasional yang mengarahkan pegawai-pegawai pergi mengagihkan bantuan di pejabat-pejabat mereka dan juga di pejabat parti. Dan ini merupakan satu yang telah menyebabkan ketidakselesaan pada pegawai-pegawai kerajaan bawah JKM ini. Dan kita minta pihak negeri

**TUAN SPEAKER:** Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Sekiranya ini berlaku maka tindakan harus diambil ya untuk mengelakkan gangguan sebegini. Ya ok Sungai pelak.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Minta mencelah

**TUAN SPEAKER:** Ya Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Dato' Pengerusi saya dengar Kajang cakap MCA campur segala urusan di apa dalam soalan kebajikan ini. Saya nak maklumkan kepada Kajang di Daerah Sepang perkara ini tidak berlaku. Kita tidak ada pegawai sementara daripada Parti masuk ke pejabat Kebajikan Daerah Sepang untuk menjalankan tugas dan kita tidak ada pun mengarahkan atau meminta pegawai kebajikan atau petugas-petugas kebajikan datang ke pejabat sayalah sebagai ADUN untuk membuat agihan kepada mereka. Tidak jadi kalau Kajang kata begini rupa eloklah jangan cakap semua mana tempat, mana pejabat dia bagilah can. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Dato Pengerusi dan juga Sungai Pelek baguslah kalau Sungai Pelek tidak ada berlaku demikian tapi kita dapati di Hulu Langat memang bukan sahaja campur tangan mereka sendiri pula yang beri tambahan lagi mereka mengambil kesempatan bagi satu paket milo ataupun bahun



ataupun gula setiap kali untuk mengumpukan *political mails* dengan izin. Jadi perkara ini tidak harus berlaku ya jadi ini sahaja Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya pihak kerajaan

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ucapkan juga kepada Yang Berhormat telah bertanya bukan bertanya kebanyakannya tetapi keluhan-keluhan yang dicurahkan yang saya rasa bukan sahaja selama ini saya selaku EXCO kebajikan merasakan tetapi semua kebanyakan Yang Berhormat peringkat kerajaan negeri merasakan perkara ini. Respons daripada perkara ini sebenarnya saya ingin menyatakan bahawa isu terbesar dalam Jabatan kebajikan Masyarakat adalah bila mana pegawai-pegawai kerajaan terpaksa menerima arahan daripada 2 pihak iaitu kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Di mana daripada arahan yang diberi diletakkan kategori-kategori bantuan ditentukan sebanyak 12 kategori itu, sepuluh daripadanya adalah dari persekutuan dan kedua-duanya daripada negeri. Jadi seolah-olah ia telah mengasingkan jika bantuan itu datang dari persekutuan maka itulah adalah 100% tanggungjawab kerajaan persekutuan untuk memberikan arahan dan juga bagaimana ianya perlu disampaikan kepada rakyat.

Sedangkan yang mengusahakan mendapatkan nama-nama untuk diajukan kepada jabatan tersebut kebanyakannya terdiri daripada semua pihak termasuk ADUN-ADUN sendiri tetapi masalah yang nampak di sini di bawah kategori pemberian itu hanya dua sahaja bantuan am dan bencana. Yang di bawah kategori kerajaan negeri. Jadi untuk itu sebenarnya saya melihat perkara ini telah lama dan kita pun berkali-kali ingin berjumpa menteri pun telah bertukar dari menteri wanita kepada menteri lelaki pula yang menjaga kementerian ini. Tetapi layanannya tidak pernah diberi untuk saya secara terus untuk kita boleh berbincang tetapi permasalahan kita buat kita cuba perbaiki apa yang boleh kita baiki dan saya juga minta nyatakan kemungkinan kita mesti meletakkan kebanyakan pegawai-pegawai lantikan daripada negeri untuk berada di dalam jabatan Kebajikan sendiri untuk memastikan ia ketelusan dan juga kelancaran program-program yang dilaksanakan di bawah kebajikan.

Yang ditanyakan oleh Kota Damansara tentang pemberian yang kita nampak kadang-kadang ianya tidak *justify* dalam memberi tersebut ianya sebenarnya Jabatan Kebajikan garis kemiskinan yang digunakan adalah 720 ke bawah sahaja yang layak menerima tetapi untuk kerajaan Selangor kita telah meletakkan 1,500 dan banyak juga kategori dan banyak juga ketikanya kita fleksibel dan bergantung juga jumlah anak atau pun tanggungan yang kita ada di dalam keluarga. Itu hanya dalam lingkungan bencana dan juga bantuan am yang kita boleh ada kuasa untuk memberikan bantuan itu kepada penerima atau pun mereka yang wajar diberikan bantuan tersebut. Jadi itu yang menjadikan *discussion* atau pun dengan izin terlalu banyak kecelaruan yang berlaku di dalam jabatan sendiri sehinggakan saya harap beberapa kali kepada dan setiap kali

perjumpaan kepada semua pegawai-pegawai kita menyatakan supaya sikap profesionalisme itu perlu diutamakan dalam mengurus tadbirkan jabatan itu sendiri dan sebenarnya yang lebih memilukan di mana pegawai-pegawai yang kita lihat efisien ditukar boleh dikatakan 3 bulan sekali ke tempat-tempat lain.

Jadi saya juga mengambil *flow* ini ataupun dewan ini untuk menyatakan bahawa supaya tidak berlaku perkara begini sebab kita lihat bukan ia sahaja menyusahkan pegawai. Pegawai-pegawai kita merasakan bahawa begitu tertekan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Dan isu yang dibangkitkan oleh Kajang berlakunya pegawai-pegawai daripada lantikan politik itu wujud, saya tidak katakan ia tidak wujud, wujud bila mana pihak persekutuan menentukan beberapa pegawai diletakan di Jabatan Kebajikan Masyarakat khusus untuk melihat ataupun kononnya membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat itu sendiri iaitu di bawah Sayang ataupun Mayang. Jadi ini adalah satu perkara yang saya sendiri telah menyatakan kepada pihak Jabatan Kebajikan supaya jangan di campur adukkan isu politik dan jua isu pentadbiran. Saya mengharapkan ketulusan ini dapat diperbetulkan dengan segera.

Itu beberapa perkara yang komen saya seterusnya, Tuan Pengerusi saya juga ingin menyatakan bukan sahaja kita menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Ya di dalam Jabatan tetapi kita juga mendapati pegawai-pegawai kita kurang latihan sebab itu kerajaan negeri telah pun mengeluarkan peruntukan untuk memberikan latihan-latihan kepada pegawai-pegawai untuk mereka lebih efisien dalam melaksanakan tugas mereka dan satu lagi mereka perlu bantuan kaunseling dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri. Begitu juga kita dapati kita juga membantu dalam konteks menyediakan infrastruktur yang kondusif seperti komputer, sistem-sistem yang lain supaya mereka boleh bekerja dengan baik dan tidak memberikan tekanan-tekanan tambahan kepada mereka.

Jadi untuk itu saya mengambil semua maklum kepada perkara-perkara yang telah diutarakan oleh keempat-empat Yang Berhormat tadi dan saya mengharapkan jika ada apa aduan-aduan kita rasakan perlu diberikan saya sudi untuk membantu. Silakan Seri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI:** Terima kasih Batu Tiga, terima kasih Pengerusi, saya ingin bertanya kerana saya bangkitkan tadi berkenaan dengan menyarankan kerajaan negeri untuk bertemu dengan pihak Kementerian. Jadi apakah perancangan kerajaan negeri ada ruang untuk berjumpa atau sudah bertemu dan berapa kali dan apakah *feedback* daripada pertemuan tersebut. Kadang kita kena tahu terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Usaha yang saya laksanakan dalam konteks untuk berbincang beberapa perkara dengan pihak persekutuan kita semenjak 2008 kita

berusaha di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga itu untuk berjumpa, untuk berdiskusi dan kita juga telah membuat surat kepada Setiausaha Kementerian untuk berjumpa tetapi malangnya ia tidak dilayan, pernah dalam satu usaha yang saya laksanakan untuk membincangkan masalah *interfiling* dengan izin atau pun pemerdagangan manusia kita ditolak. Seolah-olahnya macam bola. Lepas itu kata boleh,lepas itu tidak boleh, bila kita nak pergi *dicancelkan appointment* dan sebagainya. Akhirnya tidak berjumpa jadi *conclusion* yang boleh saya bagi di sini tidak pernah ada perbincangan antara negeri dan saya selaku EXCO kerajaan negeri dan kementerian dan saya yakin ia tiadanya bukan tidak ada, bukan tidak mahu tetapi sebenarnya mereka ini menafikan bahawa EXCO kerajaan negeri di peringkat negeri semuanya negeri Pakatan Rakyat patut diberi ruang.

Saya bersama-sama rakan saya-saya di EXCO kerajaan Pakatan Rakyat lain seperti Kedah,Kelantan, Pulau Pinang dan juga pula bincang perkara ini kita juga tidak diberi ruang oleh kementerian Pembangunan Wanita untuk berbincang tentang hal-hal ini. Jadi itu jawapan dari saya Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B15 iaitu wang sejumlah ringgit Malaysia empat ratus tiga puluh lapan ribu dua ratus tujuh puluh tiga dan sen empat puluh tujuh untuk kepala B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya Ahli-ahli Yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERTERHORMAT:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Di persetujui. Dewan bersidang sebagai dewan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:- bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan sebelas dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga selesai semua aturan mesyuarat pada hari ini.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker saya menyokong

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya Ahli-ahli Yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERTERHORMAT:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Usul di persetujui. Dewan bersidang semula sebagai jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa ringgit Malaysia enam ratus empat puluh lapan ribu empat ratus lima puluh satu dan sen empat puluh.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Silakan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI:** Terima kasih Pengerusi saya memerlukan sedikit ruang ini sebab tidak sempat untuk berbahas dalam perbahasan rang undang-undang jadi saya cuba membahaskan perkara B16 volt 50 lima ribu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

**TUAN SPEAKER:** Tolong bawa peringatan bahawa jam pukul 4.20, ingatan sahaja.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Baik Terima kasih sedikit sahaja Pengerusi berhubung dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ini merupakan satu agensi yang mengawal selia pembangunan-pembangunan di seluruh Negeri Selangor. Sesuai dengan kedudukannya itu maka kesemua Pihak PBT tertakluk di dalam rancangan pembangunan di kawasan masing-masing dan ada satu isu yang baru-baru ini pada siang tadi, tengah hari tadi ada dibangkitkan untuk makluman kerajaan negeri berhubung dengan pembinaan satu jajaran LRT yang menghubungkan Ampang ke Subang Jaya terus disambungkan ke Putra Height.

Maka saya ingin bertanya dengan kerajaan negeri kerana kita sudah beberapa kali melakukan mesyuarat dan di bawa ke dalam mesyuarat tindakan Ekonomi negeri tetapi sehingga ke hari ini belum lagi kata putus berkenaan dengan projek ini sama ada ianya sudah diluluskan ataupun tidak oleh pihak kerajaan negeri. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Subang Jaya memaklumkan kepada pengadu-pengadu juga penduduk bahawa projek ini belum lagi diluluskan. Tetapi mengikut semakan oleh penduduk dan aduan oleh penduduk di kawasan terlibat walaupun jajaran yang menghubungkan Kelana Jaya ke Subang Jaya seterusnya sampai ke Putra Height itu belum diluluskan tetapi stesen 11 dan stesen 12 sudah mula dibina. Jadi ini menimbulkan satu persoalan kerana mereka bimbangkan isu keselamatan di mana pada suatu ketika dahulu mereka membangkitkan berkenaan dengan satu tasik yang agak besar. Jadi saya mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri supaya kita dapat rekodkan dalam *hansard* dewan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, terima kasih Seri Muda yang telah membangkitkan isu kemajuan, pembangunan LRT yang mana kerajaan negeri walaupun itu bukan satu tanggungjawab kerajaan negeri untuk pembinaan tersebut tetapi kerajaan negeri telah mengadakan pemantauan tentang kemajuan pelaksanaan sebab kemajuan pelaksanaan akan memberi kesan kepada penduduk-penduduk di mana aliran LRT itu melalui. Satu perkara yang jelas kita dapati penduduk di kawasan yang dinyatakan oleh Seri Muda itu merasakan pembinaan LRT yang melalui tasik itu adalah mempunyai risiko yang tinggi yang mana risikonya pembinaan itu tidak akan berada di dalam satu keadaan yang stabil dan menyebabkan boleh jadi dalam masa beberapa lama terdapat antara lain keruntuhan aliran sistem tersebut atau pun perkara-perkara yang menyatakan tempat itu tidak mantap untuk dibina.

Jadi saya telah memanjangkan kecurigaan dan juga perasaan ketentuan itu kepada prasarana untuk menyatakan kepada mereka, perkara ini adalah perkara terpenting dalam kerajaan negeri membuat keputusan supaya aliran ini boleh digunakan atau tidak. Oleh sebab itu kerajaan negeri akan dari masa ke semasa memantau kesahihan kerja-kerja yang dibuat dan mereka juga bersetuju dengan kerajaan negeri untuk dari masa ke semasa jika perlu kerajaan negeri akan melantik konsultan bebas dari segi *engineering* untuk melihat sama ada kemajuan pembinaan itu boleh dibuat atau tidak. Tetapi kerajaan negeri ingin memberi peluang untuk pasaran itu membuat kajian. Kalau kita tidak memberi peluang kepada mereka membuat kajian sudah tentulah mereka kata kita tidak menghalang kemajuan mereka, apabila kajian itu dibuat untuk keputusan beberapa peringkat kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan atau pun mesyuarat selalunya melalui MTES yang kita lakukan biasanya tiap minggu Majlis Tindakan Ekonomi Negeri yang mana kita boleh jemput mereka dan memberikan mereka memberikan status dan kerajaan negeri jika kita dapati apa yang mereka terangkan itu masih dalam kecurigaan kita.

Kita boleh meminta mereka tidak meneruskan tetapi menghantar konsultan ataupun *expert* untuk mengkajinya. Jadi pada saya ini adalah satu usaha walaupun kita membenarkan pembangunan tetapi kita juga mesti memantau sebab pembangunan itu yang kita terutamakan ialah *safety* atau keselamatan. Dari segi keselamatan sudah tentulah pasaran akan menyatakan mereka gerenti, gerenti itu suatu kenyataan saja tetapi tujuan kita bukan gerenti saja tetapi ada *report-report* dan ketegasan dari *independent* konsultan yang menyatakan perkara itu akan sudah diambil kira. Kita sudah mencadangkan kepada prasarana untuk ini *the safety standard must be 50% above the normal safety standard*. Maknanya *engineering* itu ada *safety standard*. Jadi saya akan, saya percaya Yang Berhormat Seri Muda akan kita jemput untuk menghadiri perjumpaan tersebut bersama dengan rakan-rakan dari mereka yang saya percaya memang ikhlas dari segi kecurigaannya supaya kita dapat membuat keputusan yang baik demi kepentingan semua pihak, dari kepentingan prasarana, kepentingan

penduduk dan kepentingan kita dari segi mengadakan satu sistem pengangkutan awam yang boleh kita gunakan untuk masa-masa yang depan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih YAB Dato' Pengerusi. Saya mendengar penjelasan Y.A.B Dato' Menteri Besar yang menegaskan bahawa ini adalah projek Kerajaan Persekutuan yang menelan kos hampir RM 1 bilion. namun kerajaan negeri juga mempunyai tanggungjawab untuk memantau kemajuan projek ini khususnya dalam konteks keselamatan ataupun *safety* rakyat negeri Selangor. Persoalan saya ialah, bagaimana kerajaan negeri boleh menjamin keselamatan rakyat negeri Selangor khususnya apabila baru-baru ini didedahkan syarikat yang mendapat projek ini tidak menepati prosedur tender terbuka dan syarikat yang dianugerahkan projek ini ada kaitannya dengan George Kent yang ternyata tidak memenuhi spesifikasi tender dan kesemua bidaan beliau telah pun terkeluar sama ada dari segi teknikalnya dan juga keupayaan kewangannya, namun oleh kerana ada pengaruh politik khususnya daripada YAB Perdana Menteri sendiri projek ini telah dianugerahkan kepada George Kent dan persoalannya bagaimana sebuah syarikat yang tidak mempunyai keupayaan kewangan dan tidak memenuhi spesifikasi teknikal boleh menjamin keselamatan rakyat negeri Selangor. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, YB Dato' Pengerusi. Saya telah tidak ingin membincangkan dekat dewan sebab saya reaksi saya telah meminta dan berbincang dengan UPEN untuk menulis surat kepada prasarana mengatakan keadaan ini dan jika perlu kita ada mengadakan perbincangan secara profesional, maknanya kalau kita dapati kontraktor yang melakukannya tidak kita rasa tidak dapat menjalankan tugas terutama dari segi *safety* kita ada kuasa untuk menahannya tapi saya tidak hendak membuat kenyataan di sini sebab kita mesti mengikut tatacara yang mana kita akan bincang, biar mereka akan terangkan dan bagaimana kita dapat menentukan akhirnya terbina aliran itu walaupun di mana terbina aliran itu dengan dibuat dengan mengambil semua usaha-usaha supaya ia dilakukan untuk kepentingan rakyat yang menggunakannya.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B16. Iaitu wang sejumlah RM 648,451.40 untuk kepala B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B17. Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM 1,036,087.44.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B17. Iaitu wang sejumlah RM 1,036,087.44. untuk kepala B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli

Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B18. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling RM 1,019,543.79.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B18. Iaitu wang sejumlah RM 1,019,543.79. untuk kepala B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B19. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak RM 987,623.06.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk muka surat 9 kepala B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Vot 505000 Kod 11000 Emolumen, Gaji dan Upahan. Saya menyokong penuh tentang peningkatan dan pertambahan gaji ini dan saya menganggap dia betul-betul *Value for money* dengan izin. Ini memandangkan komitmen yang telah ditunjukkan oleh Pegawai Daerah dan kakitangan-kakitangan Pejabat Daerah Gombak dalam 2 ataupun lebih program Dato' Menteri Besar turun ke Gombak telah diatur dengan teratur, kemas dan cukup licin. Demikian juga dengan peruntukan RM10 juta hasil negeri untuk rakyat yang diturunkan di Hulu Kelang dengan pembinaan gelanggang futsal di Kampung Kemensah, Kampung Kelang Gate dengan sokongan padu daripada Ahli Parlimen yang hari ini merupakan ADUN Bukit Antarabangsa dan kita cukup teruja dengan suasana kerjasama yang cukup intim, mesra di antara Ahli Parlimen dan ADUN dan Pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Gombak, dan baru-baru ini untuk Geran Selangorku juga sudah berjalan perbincangan dan perancangan yang padu turun ke padang bersama-sama untuk membina gelanggang serbaguna dan dataran anak muda bernilai RM 200,000.00 di Taman Melawati. Demikian juga, tentang penurapan jalan, pembaikan longkang di kampung-kampung Kelang Gate, Hulu Kelang dan Kemensah dan demikian juga dengan surat-menyurat beberapa tahun dulu dalam sidang dewan saya merakamkan rasa tidak begitu berpuas hati dengan respons tentang surat-surat sokongan yang diajukan oleh ADUN kepada Pegawai Daerah dan Jabatan-jabatannya tetapi hari ini berlaku perubahan yang cukup baik, respons yang segera, maklum balas yang baik daripada surat-menyurat telah meningkat dan itu memudahkan urusan rakyat dan wakil rakyat di kawasan Gombak khususnya yang berkaitan dengan Hulu Kelang.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Boleh minta mencelah sedikit. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ini puji memuji lah ni.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tak, tak. Terima kasih YB Dato' Pengerusi. Bukan puji memuji sesama kita tetapi saya sekadar mengesahkan apa yang dibahaskan oleh sahabat saya yang bijaksana daripada Hulu Kelang itu. Memang tepat. Saya bawa contoh di mana apabila ada masalah rakyat dalam pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, wakil rakyat dimaklumkan secara bertulis tentang perkembangan dan kemajuan dan ditulis sendiri oleh pegawai-pegawai termasuk Pegawai Daerah Gombak dan juga pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Ini dapat menjamin ada jaringan dan hubungan kerja yang cukup baik seperti yang ditegaskan oleh sahabat saya daripada Hulu Kelang. Apakah Hulu Kelang bersetuju untuk YAB Dato' Menteri Besar dan kerajaan negeri memberikan penghargaan khusus kepada Pegawai Daerah Gombak yang telah menunjukkan contoh teladan dan kepimpinan yang baik di Negeri Selangor dan khususnya di Daerah Gombak. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya setuju seluruhnya.

**TUAN SPEAKER:** Ada yang tersirat ke saya tak tahu?.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Walau bagaimanapun, ada perkembangan terbaru 3 hari lepas tentang tindakan daripada Pejabat Daerah yang mengeluarkan notis roboh kepada 8 hingga 12 pengusaha chalet di kawasan sungai, kawasan rizab kerajaan di sungai Kampung Kemensah. Sebenarnya isu ini telah kita bincangkan. Konsepnya pemutihan selaras dengan semangat kerajaan negeri untuk pro-rakyat dan pro-perniagaan. Mereka mengusahakan tempat itu beberapa tahun dan mendapat sambutan yang baik, bahkan tempat itu dianggap sebagai kawasan pelancongan mini di Kuala Lumpur iaitu kawasan pelancongan perkelahan di Kampung Kemensah. Saya berhasrat untuk mengadakan program pemutihan dengan meminta wakil-wakil daripada MPAJ dan Pejabat Daerah dan kami bincangkan cara teratur dan teliti dan saya dinasihatkan oleh pegawai-pegawai MPAJ dan Pegawai Daerah dan Pejabat Daerah Gombak untuk tidak cara rasmi memutihkan program tersebut tetapi menyelaraskan dan menyelia dengan baik dan meminta kerjasama agar tidak ditambah lagi dengan chalet-chalet yang haram dan ini telah disampaikan dengan pengusaha dan itu telah di minit kan, maknanya tidak ada tindakan perobohan dengan syarat diselia dengan selaras dan tidak ada pertambahan chalet-chalet haram. Tetapi apa yang berlaku baru-baru ini tanpa pengetahuan saya dan apabila saya siasat dengan Pejabat Daerah, KADO menyatakan tidak ada arahan itu dikeluarkan daripada Jabatan yang berkenaan. Tetapi ini sudah menimbulkan keresahan kepada pengusaha dan saya baru berhubung dengan mereka, jangan panik saya akan bawa di sidang dewan dan akan meminta petua daripada Dato' Menteri Besar dan saya memohon sehingga perkara ini dirundingkan dibahaskan di dialog kan di adakan pertemuan dan mempunyai sebab-



sebab kenapa perlu dirobuhkan chalet-chalet yang sudah bertahun-tahun itu. Maka tidak ada langkah perobohan yang boleh diambil. Jadi saya merayu kepada Kerajaan untuk memberi perhatian yang segera kepada kes yang sedang mereka hadapi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Rawang ingin turut serta berkenaan dengan muka surat 9, B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Saya menyokong apa yang dikatakan oleh YB Hulu Kelang dan YB Bukit Antarabangsa tadi sebab Rawang pun berada dalam daerah Gombak dan saya nampak usaha yang dimainkan dan peranan aktif yang dimainkan oleh Pegawai Daerah dan juga pegawai-pegawai yang terlibat dan saya rasa antara daerah Gombak adalah antara daerah yang paling banyak dikeluarkan geran tanah. Kalau tak salah saya yang mana telah begitu lama tahun-tahun penduduk kampung tunggu. Tahniah dan syabas. Tetapi saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak kerajaan negeri juga mengkaji kadar OT dengan izin untuk *Surveyor officer* yang turun padang. Sebab saya difahamkan dalam satu kes saya turun padang bersama dengan SO. Disebabkan sekarang kerajaan negeri mahu mempercepatkan proses tanah dan mereka sebenarnya banyak urusan turun padang yang perlu dilakukan. Sedangkan bilangan pegawai mungkin agak kurang untuk menampung pemprosesan tanah yang meningkat ini. Yang ke-2 saya ingin mencadangkan kalau boleh di bawah Jawatankuasa Tindakan Daerah juga wujudkan satu perancangan jangka panjang khasnya untuk kita tempatkan mereka yang duduk atas rizab jalan dan rizab sungai ini melalui data bank tanah kerajaan yang telah kita kenal pastikan dalam daerah itu, membuat itu sendiri. Saya nampak ini dari segi perancangan jangka panjang akan memanfaatkan daripada pihak PBT dan pihak Pejabat Tanah sebagai sebuah kerajaan yang berprihatin, kita menempatkan setinggian dan mereka yang bertempat di rizab jalan dan rizab sungai tidak kira rizab mana-mana yang dalam jangka panjang saya nampak mungkin akan hadapi isu penempatan yang mana kita boleh rancang dari sekarang dengan data bank tanah yang kerajaan negeri ada sekarang. Sekian sahaja cadangan saya.

**TUAN SPEAKER:** Silakan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Dato' Pengerusi. YB Hulu Kelang, YB Bukit Antarabangsa, YB Rawang telah membawa isu penjawat awam yang di Gombak, saya dapati cuba menjalankan tugas yang lebih pro-aktif dan iaitu *Solution provider* bukan hanya Pentadbir, dia mencari jawapan-jawapan yang boleh menyelesaikan perkara itu. Jadi, saya rasa sudah tentu Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri Besar akan membincangkan perkara yang mana kita akan melihat

warga kerja kita yang telah mencuba membuat pro-aktif usaha yang lebih daripada apa yang kita lihat kan dan ini merupakan satu perangsang kepada semua penjawat awam dan kita mula merasakan penjawat awam mestilah berganding bahu dengan wakil-wakil rakyat supaya dapat membawa satu pembaharuan dalam pengurusan negeri. Walau bagaimanapun, saya percaya salah satu daripada usaha semasa mereka menjalankan tugas-tugas mereka ini, mereka di dapati merasa tertekan. Ini yang saya nak beritahu, apabila dia disoalkan oleh mereka-mereka umpamanya yang duduk di tanah rizab dan apabila kita mula berjumpa dengan dia, awak duduk di tanah rizab jawapannya saya tidak pernah diberitahu, saya tidak pernah diberi surat untuk keluar dibiarkan sahaja tapi perkara ini berlaku, jadi penjawat-penjawat awam rasa tertekan tentang perkara ini. Dia cuba nak menyelesaikan tetapi dia juga disalahkan kerana tidak membuat beberapa usaha mengikut perundangan. Jadi oleh sebab itu, maaf saya menggalakkan penjawat awam *to be very open* katakan ini tidak boleh dan ini mungkin akan dirobohkan. Ini jawapannya. Tapi penjawat awam diingatkan dia mesti ada *humility*, *humility* maknanya itu kena tulis, kalau tak tulis besok akan menjadi beban kepada penjawat awam, selepas itu dia akan mengadakan perbincangan penyelesaian yang munasabah. Maknanya tak ada juga dengan merobohkan itu, kawasan itu akan bebas dari apa-apa, tapi tujuannya untuk memberitahu, memberitahu, selepas itu berbincang untuk jalan menyelesaikannya. Boleh jadi projek yang akan datang pembersihan Sungai Klang itu akan berlaku, tapi jangan dibuat 3 bulan sebelum nak meroboh tetapi boleh jadi 2 tahun ke 3 tahun baru kita dapat penyelesaiannya. Jadi dengan cara itu, tak ada tohmahan yang mengatakan Pegawai Daerah, Pejabat Tanah pejam mata dalam perkara-perkara tersebut dan ini yang menjadi kebimbangan mereka.

Jadi oleh sebab itulah saya percaya Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Gombak boleh mengadakan perbincangan bagaimana penyelesaiannya tetapi mengambil masa yang sesuai supaya perkara itu dapat diuruskan supaya penjagaan harta negeri itu dapat kita tunjukkan, kita jaga dengan tertib. Jadi kalau tidak dilakukan begini maknanya dia akan pergi ke Mahkamah dan *the terms they use* yang kita diajar oleh Dato' LA ialah *indulges* maknanya kita benarkan, kita dah benarkan lepas itu kita pula tak benarkan jadi *the terms indulges*, jadi sekarang saya telah meminta Pejabat-pejabat Daerah untuk menetapkan tak ada *indulges*. Maknanya kita menjalankan, walaupun dengan cara ini kepentingan, kepentingan apa yang dikatakan hak kerajaan dan prihatin kepada rakyat dapat dicantumkan. Sudah tentulah data bank ini sudah mula nak siap. Dari data bank ini kita ada 3,000 hektar tanah milikan kerajaan yang kalanya dulu kita anggap sebagai belukar jadi kita ada 3,000 dan juga kita telah membuat satu pasukan baru untuk menjaga tanah-tanah ini. Tujuan saya bukan begini, kalau ada penyelesaian dibuat, kita ada tanah kerajaan kita pindahkan mereka ke tempat tersebut. Rizab tu boleh digunakan untuk kegunaan yang sepatutnya. Jadi, kita akan juga mengukur keupayaan negeri dalam mengurus hartanah-hartanah yang dikatakan milikan kerajaan negeri bukan lagi

ditinggalkan sebagai kawasan belukar atau pun tidak dijaga. Jadi semua hartanah-hartanah kerajaan negeri dijaga sebagai satu aset yang boleh dibangunkan dan ini sudah mula berlaku dan kalau dulu aset yang dikatakan bernilai RM20 juta sekarang boleh dibangunkan melebihi RM100 juta. Jadi bererti aset itu digunakan dengan baik dan lagi satu yang penting pendapatan kerajaan negeri juga meningkat.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B19 iaitu wang sejumlah RM987,623.06 sen untuk Kepala B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang RM1,092,032.73 sen.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B20 iaitu wang sejumlah RM1,092,032.73 sen untuk Kepala B20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat RM1,038,682.96 sen.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B21 iaitu wang sejumlah RM1,038,682.96 sen untuk Kepala B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat RM1,018,008.64 sen.

**TUAN SPEAKER:** Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Kajang ingin merujuk kepada muka surat 11 B22 Dana RM55,000.00 dan Kod 10,000 Pejabat Daerah dan

Tanah Hulu Langat. Kajang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat yang telah bekerja kuat dan selama 4 tahun ini telah banyak membantu dan menyelesaikan masalah khususnya masalah tanah di Daerah Hulu Langat. Contohnya di kampung Bahagia di Bangi, yang telah, mereka yang begitu lama duduk di tanah kampung tapi tidak ada tanah, telah diberi Borang 5A dan geran telah diturunkan. Baru-baru ini 36 isi rumah telah menerima Borang 5A di pinggiran Desa Seroja selepas 30 tahun mereka dinafikan hak untuk memiliki tanah. Sama juga di Lembah Jaya juga berlakunya pemberian Borang 5A kepada penduduk-penduduk di situ dan juga di DUN Kajang ada 20 isi rumah akan menerima Borang 5A dan inilah hasil yang ditunjukkan yang merupakan kejayaan dan kecemerlangan pegawai-pegawai di Pejabat Daerah dan Tanah di Hulu Langat yang telah bersama dengan dasar kerajaan negeri telah menyelesaikan masalah hanya rumah-rumah yang dianggap setinggian atau pun peneroka yang tidak mempunyai sekeping tanah untuk diduduki.

Kajang juga ingin membuat perhatian kepada kes Kampung Baru di Sungai Chua iaitu 20 isi rumah yang akan menerima Borang 5A dan antaranya 17 isi keluarga yang menerima, akan menerima Borang 5A dan mereka telah dinafikan selama ini iaitu waktu 2000, Tahun 2000 apabila pihak kerajaan ketika itu telah meluluskan pembinaan SILK Highway yang melintasi Kampung Baru Sungai Chua, ketika itu ada lebih kurang 50 isi keluarga rumah yang telah terlibat dan sebahagian daripada penduduk ketika itu memohon untuk memanjangkan pajakan hak milik mereka di Kampung Baru ini dan tempohnya belum tamat ketika itu. Mereka telah memohon untuk dilanjutkan pajakannya 3 tahun, 2 tahun, 1 tahun sebelum tamatnya pajakannya tetapi ketika itu mereka telah dinafikan, dinafikan permohonan untuk lanjutkan pajakan sehingga walau pun telah ada yang membayar premiumnya dan mereka juga tidak menerima apa-apa dan waktu ketika pembinaan SILK Highway di situ rumah mereka terpaksa dirobuhkan dan waktu itu pampasan kepada mereka yang tidak lagi mempunyai hak milik ke atas tanah rumah yang mereka duduki lebih daripada 50 tahun itu telah dikatakan mereka duduki tanah secara haram dan pampasan sebanyak RM25,000.00 sebagai pampasan kemanusiaan. Dan apa yang berlaku di situ saya anggap sebagai satu penganiayaan yang telah berlaku ke atas mereka yang telah duduki ditapak tanah itu lebih daripada 50 tahun dan tidak diberi pajakan dan saya ucapkan terima kepada kerajaan dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat yang telah memberi bakinya iaitu 35 tapak sudah diberi sebelum itu dan 17 lagi isi rumah yang akan menerima Borang 5A dalam masa yang terdekat ini, dan apa yang berlaku Borang 5A yang mereka akan terima ini telah disyaratkan, disyaratkan bahawa mereka tidak diberi tawaran sebanyak yang pembayaran RM1,000.00 untuk mendapat geran iaitu hak milik sementara, dan juga tidak ada tawaran 30% sekiranya mereka bayar premium itu dalam 6 bulan dan ini telah ditanya oleh Pejabat Daerah dan Tanah memang dikatakan mereka tidak layak.

Jadi Kajang ingin bertanya sama ada dasar kerajaan negeri yang memberi tawaran RM1,000.00 dan juga tawaran 30% ini adakah kes-kes yang berkecuali, walaupun tanah yang mereka akan dapat ini adalah tanah kediaman sahaja kos pampasan yang telah di janji oleh kerajaan yang lepas. Jadi ingin mengucap terima kasih lagi sekali kepada kerajaan dan juga Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat yang berusaha bersama dengan ADUN-ADUN untuk memberi hak milik kepada penduduk di setempat itu. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Yang Berhormat dari Kajang membangkitkan isu adakah kita ada perbezaan antara pemberian tanah dalam skim perumahan dengan dari satu keputusan ke satu keputusan yang lain. Saya tidak nampak ada perbezaan, yang tulis itu sebenarnya dalam membuat keputusan membagi RM1,000.00 itu juga dibuat atas permohonan, dia kena mohon untuk dapat RM1,000.00 dan juga ada setengah dia tak nak membayar RM1,000.00 sebab dia nak membayar dengan harga premium. Sebab saya ingin terangkan, apabila dia bayar RM1,000.00 kemudian apabila dia jual tanah tersebut dia juga akan membayarkan premium yang lebih. Oleh sebab itu, kita membagi dia *option* yang pertama seperti sebelum kita memperkenalkan RM1,000.00 dia boleh ikut nilai tanah dan  $\frac{1}{4}$  daripadanya adalah pembayaran premium. Itu boleh dan ada kalanya kerajaan negeri kalau benar-benar perkara itu betul dan berlaku, kerajaan negeri sebelum RM1,000.00 dulu ada membagi diskaun sehingga diskaun yang tertinggi yang pernah dibagi ialah 50% jadi.....

itu berlaku. Jadi saya akan semak semula dan tapi yang seribu tak ada diskaun, seribu tak ada diskaun, yang mengikut harga nilai ada diskaun. Jadi saya akan pantau dan saya akan minta Pejabat Tanah menulis kepada Yang Berhormat Kajang untuk menerangkan status ini.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B22 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Satu Juta Lapan Belas Ribu Lapan Dan Sen Enam Puluh Empat untuk Kepala B22 Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B23 Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Empat Puluh Empat, Tiga Ratus Lima Dan Tujuh Puluh Dua Sen (RM744,305.72).

**TUAN SPEAKER:** Jadual B23 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Empat Puluh Empat Ribu, Tiga Ratus Kosong Lima Dan Sen Tujuh Puluh Dua

(RM744,305.72) untuk Kepala B23 Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B24 Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor Ringgit Malaysia: Satu Juta Satu Ratus Empat Puluh Lapan, Empat Puluh Lapan Ribu, Satu Ratus Tujuh Puluh Lapan Dan Enam Sen (RM1,148,178.06).

**TUAN SPEAKER:** Jadual B24 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Satu Juta Satu Ratus Empat Puluh Lapan Ribu, Satu Ratus Tujuh Puluh Lapan Dan Sen Enam (RM1,148,178.06) untuk Kepala B24 Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan katan YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B25 Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor Ringgit Malaysia: Satu Juta, Lapan Puluh Satu Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Enam Dan Lima Puluh Satu Sen (RM1,081,886.51).

**TUAN SPEAKER:** Jadual B25 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Satu Juta, Lapan Puluh Satu Ribu, Lapan Ratus Lapan Puluh Enam Dan Sen Lima Puluh Satu (RM1,081,886.51) untuk Kepala B25 Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B26 Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam Ringgit Malaysia: Satu Juta, Empat Puluh Tiga Ribu, Sembilan Ratus Enam Puluh Sembilan Dan Tujuh Puluh Tiga Sen (RM1,043,969.73).

**TUAN SPEAKER:** Jadual B26 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Satu Juta, Empat Puluh Tiga Ribu, Sembilan Ratus Enam Puluh Sembilan Dan Sen Tujuh Puluh Tiga (RM1,043,969.73) untuk Kepala B26 Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B27 Jabatan Kehakiman Syariah, Ringgit Malaysia: Satu Juta, Lapan Puluh Lapan Ribu, Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Dan Tiga Puluh Tiga Sen (RM1,088,488.33).

**TUAN SPEAKER:** Jadual B27 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Satu Juta, Lapan Puluh Lapan Ribu, Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Dan Sen Tiga Puluh Tiga (RM1,088,488.33) untuk Kepala B27 Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B29, Perbendaharaan, Perbelanjaan Am Ringgit Malaysia: Lapan Belas Juta, Satu Ratus Lima Puluh Lima Ribu, Satu Ratus Dua Puluh Dua (RM18,150,122.00).

**TUAN SPEAKER:** Jadual B29 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Lapan Belas Juta, Satu Ratus Lima Puluh Lima Ribu, Seratus Dua Puluh Dua (RM18,150,122.00) untuk Kepala B29 Perbendaharaan Perbelanjaan Am menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan Jumlah Perbekalan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Jumlah perbekalan dipinda dengan menggantikan perkataan "Sembilan Puluh Satu Juta, Enam Ratus Lima Belas Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Dan Dua Puluh Tiga" dengan perkataan "Seratus Dua Puluh Juta, Satu Ratus Lima Belas Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Perpuluhan Dua Tiga" dalam teks bahasa kebangsaan Enakmen ini. *Shedule* Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan "Sembilan Satu Juta, Enam Ratus Lima Belas Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Perpuluhan Dua Tiga" dengan perkataan "Seratus Dua Puluh Juta, Satu Ratus Lima Belas Dan Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Perpuluhan Dua Tiga" dalam teks bahasa Inggeris Enakmen ini.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jumlah perbekalan seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER:** Jadual perbekalan seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan Mukadimah.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Mukadimah Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan "Sembilan Puluh Satu Juta, Enam Ratus Lima Belas Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Ringgit Dan Sen Dua Puluh Tiga Sen" dengan perkataan "Seratus Dua Puluh Juta, Seratus Lima Belas Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Ringgit Dan Dua Tiga Sen" dalam teks bahasa kebangsaan Enakmen ini. Pre-ember Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan "*Ninety One Million, Six Hundred Fifteen Thousand, Three Hundred Twenty Seven Ringgit And Twenty Three Sen*" dengan perkataan "*One Hundred Twenty Million, One Hundred And Fifteen Thousand, Three Hundred Twenty Seven Ringgit And Twenty Three Sen*" dalam teks bahasa Inggeris Enakmen ini.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Mukadimah seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER:** Mukadimah seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal Satu (I).

**TUAN SPEAKER:** Fasal Satu (I) menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.



Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan Fasal Dua (2).

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Fasal Dua (2) Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan "Sembilan Puluh Satu Juta, Enam Ratus Lima Belas Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Ringgit Dan Sen Dua Puluh Tiga Sen" dengan perkataan "Seratus Dua Puluh Juta, Seratus Lima Belas Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Tujuh Ringgit Dan Dua Puluh Tiga Sen" dalam teks bahasa kebangsaan Enakmen ini. *Clause Two (2)* Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan "*Ninety One Million, Six Hundred Fifteen Thousand, Three Hundred Twenty Seven Ringgit And Twenty Three Sen*" dengan perkataan "*One Hundred Twenty Million, One Hundred Fifteen Thousand, Three Hundred Twenty Seven Ringgit And Twenty Three Cent*" dalam teks bahasa Inggeris Enakmen ini.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal Dua (2) seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER:** Fasal Dua (2) seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA (Dewan kata YA), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

## ii. **Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2012.

Rang Undang-undang seterusnya, Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan 2012).

Rang Undang-undang ini bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** YB Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya meneruskan ucapan, terdapat pindaan kepada Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan 2012) bagi kelas III dari RM5,261,039.00 kepada RM5,199,846.65. Enakmen Peruntukan Diraja 2012 perlu dipinda di bawah peruntukan bagi kelas III dan kelas IV.

Kelas III, peruntukan telah bertambah dari RM4,488,240.00 kepada RM5,199,846.65. Tambahan ini adalah bertujuan untuk menampung kenaikan bayaran-bayaran dibuat di bawah perbelanjaan emolumen kakitangan tetap di Pejabat Istana.

Kelas IV, peruntukan telah bertambah dari RM11,764,085.00 kepada RM11,825,277.35. Tambahan ini bertujuan untuk menampung kenaikan bayaran-bayaran di bawah perbelanjaan emolumen kakitangan kontrak pejabat di Istana.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi saya dengan ini mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Enakmen Diraja (Pindaan 2012) dibaca kali kedua.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**ii. Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama satu enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** YB Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1.

**TUAN SPEAKER:** Fasa 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan Fasal 2.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** YB Dato' Speaker, saya memohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pindaan yang telah diedarkan terlebih dulu. Fasal 2 Rang Undang-undang dipinda dalam perenggan 2(a) menggantikan perkataan Lima Juta Dua Ratus Enam Puluh Satu Ribu Tiga Puluh Sembilan Ringgit dengan perkataan Lima Juta Satu Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Lapan Ratus Empat Puluh Enam persepuluh Enam Lima dalam teks Bahasa Kebangsaan enakmen ini.

*Clause 2* Rang Undang-undang dipinda dalam *Clause 2(a)* menggantikan perkataan Lima Juta Dua Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu Tiga Puluh Sembilan dengan perkataan Lima Juta Satu Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Lapan Ratus Empat Puluh Enam persepuluh Enam Lima dalam teks Bahasa Inggeris enakmen ini.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah ini adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli

Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 2 seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER:** Fasal 2 seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah ini adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang dibuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah ini adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 2 seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER:** Fasal 2 seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan 2012). Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul No. 10 Tahun 2012 (Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2012).

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut "bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 44 (2)(b) dan Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM40,420,420.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2012 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan."

Jadual Bajet Tambahan No. 1/2012 – Peruntukan Pembangunan. Vot jabatan dan peruntukan P01-Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM40,420,420.00. Jumlah RM40,420,420.00. Di dalam Persidangan Dewan Negeri yang telah diadakan pada 9 November 2011, satu usul bajet pembangunan telah diluluskan berjumlah RM600juta bagi Perbelanjaan Pembangunan 2012. Dari jumlah tersebut sebanyak RM225 juta diperuntukkan kepada kepala P01–Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Berdasarkan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga akhir bulan 2012 adalah dianggarkan terdapat kekurangan peruntukan sebanyak RM40,420,420.00. Oleh itu, maka satu peruntukan tambahan bertujuan menampung kekurangan peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM40,420,420.00 adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan yang baru dan juga yang sedang dilaksanakan.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tambahan bagi projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut. 3.1 untuk pecahan kepala 1, PK1 – Perkhidmatan Masyarakat di bawah butiran pecahan kepala 10010100101(01001) (Perkhidmatan Masyarakat) sebanyak RM2,323,200.00 adalah diperlukan untuk menampung kenaikan peruntukan tahunan Ketua-ketua Tradisi, Pengerusi JKK Kampung Baru Bagan dan Tersusun dan Ketua Komuniti Kaum India di negeri Selangor. Dan di bawah tambahan, di bawah butiran pecahan kepala 10010-10-0201002 (Rumah Ibadat Selain Islam) pula sebanyak RM2,576,000.00 adalah diperlukan untuk menampung permohonan perbelanjaan yang telah melebihi dari peruntukan asal.

Pecahan kepala 2, PK2 – Pembangunan Luar Bandar di bawah butiran pecahan kepala 10020-10-0202002 (Program Pembasmian Kemiskinan) sebanyak RM2,271,220.00 adalah dikehendaki untuk pertambahan bilangan bantuan hamper hari raya bagi rakyat miskin.

Bagi pecahan kepala 7, PK7 – Sosial di bawah bantuan pecahan kepala 10070-20-03(07010) (Bantuan Sekolah Agama, Cina dan Tamil) sebanyak RM2,500,000.00 adalah diperlukan untuk menampung kekurangan permohonan baru yang diterima bagi

bantuan Sekolah Agama Rakyat dan tambahan dibuat di bawah butiran pecahan kepala 10070-40-03(07016) (Pembangunan Sukan SUKMA/SUKSES) pada sebanyak RM1,600,000.00 adalah diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi program pembangunan sukan yang telah dirancang. Manakala tambahan di bawah butiran pecahan kepala 10070-50-02(07018) (Projek Perumahan Rakyat) sebanyak RM700,000.00 diperlukan untuk menampung keperluan pembaikan perumahan rakyat yang tidak mencukupi.

Bagi pecahan kepala 21, PK21 – Pelbagai Projek di bawah butiran pecahan kepala 102100121001 (Pelbagai Projek) sebanyak RM28juta adalah dikehendaki bagi perbelanjaan lain-lain projek.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Memandangkan keperluan bagi tambahan peruntukan ini, maka saya memohon supaya usul ini diluluskan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

#### **IV. USUL**

##### **i. Usul No. 11 Tahun 2012 Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2012**

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu usul yang telah dibawa oleh YAB Dato' Menteri Besar iaitu usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2012. Oleh itu, saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Dato' Speaker. Saya ingin mengambil ruangan ini sedikit saja walaupun saya tahu rakan-rakan sudah mengeluh kalau panjang saya tunggu Sg. Pelek tak ada. Saya mengambil ruang ini untuk membahaskan belanjawan tambahan ini dan sebelum itu saya mengambil ruang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sebanyak-banyaknya kepada kerajaan negeri kerana telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta dalam Geran Selangorku sebelum ini yang kita sudah mula menggunakan peruntukan-peruntukan ini terutamanya di bawah Geran Selangorku bagi kerja-kerja infrastruktur. Saya juga mengambil ruang ini untuk mengucapkan terima kasih kerana mengikut perkhabaran dan juga di bekalkan kepada saya sejumlah sebanyak 31 projek-projek sudah diberikan di bawah kawasan DUN Seri Muda dan apabila saya semak sebenarnya di dalam 31 projek itu ada dua yang sebenarnya berada di bawah DUN Sri Andalas tetapi telah di bawa masuk ke dalam kawasan Sri Muda. Dan baru-baru ini ada satu lagi perkhabaran mendukacitakan walaupun di sebut 31 tetapi baru-baru ini ditarik balik empat daripada kelulusan yang sudah diberikan. Jadi saya berasa kembali dukacita sebelum itu dah

sukacita. Kenapa keadaan ini boleh berlaku dalam keadaan permohonan ini dipohon berasaskan kepada permintaan penduduk dan juga orang ramai. Ada kesilapan teknikal yang dilakukan oleh mungkin di peringkat jawatankuasa yang telah tersalah letakkan senarai itu di bawah pihak Majlis Perbandaran Klang dan apabila saya di adakan mesyuarat di peringkat Geran Selangorku maka saya sudah memberi maklumat awal untuk dipindah balik kepada Majlis Bandar Raya Shah Alam kerana kedudukannya adalah di bawah Majlis Bandar Raya Shah Alam. Tetapi alasan yang diberikan oleh jawatankuasa ialah kita tidak dapat pertimbangkan untuk kemasukan semula kerana MBSA sudah dapat peruntukkan yang besar. Jadi saya ingin melahirkan dalam dewan ini bahawa tindakan ini adalah suatu tindakan yang tidak, tidak begitu sesuai dilakukan kerana permintaan ini bukan dari majlis. Permintaan ini adalah melalui Ahli Dewan Negeri di kawasan masing-masing dan disalurkan dengan dibuat pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan. Jadi saya harap kerajaan negeri dapat melihat perkara ini.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan oleh kerana kita mempunyai peruntukan sebanyak RM40 juta lagi yang mungkin akan digunakan bagi tujuan-tujuan yang sedemikian rupa. Ada satu kes di jalan Kampung di Jalan Sungai Limau Kampung Baru HICOM di mana peruntukan yang sudah diberikan bagi membina jalan ini sudah di luluskan dan kerja-kerja sudah pun dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang terlibat di pantau oleh pihak Majlis Bandar raya Shah Alam. Malang sekali untuk makluman Ahli Dewan jalan ini tidak siap sepenuhnya, hanya di turap separuh dan ini mengingatkan kita pada zaman kerajaan dahulu, di mana ada ruang-ruang rumah yang berada pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat pihak kerajaan dahulu mereka tidak turap. Jadi keadaan ini saya fikir ia sesuatu yang tidak baik. Kerana permintaan untuk membina atau pun memperbaharui jalan ini adalah sepanjang Jalan Sg. Limau di Seksyen 26 Shah Alam, tetapi yang di turap hanyalah separuh. Lebih malang kerana jalan yang diturap itu jalan yang lebih elok. Jalan yang teruk untuk laluan kereta kuda itu tak lalu, tak larat lalu kereta kuda pun. Yang itu tidak diturap dan ini telah menimbulkan perasaan kurang puas hati di kalangan penduduk-penduduk yang terlibat.

Satu lagi yang ingin saya bawakan adalah berkenaan dengan jalan di Seksyen 30 di kampung Jalan Kebun, di mana jalan yang sudah dimasukkan dalam senarai untuk pembinaan itu yang dinamakan Lorong Mastam. Lorong Mastam ini mengikut sejarahnya ialah kerana di kawasan itu ada seorang ustaz yang bernama Mastam yang baru dua minggu lepas meninggal dunia. Lorong ini adalah lorong yang sepatutnya diberikan keutamaan tetapi lorong itu tidak diturap, yang diturap ialah jalan besar ke kawasan Lorong Mastam. Jalan itu lebih elok. Dan dalam permohonan yang saya kemukakan ada saya sebutkan ada pecahan yang mana patut diberikan keutamaan tetapi itu tidak diberikan perhatian dan saya ingin menyeru kepada pentadbiran kerajaan negeri untuk memastikan mana-mana jalan yang sudah di pilih untuk

dilaksanakan di bawah projek infrastruktur ini, pegawai teknikal yang terlibat mestilah menghubungi pejabat ADUN, atau pejabat-pejabat Ahli Parlimen atau mereka-mereka yang bermohon untuk memastikan kejadian-kejadian seperti yang saya sebutkan ini tidak berlaku pada masa hadapan. Dato' Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Tuan Speaker yang terakhir yang saya ingin bangkitkan ialah juga berkenaan dengan geran ini di mana ada satu kes di Kampung Lombong di Jalan Lombong Emas, Jalan Lombong Perak 2 dan Jalan Lombong Perak 3 yang ini tidak dimasukkan dalam senarai untuk di bina walaupun kedudukannya itu lebih atas daripada jalan-jalan yang telah di bina pada hari ini. Jadi dalam hal ini saya minta supaya jawatankuasa teknikal yang terlibat atau mereka yang melakukan kerja-kerja penelitian ini untuk mengadakan satu, satu panggilan kepada Pejabat DUN bagi mengesahkan panggilan itu supaya kita oleh kerana bajet ini tidak begitu besar untuk infrastruktur ini cuma 50 juta, jadi kita mahu jalan yang benar-benar memerlukan pembinaan ini yang diberikan perhatian. Jadi itu saya saja saya nak bawakan untuk perhatian kerajaan negeri untuk memberikan perhatian kepada rungutan atau pun permasalahan yang dikemukakan pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, sebenarnya ini tidak kena mengena dengan Selangorku. Usul ini tidak kena mengena dengan Selangorku.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ya maksudnya begini Dato' Pengerusi, Dato' Speaker. Saya lihat bahawa ada peruntukan tambahan tapi mungkin dalam peruntukan tambahan ini akan digunakan untuk kerja-kerja infra, mungkin. Jadi saya nak.

**TUAN SPEAKER :** Jadi usul ini dah tadi YAB dah terangkan semua ini.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tak ada .

**TUAN SPEAKER :** Tak ada langsung, sebenarnya tak ada. Saya serahkan kepada pihak Kerajaan. Ya Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sikit, Dato' Speaker,

**TUAN SPEAKER :** Jangan sentuh Selangorku lagi ya.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tak. Jamin. Saya menyentuh PK1 Perkhidmatan Masyarakat peruntukan dua juta tiga ratus dua puluh tiga ribu dua ratus untuk pembangunan kampung, pengerusi JKK. Terlebih dulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah memenuhi cadangan dan permintaan saya untuk melakukan audit dalaman pada tiga atau empat kampung di Hulu Kelang dan dengan tindakan yang pantas audit telah dikeluarkan dan kemungkinan DUN Hulu Kelang satu-satunya DUN yang memohon agar audit dalaman



kampung di buat. Sebagai rumusan pada syor audit, pada keseluruhannya pihak audit mendapati tiada unsur-unsur penyalahgunaan peruntukan JKK di Mukim Hulu Kelang, oleh sebab semua peruntukan di kawal di bawah pengawasan Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak. Tahniah dan saya ucapkan dan saya menyokong agar peruntukan yang teratur diagihkan kepada pembangunan kampung, Kampung Bagan dan Kampung Tersusun. Saya juga ingin menyentuh tentang PK2 iaitu pembangunan luar bandar program pembasmian kemiskinan berjumlah 2.7 juta iaitu pembahagian *hamper* hari raya. Ada dua perkara yang ingin saya ingin timbulkan. Pertama kerajaan perlu menjelaskan beberapa tohmahan yang telah ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu tentang cara lantikan dan cara proses ini dilakukan. Yang Kedua saya ingin menyentuh agar program ini dilaksanakan dengan kadar yang segera agar tidak terlalu lewat hingga beberapa hari sebelum hari raya. Dan Hulu Kelang juga mencadangkan agar peruntukan 2.7 juta ini termasuk kos penghantaran. Jadi tidak perlu membebankan pejabat-pejabat DUN untuk mengeluarkan peruntukan DUN menyediakan lori dan treler. Jadi saya mencadangkan agar peruntukan RM2.7 juta adalah barangan, perkhidmatan dan kos penghantaran. Kemudian saya ingin menyentuh pecahan kepala 21 PK 21 pelbagai projek di bawah butiran pecahan sebanyak 28 juta perkara ini telah saya timbulkan dalam perbincangan dasar iaitu kaedah yang telah digunakan dalam pelaksanaan projek MARISS dan Selangorku melibatkan dialog, pendengaran dan penglibatan wakil rakyat, ketua-ketua kampung, ahli-ahli majlis dan seumpamanya. Saya mencadangkan agar kaedah yang sama digunakan dengan pembahagian yang melibatkan semua DUN dan seboleh-bolehnya satu panduan peruntukan pekeliling kewangan yang lebih teratur agar pemantauan dan pelaksanaannya dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Dengan ini saya menyokong Speaker usul yang di bawa oleh Kerajaan.

**TUAN SPEAKER :** Ya sila pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Speaker, Yang Berhormat Seri Muda telah membangkitkan isu-isu penggunaan Geran Selangor ku infrastruktur. Saya bercadang untuk memberikan soalan-soalan ini dijawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Seri Muda. Kedua saya juga menerima cadangan yang di buat oleh Hulu Kelang, Hulu Kelang supaya pecahan kepada program pembasmian kemiskinan ini dilakukan dengan betul dengan diadakan satu tender terbuka supaya tidak lagi menjadi tohmahan kepada mereka-mereka yang menyatakan bahawa kita tidak menjalankan pemberian kontrak dengan cara tertib dan teratur. Walau bagaimana pun kita berharap kesemua ini dapat diselesaikan pada minggu pertama hari bulan puasa. Jadi dengan cara itu pengagihan dapat dilakukan dan mengenai projek pelbagai projek yang berjumlah 28 juta ini kita telah bersetuju meletakkannya di bawah Pejabat Daerah, Pembangunan Luar Bandar yang mana penggunaan-penggunaan itu akan kita tetapkan dan disebarkan dan mendapatkan diminta supaya semua ADUN-ADUN dan juga Ahli

Parlimen bekerjasama untuk memantau supaya penggunaan dana ini dapat diberikan terus kepada perkara yang kita tentukan dan di pantau tentang kualiti, kualiti pembinaannya.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa menurut seksyen 9 seksyen 4(2) (b) Sek. 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukkan tambahan sebanyak RM 42,420,420.000 yang dinyatakan dalam bajet tambahan peruntukan pembangunan tahun 2012 yang dibentangkan di hadapan dewan mengikut Seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan.

Jadual – Bajet Tambahan No. 1 2012 Peruntukan Pembangunan VOT P01 Jabatan Menteri Besar dan SUK, peruntukan RM 40,420,420.000 jumlah besar RM 40,420,420.000. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**ii. Usul No. 11 tahun 2012**

**Usul Di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya. Usul nombor 11 tahun 2012 usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Dato' Speaker, Kota Alam Shah ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta-merta menggesa kerajaan negeri melaksanakan program khusus bagi semua kaum di seluruh negeri Selangor di bawah kerajaan Pakatan Rakyat dengan mengarahkan serta-merta Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk memberi diskaun sebanyak 7% dengan serta-merta bagi semua jenis kategori perumahan di bawah pembangunan PKNS untuk semua kaum yang lahir di nNegeri Selangor yang miskin dan berpendapatan kurang daripada 1,500 ringgit sebulan”.

Dato' Speaker, saya mohon untuk membawa usul ini dan alasan-alasan saya adalah seperti berikut:-

Dato' Speaker, Selangor merupakan negeri yang paling maju di Malaysia dan penduduk bandar di Selangor telah meningkat secara mendadak dalam masa tiga dekad yang lalu, kita dapat perhatikan yang kaum berpendapatan sederhana di negeri ini menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah sendiri, rumah yang selesa amat

mustahak untuk melahirkan dan memelihara sesebuah keluarga yang aman dan stabil. Sebuah masyarakat harmoni perlu terbentuk daripada keluarga-keluarga stabil dan progresif, keluarga yang progresif dan ceria juga menjadi pengasas negara. Pemilikan rumah merupakan suatu keperluan asas untuk keluarga yang berjaya sama pentingnya dengan pendidikan.

Dato' Speaker, masih ada sebilangan penduduk di negeri Selangor yang mendiami rumah yang tidak mempunyai saluran air dan tandas moden, sebilangan besar rumah tidak menikmati kutipan sampah yang diatitkan pihak berkuasa tempatan, ini merupakan mereka yang memiliki rumah, bagaimana? Dengan mereka yang tidak memiliki rumah langsung.

Dato' Speaker, di kawasan Kota Alam Shah saya difahamkan mengikut statistik terdapat hampir 58 keluarga yang berpendapatan isi rumah mereka kurang daripada 1,500 ringgit, hanya 58 sahaja berbanding dengan di Bukit Antarabangsa saya difahamkan 0. Saya sedang berusaha untuk Dato' Speaker untuk membasmi perkara ini, membasmi kemiskinan di kalangan 58 keluarga ini, saya percaya Kota Alam Shah boleh mencapai angka 0 tidak lama lagi, dan saya mohon kepada kerajaan negeri agar kita mempunyai satu *vision* untuk membasmi, membasmi konsep penyewa rumah yang terdapat di negeri Selangor. Kita mesti membasmi perkataan penyewa, ramai penduduk di negeri Selangor yang merupakan penyewa rumah mereka tidak sanggup untuk mengeluarkan wang pendahuluan, wang yang begitu banyak untuk membayar wang pendahuluan yang diminta oleh pemaju-pemaju rumah.

Dato' Speaker, kita tahu PKNS adalah salah satu pemaju perumahan yang terbesar di negara ini, kaya boleh membantu rakyat di negeri Selangor dengan memberi sedikit diskaun kepada semua kaum di negeri Selangor. Saya juga difahamkan Dato' Speaker, bahawa diskaun yang diberikan kepada kaum bumiputera di negeri Selangor masih tidak diambil sepenuhnya, masih tidak boleh digunakan sepenuhnya oleh kaum bumiputera sendiri, sebab mereka tidak mampu untuk mengeluarkan wang pendahuluan untuk membeli rumah-rumah yang dikhaskan untuk kaum bumiputera. Saya cadangkan agar kerajaan negeri Selangor membeli rumah-rumah yang dikhaskan untuk kaum bumiputera ini dan diberi kepada mereka yang benar-benar memerlukan rumah-rumah ini. Sejumlah besar daripada mereka yang berpindah, Tuan Speaker yang berpindah daripada kawasan-kawasan kampung ke bandar tidak dapat memiliki rumah-rumah mereka sendiri, dan mereka mendapati mereka terjerumus dengan gejala-gejala jenayah kerana tempat tinggal mereka adalah tidak selesa.

Penyewa-penyewa rumah ataupun *land lot* mengancam ramai penyewa-penyewa rumah apabila sewa tidak dibayar dengan tetap dengan memotong lampu dan memotong air seolah-olah membutakan penyewa-penyewa rumah itu sendiri dan saya harap kerajaan negeri Selangor melalui Pakatan Rakyat menuju ke satu *vision* di mana

kita mencapai satu tahap, di mana semua rakyat di negeri Selangor memiliki rumah mereka sendiri, sebab rumah bukan sahaja kita memberi mereka rumah kita memberi mereka satu keluarga, sebab mereka boleh mencapai perkara ini sebab negeri kita sebuah negeri yang kaya, dan kita ada saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dato' Menteri Besar yang telah berusaha untuk membasmi kemiskinan dengan mengadakan beberapa program seperti jom *shopping*, air percuma, pendidikan, bayaran bagi kuil-kuil dan sebagainya tetapi apakah? Kita mempunyai *vision* yang lebih besar, menuju ke satu tahap yang lebih besar di mana kita boleh membasmi perkataan penyewa di kalangan rakyat di Negeri Selangor.

Dan dalam hal ini saya memohon sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas Usul saya yang dibentangkan oleh Dewan Persidangan ini saya pernah membawa Usul ini sebelum ini dan saya tidak mendapat sokongan daripada mana-mana Ahli Yang Berhormat. Tetapi pada kali ini saya percaya Usul ini boleh diterima sebab diskaun yang diminta adalah satu diskaun yang kecil dan untuk golongan yang miskin, saya percaya golongan yang miskin mungkin tidak akan mampu untuk membeli rumah-rumah ini walaupun terdapat diskaun ini. Tapi kita mesti memberitahu mereka bahawa mereka layak untuk mendapat diskaun ini untuk membeli rumah-rumah yang diusahakan oleh kerajaan negeri Selangor.

Akhir sekali Dato' Speaker, banyak Usul yang telah dibentangkan dan dapat kelulusan di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi tiada *follow-up* yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor khususnya Usul-usul yang telah dibentangkan oleh saya sebelum ini untuk mengutuk kerajaan persekutuan dalam tidak membina Jambatan ke-2 di Klang, saya tak tahu sama ada apa-apa tindakan telah diambil atas Usul yang diterima sebulat suara oleh Dewan ini yang dibentangkan oleh saya pada Persidangan yang lepas. Saya harap Usul-usul yang dibentangkan ini dapat mendapat perhatian yang sepenuhnya dan saya harap kerajaan negeri Selangor mengambil tindakan-tindakan lanjut sekiranya Usul saya ini diterima oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ada menyokong.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya, Tuan Speaker Kampung Tunku menyokong, itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan, sekiranya ada.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, peraturan Tetap 12 (1).

**TUAN SPEAKER:** Ya,

**YB. TUAN YAP EE WAH:** Peraturan Tetap 12 (1), muka surat 14.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Apa dia.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Pertanyaan saya, Peraturan Tetap 12(1), kuorum bagi Dewan dan jawatankuasa keseluruhan Dewan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 1/3 Ahli-ahli Dewan dengan tidak termasuk Pengerusi. Jadi, apa keputusan yang dibuat sama ada kita sambung atau kita tangguh Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ha. Ya, Setiausaha, sila...

**YB. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila panggil. Sila panggil. Ahli-ahli yang berada di luar. Sila masuk. (senyap). Ya baik, saya telah pun dimaklumkan oleh Setiausaha bahawa terdapat 18 orang Yang Berhormat berada dalam Dewan maka cukup kuorum. Baik, silakan.

**YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, 1 pertanyaan boleh?

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ada tak kita termasuk juga pihak kerajaan jumlah ahli dia?

**TUAN SPEAKER:** Ya, semua ahli tidak termasuk Speaker.

**YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baik, usul untuk dibahaskan sekiranya ada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi "Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta-merta menggesa kerajaan negeri melaksanakan program khusus bagi semua kaum di seluruh negeri Selangor di bawah kerajaan Pakatan Rakyat dengan mengarahkan serta-merta Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk memberi diskaun sebanyak 7% dengan serta-merta bagi semua jenis kategori perumahan di bawah pembangunan PKNS untuk semua kaum yang lahir di negeri Selangor yang miskin dan berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

**iii. Usul No. 12 Tahun 2012**  
**Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sekinchan**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul No. 11 Tahun 2012 Usul di Bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan menyeru Kerajaan Negeri Selangor menggubal satu Rang Undang-undang

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, sepatutnya begini, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon membawa satu Usul, itu caranya bukan terus masuk Usul.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok Terima kasih atas ingatan Tuan Speaker. Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat saya memohon untuk membawa satu Usul, bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan menyeru Kerajaan Negeri Selangor menggubal satu Rang Undang-undang melarang semua Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis Bandar raya dan Ahli Majlis Daerah dari memohon tanah kerajaan demi membina sebuah kerajaan yang bersih dan mengelak sebarang amalan penyalahgunaan kuasa.

Tuan Speaker, kita sering maklum Kerajaan Pakatan Rakyat pimpinan YAB. Tan Sri Dato' Seri Khalid Ibrahim telah berjaya membina dan membentuk satu contoh dan teladan kerajaan yang amanah dan bersih serta bertanggungjawab terhadap mandat yang diberikan oleh rakyat demi mempertahankan hal rakyat dan mendukung agenda reformasi. Justeru itu, beberapa dasar pentadbiran kerajaan yang berlandaskan ketelusan telah dilaksanakan. Sebagai contoh, Kerajaan negeri telah berani melangkah ke hadapan dengan melarang pada Ahli Dewan Negeri daripada menduduki Jawatankuasa Tanah Daerah (JKT) di semua sembilan (9) daerah di Negeri Selangor yang sebelum ini semua ADUN berada di dalam. Tujuan dan hasrat Kerajaan ini murni dan membina bagi membina sebuah kerajaan yang bersih demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Tambahan pula tanpa gangguan dan campur tangan orang politik dalam urusan kelulusan tanah supaya perkara-perkara yang tidak diingini seperti penyalahgunaan kuasa untuk mengagihkan tanah kepada diri sendiri, keluarga, sanak saudara, suku sakat, kroni yang mempunyai kepentingan secara langsung dan tidak langsung dapat dibendung.

Tuan Speaker, ingin saya nyatakan di sini bahawa saya bagi contoh, bahawa UMNO Bahagian Tanjung Karang ya pada sebelum ini kerana duduk di dalam Jawatankuasa JKT ini oleh kerana diduduki oleh ahli-ahli politik maka telah berlaku beberapa kepincangan, saya bawa contoh ini untuk tatapan untuk makluman Dewan yang mulia

ini di mana terdapat sebidang tanah di Pekan Tanjung Karang seluas 47,000 kaki persegi, statusnya pajakan negeri 99 tahun. Tanah itu terletak di pekan Tanjung Karang, tanah komersial untuk bangunan perniagaan telah diberi kelulusan kepada UMNO Bahagian Tanjung Karang. UMNO Bahagian Tanjung Karang dan diluluskan dalam keadaan borang 5A membayar premium sebanyak RM1 juta lebih tetapi UMNO telah membuat rayuan dan UMNO pada ketika itu pada tahun 2001 adalah di bawah mantan Menteri Besar, YB. Sungai Panjang, beliau juga Ketua Bahagian UMNO Tanjung Karang dan UMNO telah mengemukakan tanah, rayuan tanah tersebut kepada Pejabat Tanah dan rayuan telah diterima pada ketika Borang 5A satu kaki persegi RM24.00. RM1 juta lebih kena bayar tetapi apabila rayuan dikemukakan oleh kerana Kerajaan itu UMNO Barisan Nasional yang dapat tanah itu UMNO Bahagian Tanjung Karang dan yang luluskan tanah itu Ketua Bahagian Tanjung Karang maka pengurangan itu telah diberi kepada berapa? Satu kaki persegi RM1.00. Satu kaki persegi RM1.00. Persoalan di sini kenapa tanah milik rakyat ini, tanah komersial boleh diluluskan kepada Parti Politik sendiri dengan harga RM1.00 satu kaki persegi kalau dulu sebelum ini adalah RM24.00 tapi UMNO dapat RM1.00. Ini contoh yang pertama. Bagaimana berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin yang menduduki Jawatankuasa Tanah pada ketika itu dan Parti yang mereka wakili telah mendapat durian runtuh hanya bayar dalam RM47,000 sahaja. RM47,000 sepatutnya bayar RM1 juta 100 lebih tapi bayar RM47,000.00. Hah! Inilah diskaun yang rakyat biasa di Tanjung Karang, Sekinchan, Sabak Bernam di seluruh negeri Selangor tidak akan menerima diskaun sedemikian. Ini contoh yang pertama.

Contoh yang kedua yang ingin saya nyatakan kenapa saya menyeru Usul ini supaya dapat digubal satu Rang Undang-undang adalah UMNO Bahagian Tanjung Karang sekali lagi, sekali lagi diberi tanah pada tahun 2002. Tanah seluas berapa? 3 ekar. Kali ini 3 ekar tanah status komersial di mana? Di Jalan Sg. Kajang, Tanjung Karang, 3 ekar dengan harga pasaran pada ketika itu, harga pasaran menurut dokumen yang saya ada daripada Jabatan Perkhidmatan Penilaian pada ketika itu harga pasaran sehektar adalah RM3.3 juta. RM3.3 juta harga nilai pasaran tetapi UMNO telah mendapat tanah tersebut daripada Kerajaan dan premium yang diwajibkan bayar RM24.00 satu kaki persegi. RM900,000 lebih pada ketika itu tetapi oleh sebab Kerajaan itu UMNO dan telah dibuat rayuan kepada UMNO dan UMNO telah meluluskan rayuan tersebut dengan premium seperti biasa untuk UMNO iaitu satu kaki RM1.00. Maknanya dalam konteks ini nilai RM1.00 untuk rakyat terlalu kecil tetapi nilai RM1.00 untuk UMNO itu besar sangat. Jadi UMNO dapat *special offer* tanah komersial satu kaki RM1.00. Nilai pasaran RM3.3 juta beliau hanya dikenakan bayaran Sg. Pelek, UMNO hanya dikenakan bayaran RM130,000 di dalam kes yang kedua ini. Maknanya UMNO dengan kelulusan dengan kerajaan dengan kuasa yang mereka ada dalam sekelip mata atas angin UMNO telah boleh jual tanah tersebut kepada pihak ketiga dengan keuntungan lebih RM3.1 juta lebih. Maknanya kalau kita beli loteri, *big*

*swiss* ini kalau kita kena *first prize*. *First prize big swiss* hadiahnya adalah RM3 juta, *first prize*. Maksudnya Kerajaan telah memberi *first prize big swiss* loteri kepada UMNO. Hah! Inilah yang saya tegaskan penyelewengan berlaku dalam konteks pengagihan tanah UMNO di Tanjung Karang yang sekarang ini, Ketua Bahagiannya adalah seorang menteri. Itu kes yang kedua yang ingin saya nyatakan dan kes yang ketiga yang paling penting Yang Berhormat Tuan Speaker.

Kes ketiga ini, ingin saya nyatakan bagaimana penyelewengan salah laku dalam konteks tanah yang hendak diagihkan iaitu pada belum cukup dengan dua contoh yang saya nyatakan tadi dalam Dewan yang mulia saya dengan rasa tanggungjawab sebagai Ahli Dewan yang komited dengan menegakkan keadilan, menentang penyelewengan, salah guna dan rasuah maka dengan itu saya ingin membongkar satu kes yang saya fikirkan cukup penting untuk saya bongkarkan pada sidang Dewan kali ini di mana Kerajaan UMNO yang lalu di Negeri Selangor telah meluluskan sekeping tanah. Tanah kepada seorang pemimpin kanan UMNO. Tanah ini bukan diluluskan atas satu ekar sedangkan pada zaman dahulu rakyat di Tanjung Karang, Sekinchan di seluruh Negeri Selangor nak dapat satu tanah untuk tapak kediaman pun cukup sukar. Tapak kediaman, 50 x 100 ataupun 30 x 70 pun susah dan sehingga ada kes-kes setinggian-setinggian di Kampung Berembang, Ampang. Kes Sg. Rasau setinggannya mereka dihalau, rumahnya dirobuhkan atas alasan pembangunan tanpa pembelaan yang munasabah. Hah! ini begitu rakyat di bawah susah mendapat tanah untuk kediaman sendiri tapi di sini saya nak bongkarkan satu kes di mana seorang pemimpin kanan UMNO telah diberi tanah oleh Kerajaan pada ketika itu. Kerajaan UMNO. Berapa dia beli? Satu kaki? Satu ekar? Bukan. 2 ekar bukan Yang Berhormat Permatang. 3 ekar pun bukan.

**TUAN SPEAKER:** *Straight to the point.* Berapa.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ya, ya. Yang dia beli, 30 ekar. 30 ekar kepada dalam Carian Sijil Rasmi ini kepada Noh bin Omar. Noh bin Omar, No. 66, Jalan Bunga Raya, Tanjung Karang, Parit 2. 30 ekar tanah di mana? Di Bagan Tengkorak. Bagan Tengkorak dan saya telah mendapat maklumat ini daripada Ahli Majlis Kuala Selangor, Naib Yang Dipertua PAS Kuala Selangor, Saudara Haji Mislan Sarman yang memberitahu saya perkara ini dan kami telah turun ke kawasan, lawat kawasan dan tengok tanah itu statusnya sekarang, statusnya adalah ternakan air dan tanah tersebut sekarang 30 ekar untuk Menteri ini. Menteri Noh Omar ini, Ketua Bahagian UMNO ini sekarang adalah ternakan udang. Ternakan udang 30 ekar dan tanah ini telah *dicaveatkan* dan setelah carian *caveat* didapati ada akuan sumpah di sini. Ya, satu perkara yang saya fikirkan cukup penting dan izinkan Dewan yang mulia Tuan Speaker, saya baca ringkas aje. Ya, untuk maklumat Dewan yang mulia ini. Surat akuan ini adalah berbunyi seperti berikut, saya Supatik ataupun Subatik, No. Kad Pengenalan: 620415-10-5881 adalah seorang Pengarah bagi Syarikat Prestige Agrofood Sdn. Bhd.



Selepas ini disebut Syarikat telah bersetuju mengusahakan hartanah bersama Noh bin Omar. Hah! Usaha sama bersama Noh bin Omar, No. Kad Pengenalan: 580223-10-5867. Hah! Yang beralamat di Tetuan Ahmad Fahmi bin Noh, No. 607, Jalan Samudera Utara 1/1, Taman Samudera, 68100 Batu Caves dan di sini telah ditulis ini adalah Usaha sama semenjak 2011. 2011 Usaha sama dalam bidang *agro culture*. *Agro culture* maknanya bidang ternakan udang. Bidang ternakan udang dan persoalan di sini saya ingin nyatakan apa yang memeranjatkan saya adalah kenapa Menteri, Ketua Bahagian UMNO di Tanjung Karang diberi tanah seluas 30 ekar sedangkan rakyat tak boleh dapat. Satu. Yang kedua, dalam kes ini saya anggapkan sebagai skandal tanah. Skandal tanah yang telah wujud keraguan yang munasabah, keraguan yang munasabah dan bukti amalan rasuah berlaku kerana beliau merupakan seorang Menteri yang memegang portfolio Pertanian dan juga Industri Asas Tani telah secara terang-terang terlibat dalam perniagaan usaha sama ternakan udang bersama Syarikat Prestige Agrofood Sdn. Bhd. yang berkait langsung dengan portfolio beliau yang disandang oleh beliau. Ini telah wujud, wujud percanggahan kepentingan ataupun *conflict of interest* di mana Kementerian Pertanian ya bidang ternakan udang ini di bawah Kementerian beliau. Nanti apa-apa subsidi dan sebagainya boleh disalurkan. Ini wujud percanggahan kepentingan, *conflict of interest* jadi di manakah maruah UMNO sebagai sebuah Parti yang kononnya memperjuangkan hak rakyat tetapi pemimpin dan parti terlibat dalam kes sapu tanah rakyat. Lebih parah lagi...

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Boleh kah saya mencelah.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Hah!1 minit.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih Sekinchan, saya Sekinchan tengah berkobar-kobar tu sepatutnya saya tak boleh *stop* tapi tak apa lah saya nak sebelum Sekinchan dah berhenti saya tak dapat nak tanya. Ada dua tiga perkara. Apakah sebenarnya saya Dato' Pengerusi, Dato Speaker saya pun tak ada maklumat mengenai perkara ini cuma saya nak tanya kepada Sekinchan sama ada pemberimilikan ini diberi pada tahun bila kalau adalah butir itu dan apakah waktu itu beliau yang dimaksudkan itu sudah menjawat jawatan apa-apa jawatan sebagai Menteri ke? Ahli Parlimen ke dan sebagainya dan yang kedua tadi Sekinchan pun ada sebut mengenai ada kemungkinan disalurkan bantuan-bantuan sebab usaha sama *agriculture* apa ni melibatkan *agriculture* ataupun akuakultur tadi. Jadi saya rasa itu mungkin ada satu sangkaan lah barangkali ya tapi adakah bukti-bukti yang menunjukkan mengenai perkara itu terjadi. Cuma kalau sangkaan saya rasa dalam Dewan ini tak berapa tepat lah kalau kita nak meletak apa-apa sangkaan dalam keadaan yang kita tak ada kepastian. Jadi dua benda ni saya nak minta penjelasan. Terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Permatang. Saya punya dokumen di tangan saya kalau pihak ADUN daripada Permatang. Terima kasih Tuan Speaker, kalau ingin

mengetahui lanjut saya akan bekalkan dengan dokumennya itu tak ada masalah. Tapi persoalannya saya tidak mahu buang masa dengan perkara ini tapi yang pentingnya perkara ini saya bongkarkan kerana sebagai seorang Menteri yang menjawat jawatan Menteri Pertanian beliau terlibat dalam usaha sama dalam bidang ternakan udang ini secara langsung dan tidak langsung telah ada percanggahan kepentingan, *conflict of interest*. Ini sudah cukup terang, cukup jelas tak perlu diperincikan maka dengan itu saya cuma nak menyeru Dewan yang mulia ini perkara sedemikian ini berlaku kerana apa? Kerana pada ketika itu, kita tiada satu Undang-undang yang boleh melarang mana-mana Ahli Dewan, Ahli Parlimen, Ahli Majlis Daerah, Perbandaran dan sebagainya untuk memohon tanah dan sebagainya. Oleh yang demikian, sebagai sebuah Kerajaan yang baru saya sekali lagi menyeru YAB Dato' Menteri Besar dapat mempertimbangkan Usul ini supaya kita dapat menggubal satu Undang-undang untuk melarang kerana saya yakin di bawah kepimpinan YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar ini tak ada masalah. Tak ada masalah saya berani, tak perlulah kita ada Undang-undang pun tetapi saya tak tahu akan datang bagaimana? 10 tahun, 20 tahun akan datang bagaimana? Apabila ada kepimpinan yang lain ya mengambil alih dan sebagainya itu kita tak tahu. Mungkin mereka akan melakukan benda yang sama yang menyebabkan kepincangan itu berlaku maka hak rakyat lagi soal tanah rakyat ini mungkin akan terjejas maka dengan itu saya terpanggil untuk menyeru YAB pertimbangkan Usul ini untuk dilaksanakan ataupun diperfikirkan bagaimana logiknya maka dengan itu, akhir sekali lah ya saya bagi satu pantun jawa –

*Dino-dino mangan kupat, dengan izin Tuan Speaker*

*Hari-hari makan ketupat*

*Kupat di mangan karo ampas*

*Ketupat dimakan dengan ampas*

*Pemimpin UMNO kambat hebat*

*Pemimpin UMNO memang semua hebat*

*Tanah rakyat ente dikebas*

*Tanah rakyat semua dikebas.*

Sekian sahaja terima kasih, saya mohon mencadangkan membawa Usul ini. Terima kasih.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, Subang Jaya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul untuk dibahaskan.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kajang ingin membahaskan ambil bahagian dalam pembahasan Usul yang di bawa oleh Sekinchan. Dalam ucapan membawa Usul oleh Sekinchan, Kajang dengar dan mendapati cerita sebegini macam memang berlaku di merata tempat di seluruh Selangor dan juga di seluruh Malaysia kerana apa yang di bawa seperti tanah yang diambil, yang dipohon yang diambil oleh Parti Politik yang memerintah waktu itu memang berlaku juga di Kajang. Pada tahun 2005 sekeping tanah yang merupakan rizab sungai juga dipohon oleh MCA dan ketika itu juga RM1.00. RM1.00 kaki untuk satu kaki persegi dan dibinanya satu tembok penahan air, oleh kerana di tepi sungai dan ia masuk ke dalam aliran sungai untuk melebarkan lagi tanah mereka. Jadi perlakuan sebegini memang JPS ketika itu telah menyuarakan bantahan tapi segalanya tidak berkesan sehingga hari ini mereka telah membina satu bangunan dan pelan yang dibawa dimohon melalui MPKj sudah diluluskan dan binaan sudah dibuat tetapi tidak mengikuti spek dan mereka terus juga membina walaupun *stop work notice* sudah dikeluarkan oleh MPKj dan kita nampak bagaimana angkuhnya dan juga bagaimana pihak Barisan Nasional yang telah menyalahgunakan kuasanya dan juga telah menyebabkan kakitangan Kerajaan yang hendak bertindak secara profesional oleh kerana tekanan politik maka mereka terpaksa, terpaksa bertindak ikut cita rasa pihak politik. Selain daripada itu, walaupun tidak ada maklumat yang mencukupi tapi telah dan sah memang berlakunya di Kg. Sg. Kantan Fasa 2, berlaku juga orang politik yang telah mengambil tanah dapat tanah dan tanah ini pula dijual dan sama juga berlaku orang politik yang terlibat di kawasan tanah untuk PEMADAM. Mulanya gerai-gerai PEMADAM di Kajang tetapi orang politik telah menggunakan kuasanya dan taktiknya untuk mengambil alih dan membina satu wisma. Wisma yang dipanggil Wisma Citra dan mereka yang berniaga sebagai penjaja sebab di tapak itu bawah persatuan PEMADAM telah tertipu. Tertipu dan mereka sekarang tidak ada tapak untuk berniaga dan terpaksa berniaga sementara di sebelah dekat dengan masjid dan lepas tu di tempatkan semula oleh MPKj di satu tempat dekat Prima Saujana. Kes-kes ini memang berlaku dan berleluasa termasuk di Ulu Semenyih. Di Ulu Semenyih berdekatan dengan tapak di mana untuk di lokasi penempatan Orang Asal ataupun Orang Asli ada kawasan yang luas di situ dan memang untuk nurseri ataupun untuk penanaman pokok-pokok bunga dan sebagainya untuk membekal kepada PBT-PBT dan sebagainya dan pengusaha itu telah melalui saluran politik untuk mendapatkan tanah dan geran telah diberi dan kesemua amalan-amalan ini kita nampak bukan sahaja, bukan sahaja mereka dalam politik yang memegang jawatan yang dapatkan tanah tapi nama ada banyak lagi yang melalui proksi-proksinya dan isterinya, saudara maranya yang mendapatkan tanah-tanah sebegini dan ada contoh lagi yang melibatkan termasuk penjawat awam yang melalui, melalui kedudukannya dalam PBT khasnya dan Kerajaan khasnya untuk mendapatkan tanah.

Satu contoh yang memang harus diteliti. Di Prima Saujana pada masa sekarang penduduk di Prima Saujana memang sentiasa mengadu tidak ada jalan yang sesuai untuk keluar ke Kajang *Bypass* yang merupakan jalan yang menghubungkan taman itu ke tempat-tempat yang lain dan di situ lah berlakunya ada tapak yang digazetkan untuk laluan *underpass* tetapi ditukar menjadi *petrol station* dan apa yang berlaku di sini tanah itu sudah dijadikan satu tanah sekeping tanah perniagaan. Jadi ini memang berlaku dalam era yang dulu dan untuk kita sekarang saya rasa Usul yang di bawa oleh Sekinchan ini memang satu peringatan yang baik dan satu amalan yang cuba untuk mengelakkan sebarang penyelewengan yang berlaku dan memang ini menepati apa yang kita amalkan di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor kita ini. Jadi saya menyokong Usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, boleh saya hujah sedikit

**TUAN SPEAKER:** Baik, Permatang sila.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sekinchan bawa Usul mencadangkan satu Rang Undang-undang pada Kerajaan negeri untuk menggubal satu Rang Undang-undang melarang Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Majlis, Ahli Majlis Daerah untuk memiliki tanah. Saya akan membahas dari sudut Rang Undang-undang itu sendiri, maknanya kalau cadangan Rang Undang-undang ni dibuat kepada pihak Kerajaan dan barangkali Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang dalam sidang yang akan datang saya rasa beberapa perkara yang perlu dilihat.

Yang pertama, sama ada Rang Undang-undang yang di cadang nanti, apakah dia bertentangan dengan Kanun Tanah Negara. Sebab kita ada Undang-undang juga di peringkat Kanun Tanah Negara yang perlu melihat bahawa sebenarnya rakyat mana pun berhak untuk mohon tanah. Itu kita tak boleh nafikan. Sekali pun dia Ahli Parlimen, ADUN dan sebagainya. Itu hak yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Yang ini perlu dilihat.

Yang keduanya juga kita kena melihat, kadang-kadang orang mohon mungkin letak nama sendiri kalau wakil rakyat tak mohon bagaimana dengan nama anak, isteri, menantu, bapa mertua, adik ipar, cucu, datuk, nenek dan Undang-undang ini kena meneliti semua perkara-perkara tanpa menafikan mana-mana hak rakyat dalam negeri ini untuk memohon tanah dan dalam keadaan sekarang pun saya fikir Ahli Parlimen ke, ADUN ke, kita pun perlukan juga. Saya tak menafikan kalau ada peluang barangkali semua orang pun boleh memohon cuma pertimbangan daripada Pihak Berkuasa Negeri lah yang boleh membuat keputusan.

Bagaimanapun Rang Undang-undang ini mesti dilihat, Rang Undang-undang yang boleh kita lulus dan boleh dilaksanakan sebab kita tak mahu bila Rang Undang-undang, ibarat bila kita buat kuih, kuih tak boleh makan dah siap. Ibarat kita buat kapal, akhirnya tak boleh belayar kerana *ultra virus* dan sebagainya. Saya memperingatkan supaya kalau sekiranya Rang Undang-undang ini dibuat akan dilihat perkara-perkara yang berkenaan dan contoh-contoh dan berkenaan dengan contoh-contoh yang Sekinchan bawa ya, saya rasa orang yang dicontohkan itu memang tidak ada dalam Dewan ini dan saya pun tak berhak untuk menjawab bagi pihak mana-mana individu walaupun mungkin saya ada sedikit sebanyak barangkali ada dengar maklumat dan sebagainya dan saya mendapat pesanan SMS saya terima mengatakan bahawa daripada rakan-rakan bahawa pemberimilikan ini diperolehi sebelum beliau menjadi Ahli Parlimen. Ya, jadi ini kena semak lah. Sebelum menjadi Ahli Parlimen, belum menjadi Menteri, belum memang apa-apa jawatan politik, tidak menjadi Ketua Bahagian pun ya dan skim yang digunakan ini ialah akuakultur untuk tujuan pertanian pada waktu itu dan barangkali lepas itu beliau menjadi Ahli Parlimen dan mungkin tak sempat nak usahakan jadi dan soal tadi pun saya sebut tadi yang Sekinchan pun tak nak jawab jadi bersangka baik itu saya ingat kena adalah juga sebab kadang-kadang bila bersangka buruk ini kadang-kadang datang daripada peribadi yang buruk juga. Jadi kita bersangka baik lah dan kalau Sekinchan rasa pendedahan ini cukup sensasi saya cadangkan Sekinchan buatlah di luar Dewan dan kita jangan berlindung di sebalik imuniti Dewan ini dan buat di luar sama ada di DUN Sekinchan sendiri atau di mana-mana yang mungkin pertahankan kalau kita berhujah dan kita kena pertahankan hujah kita dan kalau kita terpaksa melalui proses tindakan undang-undang, kita terima. Kalau betul tindakan kita ataupun hujahan kita dan fakta kita itu betul dan tepat sebab saya rasa tidak adil orang yang ditohmah itu atau yang dikata itu tidak ada dalam Dewan dan tak dapat pertahankan diri. Jadi saya rasa Dato' Speaker itu sahajalah yang saya rasa untuk bersifat adil dan pada saya kalau sekiranya Rang Undang-undang dibentangkan ini akan memberi kebaikan kepada penambahbaikan sistem, kebaikan kepada rakyat kenapa tidak kita pun menyokong. Itu perkara yang sepatutnya memberikan kebaikan sebab Dewan ini pada saya ialah Dewan yang untuk sebagaimana saranan ataupun titah DYMM Tuanku biarlah Dewan ini membuat keputusan yang terbaik untuk rakyat, untuk negeri kita. Apa juga bentuk sama ada dari segi aspek pembangunan, aspek kewangan apa juga urus tadbir yang baik memang kita menyokong dasarnya walaupun Barisan Nasional sebagai pembangkang dalam Dewan ini.

Pada dasarnya kita akan melihat perkara-perkara kebaikan, perkara-perkara yang memberi manfaat kepada rakyat. Undang-undang yang saya rasa adil dan boleh dilaksanakan maka itu tak ada masalah untuk disokong oleh pihak kita dan sebahagiannya untuk kebaikan dan kemaslahatan rakyat. Itu sahaja Dato Speaker, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan ingin menggulung.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Permatang dan juga Yang Berhormat Kajang tadi tentang menyokong Usul dan pembahasan ni cuma saya terpanggil untuk mengutarakan Usul ini untuk dipertimbangkanlah oleh pihak Kerajaan dari segi Undang-undangnya dan sebagainya. Tujuannya niatnya baik ialah kita untuk membina sebuah Kerajaan yang bersih, yang bersih demi mempertahankan hak rakyat kerana kerajaan yang ada sekarang ni Kerajaan Pakatan Rakyat adalah sebuah kerajaan yang memperjuangkan hak rakyat untuk rakyat, ini sahaja. Sekian terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan menyeru Kerajaan Negeri Selangor menggubal satu Rang Undang-undang melarang semua Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis Bandar raya, Ahli Majlis Perbandaran dan Ahli Majlis Daerah daripada memohon tanah kerajaan demi membina sebuah kerajaan yang bersih dan mengelakkan sebarang amalan penyalahgunaan kuasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

## **V. USUL PENANGGUHAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul Untuk Menangguhkan Dewan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan sehingga satu masa yang ditetapkan kelak. Lagi sekali saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih pada Dato' Speaker dan warga kerja dewan yang telah dapat mengendalikan perbincangan dengan penuh bermakna untuk sidang yang kita adakan. Kedua saya juga mengingatkan diri saya dan rakan-rakan. Kita akan tidak lama lagi akan mendapat menjalankan usaha kita ke arah untuk umat Islam, ke arah meningkatkan lagi usaha mendapatkan pahala dan dalam menyambut hari ataupun bulan Ramadhan Al-Mubarak dan saya mengucapkan terima kasih dan kita juga mengingatkan Ahli-ahli Dewan boleh menggunakan peluang yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk singgah ke Masjid dan Surau kerana peruntukan untuk ini sudah kita keluarkan. Lagi sekali, saya mengingatkan diri saya dan rakan-rakan bahawa dewan ini ialah forum untuk kita berbincang untuk mencari jalan supaya keputusan yang kita buat ini memberi makna kepada tugas yang kita lakukan iaitu kita telah mewakili rakyat dan rakyat meminta kita supaya diwakili untuk mereka di dewan ini dan kegunaan dewan ini ialah

untuk merancang dan membina satu langkah untuk kepentingan rakyat negeri dan negara. Itulah sahaja, lagi sekali terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Dewan.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menengguhkan persidangan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua YB Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan sepanjang mesyuarat ini berlangsung. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha, urus setia-urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Pada semua Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan, agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menengguhkan dewan ini di hadapan saya ini terdapat permohonan untuk membuat ucapan penengguhan dan bersesuaian dengan peraturan tetap 16(2), saya mempersilakan YB Kampung Tunku untuk membuat ucapan penengguhannya, melainkan beliau ingin menarik balik. Silakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, terima kasih. Saya memilih untuk teruskan. Ini adalah ucapan saya. Kerajaan Selangor harus menetapkan satu sistem pemindahan hartanah bumiputera yang telus dan efektif supaya pembeli rumah bumiputera tidak terlalu dikongkong dengan peraturan-peraturan yang terlalu tegas, di samping mengelak sebarang manipulasi. Contoh yang paling baik untuk menggambarkan situasi ini ialah 2 aduan yang diterima berkenaan Kondominium Kelana D'Putra yang dibangunkan oleh Syarikat Perantara Properties Sdn Bhd. Dalam kes pertama seorang pemilik rumah bumiputera yang juga seorang warga emas ingin melepaskan rumahnya kepada seorang kawan karibnya sejak zaman persekolahan lagi tetapi tidak berjaya kerana rumah beliau itu adalah unit kuota bumiputera dan tidak boleh di pindah milik kepada pembeli bukan bumiputera dan kes kedua seorang pemilik rumah bukan bumiputera telah di pesong oleh pemaju dan terbeli sebuah rumah kuota bumiputera. Beliau ingin menjual rumah ini kepada seorang pembeli bukan bumiputera tetapi tidak berjaya. Dalam kedua-kedua kes ini, pembeli asal rumah berkenaan dilarang daripada menjual rumah kuota bumiputeranya kecuali mendapat kebenaran daripada Kerajaan Selangor. Proses ini memakan masa dan ini tidak mendatangkan apa-apa kebaikan baik kepada pemilik ataupun kepada pembeli. Apa yang jelas memang terdapat ketirisan dalam sistem sedia ada sehingga terdapat pihak-pihak tidak bertanggungjawab mampu memanipulasi peraturan-peraturan yang ada untuk kepentingan mereka. Kerajaan Selangor harus berikhtiar untuk menyelesaikan masalah ini. Contohnya, pembeli bumiputera harus diberi kebebasan untuk menjual

rumah tersebut kepada bukan bumiputera dengan syarat pembeli berkenaan perlu membayar caruman kepada satu tabung yang dikhususkan untuk membantu golongan miskin untuk memiliki rumah pertama mereka, Tuan Speaker. Pemaju yang menjual hartanah plot bumiputera kepada bukan bumiputera tanpa kebenaran perlu dihukum dengan membuat caruman yang sama kepada tabung yang dimaksudkan di atas, selain itu untuk memastikan golongan miskin bumiputera terbela, Kerajaan juga tidak perlu menetapkan kuota dan diskaun harga bumiputera untuk hartanah mewah yang melebihi RM 1 Juta ke atas memandangkan pembeli-pembeli bumiputera sudah tentu mampu membeli hartanah-hartanah ini atas kemampuan mereka sendiri tanpa bantuan kerajaan. Dengan ini para pemaju tidak perlu menanggung subsidi yang terlalu tinggi dan keuntungan yang diperolehi boleh disalurkan ke dalam tabung yang dimaksudkan tadi untuk membantu lebih ramai orang miskin khususnya golongan bumiputera untuk memiliki rumah mereka yang pertama. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih, Kg. Tunku, Terima kasih kepada Tuan Speaker. Terdapat beberapa perkara yang telah disentuh oleh Kg. Tunku. Di antaranya adalah tentang *transfer* atau pindah milik apabila hendak dijual daripada bumiputera kepada bukan bumiputera. Perkara ini telah dibincangkan beberapa kali, banyak kali dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan juga telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Tanah yang baru lalu. Di mana kita membenarkan dengan syarat bahawa pemilik bumiputera itu bertujuan untuk menambah nilai hartanah mereka iaitu kalau mereka hendak *upgrade* contohnya daripada rumah yang teres ataupun kepada suatu hartanah yang lebih tinggi lagi nilainya, maka ia dibenarkan untuk memindah milik. Dari segi kuota bumiputera, perkara ini telah dibincangkan beberapa kali dan kita telah mengadakan perbincangan juga turut mengadakan perbincangan dengan pihak yang terlibat sama ada pihak-pihak NGO ataupun Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan dan juga bersama dengan Persatuan Pemaju-pemaju Hartanah dan kita telah ada satu mekanisme yang telah berjalan lebih kurang 1 tahun lebih dan setakat ini tidak ada satu *complaint* atau rungutan yang besar daripada pemaju-pemaju hartanah dan kalau kita lihat bahawa bagaimana *release* ataupun kuota ini dapat di *release* ataupun dilepaskan itu adalah lebih laju atau lebih laju daripada yang benda mudah dan lebih laju daripada sebelum ini tanpa kita mengorbankan ataupun memastikan bahawa ini tidak diselewengkan dan tidak dipindahkan dengan sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan mengambil maklum dan kita sentiasa dalam apa-apa polisi yang kita lakukan kita sentiasa terbuka kepada sebarang penambahbaikan. Terima kasih.



**TUAN SPEAKER:** Baik Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya menangguhkan dewan ini ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang)**